

قتین قیتہ

PETIKAN TITAH

"Di Brunei, kita juga meneruskan kelangsungan hidup berperlembagaan dan berundang-undang, di mana semua hak adalah terpelihara dan dihormati".

- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanalkhalid Bolkiah 1440H / 2019M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلیة

مانیسہ ایمان

MANISNYA IMAN

"WAHA! orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu berhal, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras, maka mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim, ayat 6.

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK

4.41

SUBUH

4.51

SYURUK

6.08

DUHA

6.30

ZUHUR

12.11

ASAR

3.23

MAGHRIB

6.12

ISYAK

7.21

TAHUN 66 / BILANGAN 118

2 OKTOBER 2021 / 1443 صفر 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA ULANG TAHUN PENGASASAN REPUBLIK RAKYAT CHINA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan juga kepada Premier of the State

Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China sempena dengan Ulang Tahun Ke-72 Pengasasan Republik Rakyat China.

Hubungan NBD - China terus kukuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping

dan kerajaan serta rakyat Republik Rakyat China sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik yang ke-30 antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



SALING menghormati, percaya asas kekuatan hubungan NBD - China Muka 3



IPHONE generasi terbaharu dilancarkan Muka 27



"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Operasi Pulih bermula 4 Oktober

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah dengan ini memaklumkan, bahawa langkah-langkah pengawalan yang telah diumumkan sebagaimana Sidang Media Kementerian Kesihatan, pada 3 September adalah dengan ini dilanjutkan selama 14 hari, bermula pada Isnin, 4 Oktober 2021 hingga Ahad, 17 Oktober 2021.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dalam tempoh dua minggu ini, beberapa strategi tambahan akan juga dilaksanakan, seperti agensi-agensi penguatkuasaan akan mempertingkatkan pengawasan (surveillance) dan aktiviti penguatkuasaan (enforcement) agar orang ramai terus bekerjasama dalam mematuhi arahan-arahan sekatan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

>> Muka 5



HUBUNGAN NBD - RUSIA TERUS TEGUH

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar

titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin dan kerajaan serta rakyat Persekutuan Rusia bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik Yang Ke-30 di antara Negara Brunei Darussalam dengan Persekutuan Rusia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar dilanjutkan

Siaran Akhbar : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Hakim Edward Timothy

Starbuck Woolley. Pelantikan Yang Arif Hakim Edward Timothy Starbuck Woolley akan dilanjutkan selama dua tahun berkuat kuasa mulai 7 September 2021. Yang Arif Hakim Edward Timothy Starbuck Woolley mula dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam pada 7 September 2019 untuk jangka masa dua tahun. Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam ingin menyatakan rasa gembira bahawa pelantikan Yang Arif Hakim Edward Timothy Starbuck Woolley sebagai

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam telah dilanjutkan dan diharapkan dapat bekerjasama dengannya dalam mengembangkan perundangan dengan pengalamannya yang luas dalam penyelesaian permasalahan.

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
2	SABTU	25	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	AHAD	26	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
4	ISNIN	27	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20
5	SELASA	28	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.20
6	RABU	29	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19
7	KHAMIS	30	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
8	JUMAAT	1	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	30 24 °C	32 25 °C	32 24 °C
Pekan Tutong	31 25 °C	32 24 °C	32 25 °C
Kuala Belait	30 24 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

2 OKTOBER 2021

Sayangi warga emas 'kitani'

SAMBUTAN Hari Antarabangsa Warga Emas yang Ke-31 diadakan setiap 1 Oktober seperti yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 14 Disember 1990. Pada tahun ini tema bagi sambutan ini ialah 'Kesaksamaan Digital Untuk Semua Peringkat Umur'. Tema ini sememangnya bertepatan dengan keadaan pada masa ini yang mana seluruh dunia masih lagi bergelut dengan pandemik COVID-19 dan tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang membanggakan ialah warga emas di negara ini tidak ketinggalan dengan golongan belia dalam teknologi digital ketika ini. Mereka juga peka dengan kemajuan teknologi masa kini yang memerlukan mereka untuk mengadaptasi norma baharu ini. Penggunaan aplikasi BruHealth dan QueUp yang digunakan oleh warga emas untuk membuat tempahan vaksinasi dan juga aktiviti lain seperti membaca Al-Quran, membaca tahlil bersama keluarga secara maya.

Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas turut menggalakkan hubungan antara generasi baru dan warga emas dalam melahirkan masyarakat penyayang dan saling pemedulian. Saling hormat menghormati antara warga emas dan golongan belia perlu ada untuk menjamin kehidupan yang lebih harmoni.

Malangnya masalah kesihatan, Demensia, penuaan sering kali dikaitkan dengan warga emas. Di sinilah peranan golongan muda untuk lebih bertimbang rasa dan bersikap pemedulian kerana masalah seperti ini memang sesuatu yang lumrah yang mungkin akan berlaku kepada mereka yang semakin berumur. Semakin berumur seseorang itu, semakin menghadapi pelbagai masalah kesihatan. Tetapi perlu diingat tidak semua yang berumur menghadapi masalah itu bahkan ada sebahagian warga emas ini yang lebih aktif dan menghabiskan masa-masa mereka dengan melakukan pelbagai aktiviti sukan dan keagamaan selain menghabiskan masa bersama anak-anak dan cucu-cucu.

Ini dapat dilihat dengan penglibatan warga emas melalui Pertubuhan dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang merupakan platform yang mustahak dalam memastikan pembangunan warga emas yang produktif dan sihat dalam sama-sama merealisasikan hasrat Pelan Tindakan Warga Emas. Ia merupakan satu pengiktirafan kepada golongan tersebut agar mereka tidak lagi dilihat sebagai satu golongan yang membawa beban bahkan dapat berganding bahu dalam sama-sama memajukan negara.

Warga emas sepatutnya dihargai dan dilindungi oleh golongan muda dan sesungguhnya mereka lebih dahulu mempunyai banyak pengalaman pahit manis serta cabaran kehidupan daripada kita dan setentunya mempunyai banyak pengalaman yang amat berguna untuk dikongsikan bersama golongan belia. Lambat laun kita juga akan meniti usia tua seperti mereka yang sentiasa memerlukan perhatian dan kasih sayang. - **Ketua Penyunting (Ri)**.

SALING MENGHORMATI, PERCAYA ASAS KEKUATAN HUBUNGAN NBD - CHINA



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Resepsi Secara Maya melalui aplikasi Zoom dan berkenan memotong kek pada Majlis Resepsi tersebut (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September.

Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China terjalin secara formal pada tahun 1991, namun sejarah yang dikongsi bersama NBD dan China telah pun bermula sejak 2,000 tahun yang lalu ketika penjelajah China melakukan perjalanan ke Brunei melalui jalan perdagangan maritim.

Sejak tahun 1991, para pemimpin NBD dan China bekerjasama dengan erat untuk meletakkan asas yang kuat bagi hubungan ini berdasarkan rasa saling menghormati (*mutual respect*), saling percaya dan kebersamaan hidup yang damai (*peaceful co-existence*).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersabda demikian pada Majlis Resepsi Secara Maya melalui aplikasi Zoom bagi Sambutan Ulang Tahun Ke-72 Pengasasan Republik Rakyat China dan Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Republik Rakyat China dan NBD.

"Ini terbukti dalam pertukaran kunjungan yang sering berlaku, seperti kunjungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke China pada tahun 2017 dan lawatan Presiden Xi Jinping ke NBD pada tahun 2018. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengunjungi China sebanyak 12 kali dan menjalinkan hubungan erat dengan kesemua pemimpin yang baginda temui.

"Kami sangat menghargai hubungan mesra dan tradisional yang dinikmati di semua peringkat yang terus berkembang dengan interaksi yang luas di antara masyarakat kita.

"Peningkatan hubungan kita ke Hubungan Koperasi Strategik pada tahun 2013 dan kemudian ke Kerjasama Koperasi Strategik pada tahun 2018 memperkukuhkan lagi hubungan yang saling menguntungkan ini,"

sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna lagi.

Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda bahawa kerjasama ini berkembang di bidang perdagangan dan pelaburan; tenaga; pertanian dan perikanan; infrastruktur; dan pertukaran orang (*people-to-people exchanges*).

Sebagai rakan dagang penting, YTM kemudiannya bersabda, China menjalin usaha sama dalam minyak dan gas hilir; perkhidmatan perbankan; dan pengurusan pelaburan.

"Kami juga menghargai penglibatan aktif syarikat-syarikat China dalam pembangunan infrastruktur kami yang menyediakan hubungan dengan Inisiatif Belt and Road China. Semua ini telah membentuk tonggak hubungan di antara NBD dan China," sabda YTM lagi.

YTM juga menzahirkan rasa gembira kerana ikatan kuat di antara NBD dan China yang berterusan, dikekalkan dengan pertukaran orang yang sentiasa aktif.

"Selama bertahun-tahun, terdapat banyak inisiatif yang baik, termasuk program sukarelawan dan latihan. Ini berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan persahabatan dan persefahaman di antara belia kita pada usia dini," sabda YTM lagi.

YTM juga gembira kerana perjalanan udara di antara kedua negara kini menjadi lebih mudah dengan penerbangan terus ke lebih banyak bandar. Sebelum wabak COVID-19, kedatangan pelancong dari China adalah antara yang tertinggi bagi NBD.

Sabda YTM lagi, NBD bersedia menyambut kedatangan pelancong China ke negara ini apabila keadaan bertambah baik.

Dalam pada itu, YTM seterusnya bersabda, sejak awal lagi, NBD dan China saling

PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (tengah) antara yang hadir pada Majlis Resepsi tersebut dan seterusnya menyampaikan ucapan.



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

menyokong dalam peperangan global menentang COVID-19.

YTM bersama-sama seluruh rakyat NBD mengucapkan terima kasih atas sumbangan 100,000 dos vaksin Sinopharm baru-baru ini juga untuk Makmal Virologi yang membantu meningkatkan keupayaan ujian NBD pada masa yang mencabar ini.

YTM percaya dengan sikap baik tersebut mencerminkan persahabatan lama yang akan dikongsi di antara kedua-dua negara untuk generasi yang akan datang.

Terdahulu, dalam sabda YTM juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China pada Hari Ulang Tahun Ke-30 Pembentukan Hubungan Diplomatik di antara NBD dan Republik Rakyat China dan Ulang Tahun Pengasasan Republik Rakyat China Ke-72.

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong pada ucapannya menjelaskan, oleh kerana pandemik COVID-19, bagi Sambutan Ulang Tahun Ke-72 Pengasasan Republik Rakyat China dan Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Republik Rakyat China dan NBD terpaksa diraikan secara maya.

Bagi pihak Kedutaan Besar dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YTM

kerana berkenan berangkat ke majlis berkenaan sebagai tetamu kehormat.

"Selama 100 tahun yang lalu, Parti Komunis China telah memimpin orang-orang Cina ke arah pembangunan dan pemodenan nasional, dan ia mendapat sokongan luas daripada orang-orang Cina.

"Sejak penubuhan Republik Rakyat China 72 tahun yang lalu, terutama sejak reformasi dan pembukaan, melalui usaha yang tidak henti-hentinya, kini China menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia, berkembang dalam kekuatan komposit dan kedudukan antarabangsa.

"China kini mempunyai kota-kota kosmopolitan yang berkembang pesat; kawasan desa yang indah dan harmoni,

infrastruktur maju, jaringan pengangkutan yang selamat dan selesa, pasar yang dinamis dan masyarakat yang stabil dan teratur," jelas PYT lagi.

30 tahun yang lalu, dengan terjalannya hubungan diplomatik rasmi di antara China dan NBD, PYT seterusnya menjelaskan persahabatan dan sejarah panjang di antara kedua negara memasuki babak baharu pada masa itu.

PYT seterusnya menjelaskan, China dan NBD mematuhi prinsip saling menghormati dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman masing-masing.

"Sebilangan pemimpin negara China telah mengunjungi NBD dan Kebawah DYMM telah mengunjungi China atau datang ke China untuk menghadiri persidangan antarabangsa sebanyak 12 kali.

"Hubungan China - NBD ditingkatkan menjadi kerjasama strategik ketika Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping melawat Brunei pada tahun 2018," tambah PYT lagi.

Atur cara diteruskan lagi dengan Majlis Pemetongan Kek yang disempurnakan oleh YTM, diikuti dengan penyampaian memento yang disempurnakan oleh PYT kepada YTM.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan tayangan video bagi kedua sambutan tersebut dan diakhiri dengan Pembukaan Sampul Hari Pertama Memperingati 30 Ulang Tahun Hubungan Diplomatik China - Brunei yang disempurnakan oleh YTM dan PYT.

"SELAMA bertahun-tahun, terdapat banyak inisiatif yang baik, termasuk program sukarelawan dan latihan. Ini berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan persahabatan dan persefahaman di antara belia kita pada usia dini".



210 KES BAHARU COVID-19 DISAHKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan; **Yang** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; juga **Yang** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Sebanyak 210 kes baharu jangkitan COVID-19 telah disahkan pada hari ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 7,326 orang.

Menteri Kesihatan, **Yang** Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, terdapat 49 tambahan kes baharu pada 17 kluster aktif yang sedia ada pada hari ini yang merupakan kontak-kontak terdekat kepada beberapa kes positif sebelumnya.

"Sementara itu, terdapat tujuh kluster baharu telah dikesan yang membawa kepada jumlah kluster aktif sebanyak 125 kluster. Kluster-kluster ini ialah Kluster 7110, yang mengandungi 21 kes; Kluster 6602, yang mengandungi tiga kes; Kluster 6597, yang mengandungi empat kes; Kluster 7068, yang mengandungi lapan kes; Kluster 6839, yang

mengandungi lapan kes; Kluster Pasar Gadong, yang mengandungi dua kes; dan empat kes telah dikesan setakat ini berikutan operasi *mass swabbing* yang dijalankan di kawasan Bukit Beruang, pada 29 September 2021," ujar **Yang** Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sementara itu, tambah **Yang** Berhormat, terdapat 111 kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

Dalam pada itu, jelas **Yang** Berhormat, 168 kes telah disahkan sembuh pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 5,043 kes manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 2,233 kes.

Menurut **Yang** Berhormat, dalam

kalangan kes-kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, tujuh kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan satu kes masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO).

Sementara itu jelas **Yang** Berhormat, 30 kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi.

"Alhamdulillah pada 30 September 2021 sehingga pagi tadi, Pusat Pengasingan Kebangsaan telah mencatatkan dua kelahiran anak damit bagi dua kes positif COVID-19. Kesemua ibu dan anak adalah dalam keadaan yang baik," ujar **Yang** Berhormat.

Dalam tempoh 24 jam lalu tambah **Yang** Berhormat, sebanyak 5,271 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 361,082 ujian.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan orang ramai untuk mematuhi segala arahan yang telah dikeluarkan bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak keluar rumah tanpa tujuan yang penting dan jika perlu keluar rumah untuk tidak pergi ke tempat-tempat sesak serta mengamalkan penjarakan sosial.

"Di samping itu juga untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah keselamatan diri, seperti memakai sungkup muka, membersihkan tangan dan etika bersin dan batuk yang betul," ujar **Yang** Berhormat.

Turut hadir pada Sidang Media tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **Yang** Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, **Yang** Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

MAKLUMAT PENTING COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Waktu operasi Pusat Vaksinasi, Stadium Tertutup

Bermula Jumaat, 1 Oktober 2021, waktu perkhidmatan, di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup akan ditambah pada setiap Jumaat, dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Perkhidmatan ini adalah bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pintar berwarna kuning atau ungu sahaja juga yang menghadapi masalah untuk menempah slot vaksinasi dos pertama melalui aplikasi BruHealth.

Perkhidmatan ini hanya diberikan secara tempahan sahaja, di mana tempahan boleh dilakukan melalui panggilan telefon, pesanan ringkas SMS atau aplikasi WhatsApp ke nombor-nombor yang tertera di skrin sekarang. Oleh yang demikian, pemberian secara *walk-in* pada hari Jumaat adalah ditiadakan.

Maklumat yang diperlukan semasa membuat tempahan slot adalah nama penuh; nombor kad pintar; nombor Bru-HIMS (jika ada); dan nombor telefon untuk mudah dihubungi.

Calonkan kakitangan bantu pihak Kementerian Kesihatan

Semua pihak ketika ini berganding bahu dalam sama-sama membantu Kementerian Kesihatan, termasuk setiap pertubuhan, antaranya ditugaskan di National Command Center (NCC), di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di mana semua kementerian juga mencalonkan kakitangan-kakitangan bagi membantu pihak Kementerian Kesihatan.

Hampir 400 kakitangan kerajaan yang terlibat dalam menghulurkan bantuan menerusi kerja secara *shift* kerana seperti di NCC, ia beroperasi selama 24 jam sehari.

Kes jangkitan meningkat

Sebanyak 210 kes baharu jangkitan COVID-19 telah disahkan pada 1 Oktober 2021 yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 7,326 orang.

Menteri Kesihatan, **Yang** Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan juga, terdapat 49 tambahan kes-kes baharu kepada 17 kluster aktif yang sedia ada dan merupakan kontak-kontak terdekat kepada beberapa kes positif sebelumnya.

Terdapat tujuh kluster baharu telah dikesan yang membawa kepada jumlah kluster aktif sebanyak 125 kluster. Kluster-kluster ini ialah Kluster 7110, yang mengandungi 21 kes; Kluster 6602, yang mengandungi tiga kes; Kluster 6597, yang mengandungi empat kes; Kluster 7068, yang mengandungi lapan kes; Kluster 6839, yang mengandungi lapan kes; Kluster Pasar Gadong, yang mengandungi dua kes; dan empat kes telah dikesan setakat ini berikutan operasi *mass swabbing* yang dijalankan di kawasan Bukit Beruang, pada 29 September 2021.

Langkah pengawalan dilanjutkan 14 hari

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli **Yang** Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan **Yang** Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri adalah dengan ini memaklumkan bahawa langkah-langkah pengawalan yang telah diumumkan sebagaimana Sidang Media Kementerian Kesihatan pada 3 September adalah dengan ini dilanjutkan selama 14 hari bermula pada Isnin, 4 Oktober 2021 sehingga Ahad, 17 Oktober 2021.

Patuhi arahan sekatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan

Dalam tempoh dua minggu ini, beberapa strategi tambahan akan juga dilaksanakan seperti agensi-agensi penguatkuasaan akan mempertingkatkan pengawasan (*surveillance*) dan aktiviti penguatkuasaan (*enforcement*) agar orang ramai terus bekerjasama dalam mematuhi arahan-arahan sekatan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Orang ramai adalah disarankan dan diperlukan untuk berada di tempat tinggal masing-masing pada setiap malam daripada jam 8.00 malam hingga jam 4.00 pagi. Ini adalah untuk mengurangkan pergerakan serta risiko penularan jangkitan COVID-19. Pengecualian hanya diberikan atas urusan-urusan kecemasan dan mendesak atau menjalankan kerja sebagai petugas kritikal (*critical frontline workers*) sahaja.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19 148



Punca kematian masih dalam siasatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media tersebut.

ramai, bahawa satu kes yang disahkan COVID-19 kembali ke rahmatullah. Kes tersebut, seorang lelaki, berumur 88 tahun, merupakan Kes 7068.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar memaklumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, punca kematian bagi kes ini masih dalam siasatan.

Yang Berhormat mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga kes berkenaan dan berdoa semoga rohnyanya dicucuri rahmat juga ditempatkan bersama para-para solihin.

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang

Operasi Pulih bermula 4 Oktober

>> Muka 1

"Orang ramai adalah disarankan dan diperlukan untuk berada di tempat tinggal masing-masing pada setiap malam dari jam 8.00 malam hingga jam 4.00 pagi. Ini adalah untuk mengurangkan pergerakan serta risiko penularan jangkitan COVID-19. Pengecualian hanya diberikan atas urusan-urusan kecemasan dan mendesak atau menjalankan kerja sebagai petugas kritikal (*critical frontline workers*) sahaja.

"Sebagai tambahan kepada usaha yang sedang dan telah dilaksanakan, kerjasama di kalangan Penghulu dan Ketua



Kampung adalah diharap untuk sama-sama memantau penduduk setempat terus mematuhi segala arahan-arahan bagi mengawal penularan COVID-19; mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan penjarakan fizikal dan tidak mengadakan majlis-majlis keramaian," tegas Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, langkah-langkah yang diusahakan selama dua minggu itu akan dikenali sebagai Operasi Pulih.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai Talian Hotline, di Pusat Koordinasi Kebangsaan Menangani COVID-19 (N3C), yang beroperasi selama 24 jam setiap hari dan disediakan bagi memudahkan orang awam melaporkan sebarang insiden yang didapati melanggar sebarang peraturan atau SOP kepada pihak berkuasa.

Talian-talian Hotline yang dapat dihubungi, iaitu +673 8176148 atau +673 8175148 atau +673 8166148 atau +673 8155148.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media berkenaan.

■ LANGKAH-langkah pengawalan dilanjutkan selama 14 hari bermula pada Isnin, 4 Oktober hingga Ahad, 17 Oktober 2021.

■ DALAM tempoh dua minggu ini, beberapa strategi tambahan akan juga dilaksanakan, seperti agensi-agensi penguatkuasaan akan mempertingkatkan pengawasan (*surveillance*) dan aktiviti penguatkuasaan (*enforcement*) agar orang ramai terus bekerjasama dalam mematuhi arahan-arahan sekatan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

■ ORANG ramai adalah disarankan dan diperlukan untuk berada di tempat tinggal masing-masing pada setiap malam dari jam 8.00 malam hingga jam 4.00 pagi. Ini adalah untuk mengurangkan pergerakan juga risiko penularan jangkitan COVID-19. Pengecualian hanya diberikan atas urusan-urusan kecemasan dan mendesak atau menjalankan kerja sebagai petugas kritikal (*critical frontline workers*) sahaja.

KERJASAMA PENGHULU MUKIM, KETUA KAMPUNG JAYAKAN OPERASI PULIH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyeru kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di seluruh negara untuk dapat memberikan kerjasama yang padu dalam usaha kita untuk memantau keadaan, di mukim-mukim dan kampung masing-masing, dengan memastikan orang ramai berada dalam rumah masing-masing, dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi.

Yang Berhormat menekankan perkara tersebut, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Di sini, tambah Yang Berhormat, berikutan dengan Operasi Pulih mengenai kerjasama dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah diharap untuk sama-sama memantau penduduk-penduduk setempat terus mematuhi segala arahan-arahan bagi mengawal penularan COVID-19 mengamalkan tanggungjawab

sosial masing-masing dengan penjarakan fizikal dan tidak mengadakan majlis-majlis keramaian, iaitu dalam memikul tanggungjawab bagi melaksanakan Operasi Pulih ini.

Dalam hubungan ini, tambah Yang Berhormat, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung akan dapat menggerakkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Jawatankuasa Kejiranan Kampung atau Biro Keselamatan Kampung untuk sama-sama bekerjasama memantau mukim dan kampung masing-masing bagi mencapai objektif-objektif dalam Operasi Pulih ini.

"Saya yakin dan percaya kepada kewibawaan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung juga Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam memikul tanggungjawab ini sebagaimana yang mereka tunjukkan semasa kita menghadapi gelombang kedua COVID-19 ini.

"Iaitu dari bulan Ogos yang lalu hingga bulan September dan hari ini, mereka telah mengadakan pemeriksaan berterusan terhadap premis-premis perniagaan di kampung dan

mukim masing-masing bagi sama-sama membantu premis-premis perniagaan ini mematuhi nasihat Kementerian Kesihatan, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan pengawalan penularan wabak COVID-19," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, ini adalah tanggungjawab kita bersama selaku rakyat dan penduduk negara ini dan Yang Berhormat percaya menerusi institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, kita akan dapat bersama-sama menjayakan Operasi Pulih ini.

Pertingkatkan perlindungan melalui vaksinasi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, bahawa berdasarkan statistik-statistik yang diperoleh dalam dua bulan kebelakangan ini, didapati jumlah kes-kes positif di dalam gelombang kedua ini adalah seperti berikut, iaitu kira-kira 75 peratus belum menerima vaksinasi COVID-19; 17 peratus baharu menerima satu dos vaksinasi COVID-19; dan hanya lapan peratus telah melengkapkan vaksinasi COVID-19.

Mengikut statistik yang ada, kira-kira satu peratus pesakit akan mengalami kesan jangkitan yang teruk hingga memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (dalam Kategori 5). Setakat ini, tidak ada pesakit yang telah melengkapkan vaksinasi di dalam Kategori 5.

"Daripada statistik-statistik berkenaan, ia menunjukkan betapa pentingnya untuk mempercepatkan peningkatan perlindungan melalui vaksinasi. Usaha ini juga adalah penting bagi tidak membebankan sistem penjagaan kesihatan.

"Dalam tempoh beberapa minggu ini nanti, kerajaan akan mempertingkatkan usaha dalam memastikan 80 peratus penduduk di Negara Brunei Darussalam akan melengkapkan dua dos suntikan vaksin COVID-19 sebelum penghujung tahun 2021.

"Ini merupakan satu usaha yang besar memandangkan tarikh sasaran awal bagi mencapai jumlah 80 peratus tersebut

adalah dalam bulan Mac 2022. InsyaaAllah Negara Brunei Darussalam akan dapat mencapai sasaran yang disebutkan," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, berikutan kenyataan Kementerian Kesihatan semasa sidang media sejak 7 Ogos 2021 mengenai dengan langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan semula disebabkan gelombang kedua COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta sukarelawan dan orang awam telah berganding bahu dalam usaha mengawal penularan wabak ini di negara kita.

"Walau bagaimanapun, jumlah kes positif jelasnya masih belum menurun dan pada masa yang sama, keadaan di pusat-pusat pengasingan semakin mencapai kapasiti yang maksima di mana pada masa ini penggunaan katil atau *bed capacity* adalah di tahap 78 peratus," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, pada masa yang sama, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus melaksanakan usaha-usaha bagi peralihan secara berfasa untuk negara kita keluar daripada keadaan pandemik.

"Kita akan berjaya melakukannya apabila semua daripada setiap lapisan masyarakat dan individu di

negara ini, berganding bahu, memberikan kerjasama dan sama-sama berusaha dalam membendung penularan jangkitan COVID-19.

"Dengan ini ditekankan sekali lagi kepada orang ramai untuk tidak meninggalkan rumah kecuali atas urusan-urusan kecemasan atau mustahak dan bagi yang bekerja sebolehnya mempraktikkan 'Work From Home'.

"InsyaaAllah, sesudah jumlah kes-kes positif COVID-19 mula menurun, ia akan dapat mengurangkan tekanan terhadap sistem penjagaan kesihatan negara kita dan dapat memberikan keutamaan dari segi subangan sumber tenaga dalurakan untuk menjayakan program vaksinasi di negara kita.

"Operasi Pulih dengan strategi-strategi yang dilaksanakan adalah dihasratkan akan dapat mengawal risiko penyakit yang disebabkan jangkitan COVID-19 dan lebih penting lagi, memulihkan kehidupan seharian pasca COVID-19 agar kembali kepada norma dan sekali gus memulihkan keadaan ekonomi negara yang telah terjejas disebabkan pandemik," tegas Yang Berhormat.

Pemulihan negara katanya, adalah tanggungjawab kita bersama di mana peranan orang awam merupakan faktor kritikal dalam menjayakan apa jua strategi kerajaan.

Atas kerjasama semua pihak setentunya sangat-sangat dihargai. Kita hendaklah terus berdoa dan sama-sama berusaha di samping bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita terselamat daripada penyakit wabak COVID-19.

VISA DIKELUARKAN UNTUK 'ESSENTIAL TRAVEL' SAHAJA

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Dari segi tempat tinggal pekerja asing, di dalam Perintah Pekerjaan 2009, di bawah Perintah Bab 80 menyatakan bahawa tiap-tiap majikan hendaklah menyediakan dan menyelenggarakan bagi pekerja-pekerjanya tempat tinggal yang bersih dan selamat, termasuk kesihatan juga penjagaan perubatan seperti yang telah disenaraikan.

Manakala bangunan, mengikut Bab 81 juga dimestikan dibina menurut peruntukan undang-undang yang diselenggarakan oleh agensi-agensi yang tertentu.

Dalam hubungan ini, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sejak beberapa tahun ini telah pun mengadakan pemeriksaan atau operasi, di mana dari operasi bersepadu atau bersendirian itu dapat dilihat.

Selain itu katanya, sejak akhir ini, satu jawatankuasa telah ditubuhkan mengandungi beberapa agensi kerajaan, yang telah mengambil langkah untuk sama-sama melaksanakan Swab Sweep.

Dari operasi selepas itu, seramai 430 warga asing telah diswab dan didapati lima daripadanya telah positif. Operasi ini secara lebih proaktif untuk memastikan mereka tinggal dalam keadaan yang mengikut peraturan dan mematuhi

kepada kehendak-kehendak, kriteria-kriteria agensi-agensi berkaitan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan perkara itu semasa menjawab soalan daripada pihak media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai visa yang telah dikeluarkan. Jelasnya, pada gelombang kedua ini, sebanyak 796 visa telah dikeluarkan oleh JIPK dan ia adalah bagi perkhidmatan yang *essentials travel* sahaja dan bukan visa biasa.

Mengenai SOP yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara dalam mengekang penularan COVID-19 di penjara. Menurut Yang Berhormat, salah satu daripada langkah awal yang telah dibuat dahulu semasa gelombang pertama ialah mengasingkan banduan yang akan dibawa masuk ke pusat tahanan atau penjara.

Penjara Jerudong telah dijadikan sebagai tempat pengasingan dan banduan akan berada di sana, di swab selama 14 hari dan apabila mereka *clear*, barulah mereka

akan dipindahkan ke Penjara Maraburong.

Jadi dengan cara ini, kata Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah dibuat atas nasihat Kementerian Kesihatan ini, jabatan berkenaan akan dapat membendung keadaan banduan-banduan di Penjara Maraburong.

"Pada masa ini langkah kita adalah untuk memastikan banduan-banduan mendapatkan vaksin dan demikian juga dengan pekerja dan Warder di penjara. Sebanyak 89 peratus banduan telah di vaksin manakala pekerja dan Warder sudah 91 peratus divaksin.

"Dengan langkah ini, kita berharap akan dapat mengawal keadaan, di samping itu juga mempraktikkan beberapa langkah-langkah pembendungan umpamanya jika ada perbicaraan di mahkamah, ia dibuat secara *video conference* sejak kita mempunyai kemudahan ini di penjara.

"Demikian juga, kita mempunyai langkah-langkah untuk pelawat daripada keluarga, banyak lagi langkah-langkah yang telah dibuat di sana, di samping yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian pada masa ini, seperti WFH dan sebagainya. Kita berharap semua ini akan dapat membendung keadaan," jawab Yang Berhormat lagi.

Kerjasama majikan bantu vaksinasi pekerja

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan bahawa vaksinasi telah pun diaturkan di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen bagi warga asing atau pekerja asing.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa menjawab persoalan daripada perwakilan media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Bagi warga asing dan pekerja-pekerja, tambah Yang Berhormat lagi, Jabatan Buruh akan membantu dari segi menghubungi syarikat-syarikat dan menentukan bilangan mereka yang akan hadir untuk divaksinasi bagi menyelaraskan dan melancarkan lagi proses vaksinasi yang insyaaAllah akan bermula pada Ahad.

Pelbagai agensi tawar produk tempatan

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan bahawa inisiatif bagi perniagaan secara dalam talian telah dilaksanakan sejak tahun 2020 semasa negara menghadapi situasi COVID-19 mulai 9 Mac 2020 yang lalu dan sehinggalah membawa ke beberapa waktu kemudiannya.

Menurut Yang Berhormat, ada beberapa agensi yang bersedia untuk membantu di mana kita mempunyai agensi atau *network online* yang sudah ada pada masa ini di samping bagi peniaga-peniaga juga, kita juga mempunyai pembelian barang-barang *local products* yang diusahakan oleh Syarikat Ghanim dan ia tidak semestinya *online* dan barang-barang ini kebanyakannya barang-barang pertanian, buah-buahan diambil oleh syarikat ini dan mereka akan menjual kepada *supermarket*.

"Berbagai *approach* yang telah dilaksanakan. Jika mempunyai hasrat, boleh menghubungi pegawai-pegawai daerah yang dapat membantu mendapatkan hubungan kepada agensi-agensi yang melaksanakannya," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat dalam sesi soal jawab seterusnya menjelaskan, sejak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menjadi kluster pada 12 Ogos lalu, jabatan tersebut telah pun ditutup, kerana itu tidak ada perkhidmatan secara *walk-in* di ibu pejabat.

Jelas Yang Berhormat, perkhidmatan-perkhidmatan lain boleh dibuat secara membuat panggilan. Dalam Siaran Akhbar yang dikeluarkan pada 12 Ogos lalu ada menyatakan talian, laman sesawang, e-mel dan sebagainya untuk orang ramai berhubung.

"Perkhidmatan-perkhidmatan ini ditutup, tetapi hanya bagi mereka yang benar-benar memerlukan akan dapat diberikan layanan seperti membuat temu janji. Dan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kita juga menyediakan *drop box*," ujar Yang Berhormat.



PUSAT VAKSINASI
STADIUM TERTUTUP, BERAKAS

SETIAP JUMAAT
DIBUKAKAN
DARI
1300-1800 ORANG
SAHAJA

1.5m-2m

Nya MOH, setiap Jumaat belimit orangnya, panjang queue ni di pusat vaksinasi baiklah biskita membawa payung, pen dan air. jangan lupa amalkan penjarakan fizikal disana!

Orang ramai dipohonkan untuk memastikan mereka menegur sesama sendiri jika mendapati ada yang tidak mengamalkan penjarakan fizikal dan orang ramai juga disarankan untuk membawa payung, pen dan air secukupnya ketika berada di pusat vaksinasi

Aktiviti penguatkuasaan dipertingkatkan

BERAKAS, Jumaat, 1 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata bahawa jika dilihat dari dua bulan yang lalu, kerajaan telah mencuba untuk mengawal penyebaran jangkitan COVID-19, dalam masa dua bulan tersebut didapati peningkatan angka kes jangkitan dan pada hari ini juga masih lagi lebih 200 jangkitan kes dan angka jangkitan masih lagi terus meningkat.

"Kita menjangkakan angka kes jangkitan akan menurun dalam beberapa minggu yang lalu namun terjadi sebaliknya, ini disebabkan orang ramai masih

lagi berjalan-jalan, melawat rakan dan menghadiri jemputan dan sebagainya.

"Ini menyebabkan lekukan (*curve*) masih terus meningkat. Justeru, kita perlu untuk mengatasinya dengan cara yang berbeza. Kita bukan sahaja bergantung kepada agensi penguatkuasaan bahkan akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan kerjasama orang ramai adalah diperlukan," ujar Yang Berhormat menyatakan perkara itu semasa menjawab pada sesi soal jawab Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat menambah, kita juga memerlukan penghulu mukim dan ketua-ketua kampung untuk memata-matai anak-anak buah kampung masing-masing dan melaporkan jika ada berlaku aktiviti perkumpulan atau perjumpaan kepada talian yang telah diperkenalkan.

Selain itu, kata Yang Berhormat, dengan mengehadkan pergerakan orang ramai dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi itu diharap akan dapat mengurangkan orang ramai untuk keluar rumah dan melakukan aktiviti perjumpaan.

Namun tambah Yang Berhormat, bagi *essential workers* adalah dibenarkan untuk mereka keluar bekerja untuk berkhidmat kepada masyarakat.

INFO TERKINI KLUSTER AKTIF WABAK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM




SWAB SWEEP OPS BUKU Bersih

Kutub (Kutub) (Kutub)

Masih Dalam Siasatan

111 kes baru

1 OKTOBER 2021

COVID-19 : 166 KES BAHARU, 153 KES SEMBUH



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 30 September. - Sebanyak 166 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan pada hari ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes tersebut di negara ini kepada 7,116 orang. Sementara itu, empat kelahiran anak damit bagi empat kes positif COVID-19 dicatatkan oleh Pusat Pengasingan Kebangsaan pada 29 September 2021 sehingga pagi tadi. Kesemua ibu dan anak adalah dalam keadaan yang baik. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji

Jaafar memaklumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini. Yang Berhormat seterusnya menambah, terdapat 47 tambahan kes-kes baharu kepada 10 kluster aktif yang sedia ada pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat kepada beberapa kes positif sebelumnya. Sementara itu, jelas Yang Berhormat, terdapat tiga kluster baharu dikesan, terdiri daripada Kluster 6925, yang mengandungi

tujuh kes; Kluster 6738 mengandungi 12 kes; dan Kluster 6625 mengandungi enam kes. Dalam pada itu, kata Yang Berhormat, Kluster Al-Falah / Freda-Radin ditutup memandangkan tiada kes dikesan dalam kluster berkenaan selama 28 hari. "Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah sebanyak 118 kluster. Sementara itu, terdapat 94 kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan," ujar Yang Berhormat. Yang Berhormat menambah, jumlah kes sembuh di negara ini mencapai 4,875 kes selepas 153 kes disahkan sembuh pada hari ini. Manakala jumlah kes aktif



sebanyak 2,192 kes.

Di Pusat Pengasingan Kebangsaan pula, terang Yang Berhormat, tujuh kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif. "Kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan satu kes masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO)," kata Yang Berhormat. Sementara itu, jelas Yang Berhormat, 34 kes dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi. Yang Berhormat turut

mengongsikan bahawa dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 5,575 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 355,811 ujian. "Marilah kita semua memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar rakyat dan penduduk NBD sentiasa dikurniakan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan serta semoga segala usaha dalam membendung penularan wabak COVID-19 dipermudahkan dan dirahmati oleh-Nya jua. *Amin Amin Ya Rabbal Alamin,*" ujar Yang Berhormat.

2 kes kembali ke rahmatullah

BERAKAS, Khamis, 30 September. - Dua kes yang disahkan COVID-19 telah kembali ke rahmatullah pada hari ini. Kes pertama, iaitu Kes 500 melibatkan seorang lelaki, berusia 57 tahun, manakala kes kedua yang merupakan Kes 6997 juga seorang lelaki, berusia 46 tahun. Berita dukacita itu diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19

di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini. Menurut Yang Berhormat, kedua-dua kes berkenaan dikategorikan sebagai kematian yang disebabkan oleh COVID-19. Dalam pada itu, Yang Berhormat mewakili warga Kementerian Kesihatan dan seluruh rakyat di negara ini mengucapkan takziah kepada keluarga kes-kes tersebut dan berdoa semoga roh-roh mereka dicucuri rahmat serta ditempatkan bersama para solihin.

Jalani Uji Swab jika berasa khuatir

BERAKAS, Khamis, 30 September. - Orang ramai yang berjumpa atau berurusan dengan para penjual di Pasar Gadong dalam masa tiga minggu kebelakangan ini disarankan untuk menjalani Uji Swab jika khuatir terkena jangkitan COVID-19. Perkara itu dijelaskan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa sesi soal jawab bersama pihak media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei

Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini. Menurut Yang Berhormat, kesemua 10 kes dari Pasar Gadong adalah dilaporkan dalam masa tiga minggu berturut-turut, bukannya sehari dua sekali gus. Oleh itu, ujar Yang Berhormat, pihak Jabatan Bandaran menutup pasar tersebut buat sementara waktu bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan dan para pekerja di sana perlu menjalani Uji Swab terlebih dahulu.



CATAT 140 KES SEMBUH, 137 KES BAHARU COVID-19



YANG Berhormat Menteri Kesihatan bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Sebanyak 137 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 6,950 orang.

Terdapat 18 tambahan kes baharu pada tujuh kluster aktif yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat

bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Manakala, empat kluster baharu dikesan, iaitu Kluster 6090, yang mengandungi lapan kes; Kluster 6679, yang mengandungi enam kes; Kluster 4406, yang mengandungi lima kes; dan Kluster 6874, yang mengandungi lima kes.

Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga memaklumkan, bahawa satu kluster ditutup setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari, iaitu Kluster

STATUS TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Maklumat setakat 29 SEPTEMBER 2021

Champion 7 - Posh Endurance.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyatakan, jumlah kluster yang aktif adalah sebanyak 116 kluster.

"Sementara itu, terdapat 95 kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

"Dalam pada itu, 140 kes disahkan sembuh pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 4,722 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 2,181 kes," jelasnya.

Dalam kalangan kes-kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, enam kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif.

Kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan satu

kes memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO).

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, 36 kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 5,791 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 350,236 ujian.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

1 kes meninggal dunia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa satu kes yang disahkan COVID-19 meninggal dunia, pada hari ini.

Kes tersebut, seorang lelaki, berumur 64 tahun, merupakan Kes 3196, yang mengalami beberapa masalah kesihatan dan tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengumumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Yang Berhormat mewakili warga Kementerian Kesihatan juga keseluruhan Rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga kes berkenaan dan semoga keluarga mendiang diberikan kesabaran juga kekuatan dalam menghadapi pemergiannya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Bermula Jumaat, 1 Oktober 2021, waktu perkhidmatan, di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup akan ditambah pada setiap Jumaat, dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Perkhidmatan ini adalah bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pintar berwarna kuning atau ungu sahaja juga yang menghadapi masalah untuk menempah slot vaksinasi dos pertama melalui aplikasi BruHealth.

"Perkhidmatan ini hanya diberikan secara tempahan sahaja, di mana tempahan boleh dilakukan melalui panggilan telefon, pesanan ringkas SMS atau aplikasi

WhatsApp ke nombor-nombor yang tertera di skrin sekarang. Oleh yang demikian, pemberian secara *walk-in* pada hari Jumaat adalah ditiadakan.

"Maklumat yang diperlukan semasa membuat tempahan slot adalah nama penuh; nombor kad pintar; nombor BruHIMS (jika ada); dan nombor telefon untuk mudah dihubungi".

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat

Waktu perkhidmatan Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup ditambah

Menteri Kesihatan, perubahan-perubahan ini dibuat setelah penelitian semula pihak Kementerian Kesihatan mengenai penambahan waktu vaksinasi, di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup bagi orang ramai yang belum menerima dos pertama, seperti yang diumumkan pada sidang media Kementerian Kesihatan, 23 September 2021 lalu.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, bagi perkhidmatan pada Jumaat, 1 Oktober 2021, tempahan akan mula dibukakan pada hari ini, 29 September 2021, dari jam 6.00 petang hingga 11.00 malam dan akan disambung esok dari jam 8.00 pagi hingga slot habis diisikan, iaitu sebanyak 2,000 slot disediakan bagi hari tersebut.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga sedang merancang untuk memberikan waktu vaksinasi tambahan khas bagi pekerja-pekerja di syarikat-syarikat tempatan, sama ada warga tempatan atau warga asing, pada setiap Ahad, dengan kerjasama Pusat Koordinasi Kebangsaan bagi COVID-19; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; juga Jabatan Buruh.

Penjadualan bagi vaksinasi pekerja-pekerja ini akan dibuat melalui pihak pengurusan syarikat masing-masing.

■ **BERMULA** Jumaat, 1 Oktober 2021, waktu perkhidmatan, di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup akan ditambah pada setiap Jumaat, dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

■ **SLOT** vaksinasi dos pertama setiap Jumaat adalah bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam, pemegang kad pintar berwarna kuning atau ungu sahaja.

■ **SLOT** juga dibukakan bagi yang menghadapi masalah untuk menempah slot vaksinasi dos pertama melalui aplikasi BruHealth.

■ **SLOT** hanya diberikan secara tempahan sahaja, iaitu melalui panggilan telefon, pesanan ringkas SMS atau aplikasi WhatsApp ke nombor-nombor yang diberikan.

■ **PEMBERIAN** vaksin secara *walk-in* pada Jumaat ditiadakan.

■ **DIPERLUKAN** nama penuh; nombor kad pintar; nombor BruHIMS (jika ada); dan nombor telefon untuk mudah dihubungi.

■ **PERKHIDMATAN** vaksinasi pada Jumaat, 1 Oktober 2021, tempahan akan mula dibukakan pada 29 September 2021, dari jam 6.00 petang hingga 11.00 malam.

■ **AKAN** disambung esok, Khamis, 30 September 2021, dari jam 8.00 pagi hingga slot habis diisikan.

■ **SEBANYAK** 2,000 slot disediakan bagi Jumaat, 1 Oktober 2021.

■ **KEMENTERIAN** Kesihatan juga sedang merancang untuk memberikan waktu vaksinasi tambahan khas bagi pekerja-pekerja di syarikat-syarikat tempatan, sama ada warga tempatan atau warga asing, pada setiap Ahad.

■ **PENJADUALAN** bagi vaksinasi pekerja-pekerja akan dibuat melalui pihak pengurusan syarikat masing-masing.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat juga mengucapkan Selamat Menyambut Hari Perkhidmatan Awam Yang Ke-28, bertepatan 'Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara'.

TEMPAHAN SLOT VAKSIN AWDA MELALUI TELEFON, MESEJ ATAU WHATSAPP



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menggariskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

Perkhidmatan tersebut, menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan adalah untuk Rakyat dan Penduduk Tetap yang memegang kad pintar berwarna kuning atau ungu, mempunyai Bru-HIMS (jika ada) dan ada menghadapi masalah dengan aplikasi BruHealth.

Perkhidmatan akan disediakan melalui tempahan, yang boleh dibuat melalui telefon, mesej atau WhatsApp. Nombor-nombor telefon untuk tempahan boleh didapati di Instagram @mohbrunei.

Kementerian Kesihatan juga membuat perancangan untuk menghubungi syarikat-syarikat dan mengumpulkan pekerja mereka yang akan divaksinasi secara

sekali gus.

"Syarikat-syarikat ini akan diberikan slot dan waktu yang telah ditetapkan. Ini adalah jalan alternatif untuk mengelakkan kesesakan.

"Bagi syarikat-syarikat yang belum dihubungi pula, mereka diminta supaya akan dapat bersabar hingga mereka dihubungi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

bagi membawa para pekerja mereka bervaksinasi," katanya.

Sementara itu, NBD dan Republik Singapura terus berhubung rapat, terutama sekali dalam sama-sama menangani dan mengawal penularan wabak

COVID-19.

Sebanyak 100,000 vaksin Moderna disumbangkan, di mana ini akan diberikan kepada para petugas barisan hadapan terlebih dahulu, iaitu sebagai *booster shots* atau suntikan vaksin dos ketiga.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Vaksinasi secara jumpa terus pada Jumaat lalu adalah tidak terkawal dan sehubungan itu, bagi memudahkan dan melancarkan segala urusan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak, Kementerian Kesihatan memaklumkan bermula pada 1 Oktober ini, waktu beroperasi untuk Pusat Vaksinasi, di Stadium Tertutup adalah dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam pada setiap Jumaat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Berganding bahu membantu Kementerian Kesihatan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Semua pihak ketika ini berganding bahu dalam sama-sama membantu Kementerian Kesihatan, termasuk setiap pertubuhan, yang antaranya ditugaskan di National Command Center (NCC), di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di mana semua kementerian juga mencalonkan kakitangan-kakitangan bagi membantu pihak Kementerian Kesihatan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab soalan yang diajukan oleh pihak media semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kerja-kerja, termasuk logistik, membuat penghantaran barang keperluan, bahagian kenderaan bagi mengambil dan menghantar pesakit-pesakit juga ada yang terlibat dalam melakukan *swabbing*.

"Hampir 400 kakitangan kerajaan yang terlibat dalam menghulurkan bantuan menerusi kerja secara *shift* kerana seperti di NCC, ia beroperasi selama 24 jam sehari.

"Bukan sahaja daripada pihak kerajaan, daripada pihak swasta dan NGO turut terlibat, seperti The Brunei Darussalam Red Crescent Society dan National Chamber of Commerce and Industry," ujarnya.

Yang Berhormat menjelaskan, semua pihak ini bekerjasama untuk membantu Kementerian Kesihatan, di samping itu, Menteri-menteri juga sering mengadakan perbincangan, dalam sama-sama mencapai kata sepakat bagi menangani penularan wabak ketika ini.

COVID-19 ini, bukan hanya isu kesihatan, tegas Yang Berhormat, tetapi ia juga memberi implikasi kepada kementerian-kementerian lain, seperti pendidikan, yang mempunyai impak yang besar; dan ekonomi, yang menjejaskan beberapa pihak.



Lengkapkan permohonan, elak kelambatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Majikan tidak berhak untuk memotong gaji pekerja atau kerajaan juga tidak berhak untuk membenarkan mana-mana majikan memotong gaji pekerja untuk subsidi.

Semasa mengongsikan perkara tersebut, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, apabila sesebuah syarikat itu benar-benar membayar gaji pekerja dan memenuhi syarat, apabila TAP memberi akses kepada permohonan tersebut yang dilengkapi dengan semua dokumen yang diperlukan, sudah pasti Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan membuat proses selanjutnya bagi permohonan berkenaan.

Jika syarikat tersebut mengikut

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap pada Sidang Media berkenaan.

peraturan yang ditetapkan, pihak kementerian juga sudah pasti akan meluluskan dan proses pembayaran akan dilakukan.

Yang Berhormat menjelaskan, beberapa perkara juga perlu dilihat, misalnya syarikat tersebut ada membuat caruman dan permohonan lengkap yang dihantar sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

Proses tersebut mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk pengesahan dan mendapatkan kelulusan.

Walau bagaimanapun tambahnya, masih terdapat masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian, seperti permohonan yang tidak lengkap



yang tidak memenuhi empat kriteria yang diperlukan.

Dokumen yang lengkap adalah sangat-sangat diharapkan bagi memudahkan dan melancarkan lagi tugasan kedua belah pihak agar tidak tertangguh.

PENANGGUHAN AKTIVITI RENTAS SEMPADAN DILANJUTKAN HINGGA 15 OKTOBER

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merujuk kepada Siaran Media Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengenai 'Makluman Pelanjutan Penangguhan Sementara Kebenaran Aktiviti Rentas Sempadan dan Kebenaran Kemasukan dan Keluar Negeri Bagi Lima Buah Negara di Subbenua India', bertarikh 14 September 2021.

Sehubungan itu, JPM ingin maklumkan mengenai perkara-perkara berikut, iaitu Pelanjutan Penangguhan Sementara Kebenaran Aktiviti Rentas Sempadan selama 15 hari lagi bermula 1 hingga 15 Oktober 2021 bagi kemasukan

warganegara asing melalui pos-pos kawalan darat dan laut, termasuk perjalanan transit melintasi Negara Brunei Darussalam (NBD), kecuali bagi kemasukan atau perjalanan transit yang telah diberikan kebenaran oleh Kerajaan NBD.

Manakala kemasukan dan perjalanan transit melalui NBD hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Permit Lintas Batas dan Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa negara yang berkenaan dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada, bagi tujuan berikut, iaitu (i) Atas urusan rasmi kerajaan; (ii) Persekolahan; (iii) Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera); dan (iv) Vaccinated Transport Operators yang berdaftar di luar negara dengan Permit Lintas Batas yang

dikeluarkan oleh Kerajaan NBD bagi penghantaran bekalan import yang penting.

Sementara itu, pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus di perkarangan sempadan (*checkpoints*) yang dibuat oleh *runners* berdaftar di NBD; serta keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*) melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan.

Pelanjutan Penangguhan Sementara Kebenaran Kemasukan dan Keluar Negeri Bagi Lima Buah Negara Dari Subbenua India, iaitu Republik India; Republik Demokratik Persekutuan Nepal; Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka; Republik Islam Pakistan; dan Republik Rakyat Bangladesh selama 15 hari lagi bermula 1 hingga 15 Oktober 2021 bagi perjalanan masuk semua warganegara asing yang berlepas dari atau melalui mana-mana lapangan terbang di subbenua

India (India; Nepal; Sri Lanka; Pakistan; dan Bangladesh).

Walau bagaimanapun, pemegang pasport diplomatik dan anggota angkatan bersenjata yang ditugaskan di NBD adalah dibolehkan untuk memasuki negara ini mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Bagi perjalanan warganegara asing yang berlepas dari subbenua India (India; Nepal; Sri Lanka; Pakistan; dan Bangladesh) dengan melalui NBD secara transit; dan perjalanan keluar dari NBD menuju ke subbenua India (India; Nepal; Sri Lanka; Pakistan; dan Bangladesh) atas apa juga sebab atau urusan.

Walau bagaimanapun, pemegang pasport diplomatik dan anggota angkatan bersenjata yang ditugaskan di negara ini adalah dibolehkan untuk membuat perjalanan keluar negeri serta warganegara asing yang memegang pas pekerjaan atau pas tanggungan yang dibatalkan atau

pemegang Special Authorisation Work Pass atau Professional Visit Visa yang bekerja sementara di NBD dan akan kembali ke negara asal masing-masing secara tetap.

Penangguhan kebenaran ini juga dikenakan bagi warganegara asing yang diberikan kebenaran awal untuk memasuki NBD dari subbenua India (India; Nepal; Sri Lanka; Pakistan; dan Bangladesh) melalui penerbangan yang dibenarkan sebelum ini, maka kebenaran tersebut adalah ditarik balik.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari Laman Sesawang JPM di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal atau menghubungi *travel hotline* menerusi Talian 120 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel ke travelapplication@jpm.gov.bn.

Pelanjutan pelantikan Yang Arif Hakim Kannan Ramesh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelanjutan pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Hakim Kannan Ramesh.

Pelantikan Yang Arif Hakim Kannan Ramesh akan dilanjutkan selama dua tahun berkuat kuasa mulai 7 Oktober 2021. Pelantikan ini dibuat secara sambilan dan diadakan bersama dengan pelantikannya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Agung Singapura.

Yang Arif Hakim Kannan

Ramesh mula dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam pada 7 Oktober 2019 untuk jangka masa dua tahun secara sampingan. Beliau telah mendengarkan sebanyak 11 kes komersial dan sivil secara fizikal dan maya selama tempoh ini.

Mengenai pelanjutan pelantikan Yang Arif Hakim Kannan Ramesh ke Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Ketua Hakim Singapura, Sundares Menon berkata, "Saya gembira kerana pelantikan Hakim Ramesh sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam yang dilanjutkan selama dua tahun lagi.

"Ini merupakan gambaran yang baik dari hubungan dan kehakiman yang sudah erat kerjasama antara

dua hakim dan komitmen berterusan kami untuk misi kita menegakkan kedaulatan undang-undang di peringkat antarabangsa," katanya lagi.

Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong menyuarakan sentimen Ketua Hakim Menon dan berkata, "Kami sangat gembira bahawa pelantikan Hakim Ramesh sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam telah dilanjutkan selama dua tahun lagi.

"Negara Brunei Darussalam dan Singapura mempunyai hubungan istimewa yang sudah lama wujud dan pelanjutan pelantikan Hakim Ramesh menandakan komitmen untuk mempererat kerjasama kehakiman kita.

"Yang Arif Hakim Kannan

■ Siaran Akhbar : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

Ramesh memiliki pengalaman luas dalam penyelesaian permasalahan dalam kes-kes komersial dan timbang tara antarabangsa dan dalam peranannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman. Beliau telah memberikan sumbangan dalam pengembangan perundangan sivil dan komersial.

"Beliau juga memainkan peranan aktif dalam memfasilitasi pembicaraan dan latihan kepada

hakim dan pegawai kehakiman yang telah terbukti sangat berharga dalam mendukung upaya pengembangan kapasiti kami.

"Kami berharap dapat bekerjasama dengan Hakim Ramesh lagi dan saya teruja untuk melihat cara-cara, di mana pelantikannya dapat meningkatkan lagi hubungan kami dengan Mahkamah Tinggi Singapura," jelasnya lagi.

NBD terima 100,000 dos vaksin Moderna sumbangan Singapura



SEBANYAK 100,000 dos vaksin Moderna selamat tiba di Negara Brunei Darussalam dari Singapura melalui penerbangan BI422.

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Sejumlah 100,000 dos vaksin Moderna selamat tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) dari Singapura melalui penerbangan BI422.

Pemberian vaksin Moderna merupakan sebahagian daripada kerjasama dua hala di antara NBD dan Singapura dalam menangani wabak COVID-19.

NBD akan memberikan jumlah vaksin yang sama kepada Singapura setelah bekalan vaksin tersedia di negara ini. NBD dan Singapura mempunyai hubungan yang rapat dan mesra, termasuk dalam memerangi COVID-19.

Pada Ogos 2021, Singapura juga menyumbang 100,000 dos Moderna COVID-19 kepada NBD.

Untuk maklumat lebih lanjut dan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang rasmi Kementerian Kesihatan, di www.moh.gov.bn.

Mesej Perutusan sempena HAWE 2021 tular : Dalam siasatan

■ Siaran Akhbar : Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Berikutan dengan penyebaran mesej tular melalui aplikasi media sosial WhatsApp, baru-baru ini, mengenai Perutusan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin sempena Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2021, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memaklumkan, bahawa kes berkenaan sedang dalam siasatan Pasukan Polis Diraja Brunei.

KKBS ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati dalam mendapatkan maklumat di luar dari laman sesawang rasmi mahupun saluran-

saluran rasmi media sosial KKBS.

KKBS ingin memaklumkan, bahawa dalam perutusan tersebut tidak pernah menyatakan 'Tap bagi 55 tahun ditunda menjadi 60 tahun'.

Sehubungan ini, KKBS menasihatkan orang ramai agar jangan sekali-kali terlibat dalam mengeluarkan dan menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak sahih juga tidak berasas. Selain itu, orang ramai juga diperingatkan agar tidak mudah percaya terhadap maklumat-maklumat yang mencurigakan dan belum dipastikan kesahihannya.

Dalam hubungan ini, KKBS ingin mengingatkan orang ramai, bahawa perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka

yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan, di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000 atau kedua-duanya sekali.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi terus KKBS menerusi talian +673 2382130 (waktu pejabat) atau e-mel ke info@kkbs.gov.bn atau mengunjungi laman sesawang kementerian, di www.kkbs.gov.bn.

NBD HARGAI SEMANGAT KERJASAMA, KESEPAKATAN ANGGOTA ASEAN



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara dan Ketua Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang berlangsung secara maya selama tiga hari, dari 28 hingga 30 September 2021, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan bawah).

Oleh : Khartini Hamir, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Kali Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan melabuhkan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) dari Negara Brunei Darussalam

■ ANTARA deliverables utama yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat AMMTC kali ini ialah ASEAN Declaration on Combating Transnational Crime Post COVID-19 dan ASEAN Border Cooperation Roadmap.

■ KEDUA-dua deliverables tersebut bertepatan dengan hasrat NBD selaku Pengerusi ASEAN untuk mendukung usaha-usaha pemulihan serantau pada era pasca COVID-19 nanti selaras dengan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

(NBD) kepada Kerajaan

Jawatankuasa Keselamatan Negara dalam kapasitinya sebagai Ketua AMMTC NBD merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan atas semangat kerjasama dan kesepakatan yang ditunjukkan oleh Negara-negara Anggota ASEAN; Rakan-rakan Dialog ASEAN; dan Sekretariat ASEAN di sepanjang NBD menjadi Pengerusi AMMTC dan Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Majlis penutup ini menandakan berakhirnya Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, dengan Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi

Menurut Yang Berhormat, antara deliverables utama yang dipersetujui oleh Mesyuarat

AMMTC kali ini adalah ASEAN Declaration on Combating Transnational Crime Post COVID-19 dan ASEAN Border Cooperation Roadmap.

Kedua-dua deliverables tersebut bertepatan dengan hasrat NBD selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2021 untuk mendukung usaha-usaha pemulihan serantau pada era pasca COVID-19 nanti, selaras dengan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

Ucapan balas daripada pihak Kerajaan Kemboja disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Minister of Interior, Tuan Yang Terutama Samdech Krolahom Sar Kheng selaku Ketua AMMTC Kemboja.

Kemboja akan mengambil alih selaku Pengerusi AMMTC secara rasminya pada 1 Januari 2022 nanti.

Sebelum acara penyerahan pengerusi tersebut, Yang Berhormat juga turut berkesempatan untuk mempengerusikan Mesyuarat AMMTC Plus Three Kali Ke-11 yang disertai oleh negara-negara ASEAN dan Rakan-rakan Dialog Plus Three, iaitu Republik Rakyat China; Jepun; dan Republik Korea yang buat julung kalinya bersidang secara maya.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-menteri dan Ketua-ketua Delegasi daripada negara-negara ASEAN dan negara-negara Plus Three membincangkan mengenai peluang-peluang kerjasama serantau dan antarabangsa bagi menangani isu-isu jenayah rentas sempadan, khususnya di bawah rangka ASEAN Plus Three Cooperation Work Plan 2018-2022.

Mesyuarat juga meluluskan Kenyataan Bersama (Joint Statement) bagi Mesyuarat AMMTC Plus Three Kali Ke-11.

Selain itu, mesyuarat-mesyuarat lain yang berlangsung pada hari ini adalah Mesyuarat AMMTC + Republik Rakyat China Kali Ke-8; Mesyuarat AMMTC + Jepun Kali Ke-6; dan Mesyuarat AMMTC + Republik Korea Kali Ke-2 dengan Negara-negara Anggota ASEAN dan Rakan-rakan Dialog ASEAN bersetuju untuk mengguna pakai Kenyataan-kenyataan Bersama bagi mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Turut hadir pada Majlis Penutup mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Ketua Delegasi NBD; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), JPM, Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib juga pegawai-pegawai kanan JPM.



DUKUNG USAHA SERANTAU BANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Sidang Plenary Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) Kali Ke-15 berlangsung secara maya, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara.

Mesyuarat turut dihadiri oleh

Menteri-menteri dan Ketua-ketua delegasi dari Negara-negara Anggota ASEAN, Setiausaha Agung ASEAN juga Pegawai-pegawai Kanan dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan terus mendukung usaha-usaha serantau dan antarabangsa ke arah membanteras jenayah rentas sempadan dengan memberikan tumpuan pada peluang-peluang juga cabaran-cabaran yang dihadapi oleh

Negara-negara ASEAN semasa era pasca COVID-19.

Ke arah itu, terangnya, AMMTC perlu mengukuhkan lagi tahap kerjasama dengan badan-badan sektoral ASEAN dan negara-negara rakan dialog ASEAN bagi membantu usaha-usaha pemulihan serantau semasa krisis pandemik COVID-19, pada masa ini.

Mesyuarat AMMTC Ke-15 kali ini juga bersetuju untuk menerima pakai 'Bandar Seri Begawan Declaration on Combating Transnational Crime Post-COVID-19 Pandemic', yang akan menjadi asas pada perancangan masa hadapan AMMTC untuk menangani trend-trend jenayah

YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara mempengerusikan Sidang Plenary Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan Kali Ke-15 berlangsung secara maya, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

perlu bagi Whole-of-Nation Approach untuk menangani ancaman jenayah rentas sempadan semasa musim pandemik COVID 19.

Mesyuarat juga membincangkan status pelaksanaan aktiviti-aktiviti, di bawah Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) dan Mesyuarat Ketua-ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Ketua-ketua Bahagian Hal Ehwal Konsular Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (DGICM).

Delegasi NBD di Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15, diketuai oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Sufian bin Haji Sabtu.

terkini, khususnya di era pasca COVID-19 nanti, seperti jenayah siber dan aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan.

Selain itu, mesyuarat turut bersetuju untuk mengesahkan 'ASEAN Border Cooperation Roadmap' yang menggariskan sejumlah usaha-usaha untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan-kawasan sempadan, di rantau ASEAN.

Di samping itu, mesyuarat juga mempersetujui Kenyataan Bersama (Joint Declaration) bagi Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15.

Semasa Sidang Plenary tersebut, Menteri-menteri dan Ketua-ketua Delegasi ASEAN turut bertukar pandangan mengenai usaha-usaha serantau untuk menangani isu jenayah rentas sempadan.

Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam menekankan akan

Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), di JPM, Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohd. Taib dan Pegawai-pegawai Kanan JPM.

Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan berlangsung selama tiga hari, dari 28 hingga 30 September 2021, dimulakan dengan Mesyuarat-mesyuarat Persediaan, Preparatory SOMTC, yang diadakan kelmarin, pada 28 September 2021.

Mesyuarat akan bersambung esok bagi Sesi Konsultasi bersama Negara-negara Rakan Dialog Plus Three, iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Sumbangan bantu tangani penularan wabak



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Kementerian Kesihatan terus menerima sumbangan-sumbangan daripada pelbagai pihak sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) juga sumbangan peribadi daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak

COVID-19, di Negara Brunei Darussalam.

Buildcon Concrete Sdn. Bhd. menyumbangkan cek berjumlah BND20,000 bagi Tabung COVID-19 Relief Fund 2021 semasa Majlis Penyerahannya kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Hadir menyampaikan sumbangan tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Ong Tiong Oh.

Sementara itu, pada 28 September 2021, Syarikat NJNCC (B) Sdn. Bhd. menyumbangkan

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan menerima sumbangan cek berjumlah BND20,000 bagi Tabung COVID-19 Relief Fund 2021 daripada Buildcon Concrete Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

peralatan pelindungan diri (Personal Protective Equipment - PPE), yang didatangkan dari Nanjing, Republik Rakyat China melalui penerbangan Diraja Brunei dari Hong Kong, di mana tiba di Bandar Seri Begawan, pada 17 September 2021.

Antara barangan PPE yang disumbangkan kepada Kementerian Kesihatan adalah 51,000 unit Disposable 3-ply Surgical Mask; 10,000 unit Disposable Examination Gloves; dan 1,000 unit Protective Clothing.

Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, seterusnya diserahkan kepada Kementerian

Kesihatan.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis penyerahan tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Timbalan Setiausaha

Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Azmi bin Haji Hafneh; Pengarah NJNCC (B) Sdn. Bhd. Awang Haji Musa bin Haji Adnin; juga Ahli-ahli Komitee DonCen, Jessie Lim Hii Tuan dan Pengiran Haji Manshor bin Pengiran Haji Jaya.

Kementerian Kesihatan juga menerima beberapa sumbangan pada 27 September 2021 lalu daripada pihak Progresif Sdn. Bhd. dan Shoe Mo Brunei.

Dalam pada itu, orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan, bolehlah berhubung terus bersama MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) menerusi talian +673 7295712, pada waktu bekerja sahaja.



ANTARA sumbangan yang turut diterima daripada para penyumbang.

3 BIDANG SOKONG PELAN TRANSFORMASI DIGITAL JADI KEUTAMAAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan pada Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Plus Three Kali Ke-5 dan Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan East Asia Summit Kali Ke-5 berlangsung secara maya.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Plus Three Kali Ke-5 (5th APT EMM) dan Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan East Asia Summit Kali Ke-5 (5th EAS EMM) berlangsung secara maya, dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Republik Filipina dalam kapasitinya selaku Pengerusi Mesyuarat-mesyuarat tersebut, pada tahun ini, bertemakan 'Transforming Education The ASEAN Way : Forging Partnerships in the Age of Global Disruptions'.

Menghadiri mesyuarat berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Mesyuarat 5th APT EMM dan Mesyuarat 5th EAS EMM dirasmikan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama menekankan, bahawa mesyuarat-mesyuarat penting ini menunjukkan tekad dan kemampuan ASEAN untuk menyesuaikan diri juga berinovasi semasa menghadapi krisis, di mana kerjasama dan perkongsian serantau sangat penting.

Semasa Mesyuarat 5th APT

EMM, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan, bahawa pada masa ini, seluruh dunia berhasrat untuk pemulihan pembelajaran yang berkesan dan perkhidmatan yang komprehensif untuk membantu memulihkan kerugian pembelajaran juga meningkatkan kesejahteraan pelajar secara keseluruhan.

Ke arah itu, Kementerian Pendidikan memulau strategi jangka panjang, dengan 'Ministry of Education Digital Transformation Plan', dalam menjadikan pembelajaran digital sebagai norma baharu dalam Sistem Pendidikan di Brunei Darussalam.

Bagi menyokong strategi ini, menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, tiga bidang utama diberikan keutamaan, iaitu Teknologi Pendidikan; Teknologi Pengurusan; juga Enabling Policies and Infrastructure.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga mengongsikan, bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa memperkenalkan inisiatif-inisiatif perkembangan profesional untuk meningkatkan kesediaan digital guru dan sekolah juga pemimpin

sistem.

Turut hadir semasa mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam.

Sebelum mesyuarat Menteri berkenaan, satu sesi mesyuarat bagi pegawai-pegawai kanan diadakan pada Rabu, 29 September 2021; dan Khamis, 30 September 2021 secara maya.

Hadir semasa sesi mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati.

Semasa sesi berkenaan, pegawai-pegawai kanan dimaklumkan mengenai pelaksanaan inisiatif-inisiatif pendidikan ASEAN, pelan kerja ASEAN dan aktiviti-aktiviti di bawah sektor pendidikan ASEAN.

Mesyuarat turut mendengarkan perkongsian amalan-amalan golongan yang berisiko tinggi, termasuk warga emas, demi memastikan golongan ini akan sentiasa dipedulikan dan tidak ketinggalan.

Acara sambutan tahun ini adalah sejajar dengan tema sambutan tahun ini ke arah kesaksamaan digital untuk semua peringkat umur, dan membuktikan bahawa golongan warga emas di negara ini juga arif dengan transformasi digital.

Juga hadir bagi menyertai majlis tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung; juga rakan-rakan strategik KKBS, seperti Ahli-ahli PKWE; Pertubuhan WARGAMAS; Sukarelawan Projek Memeduli Warga Emas; Demensia Brunei; Heart Volunteer; Majlis Kesejahteraan Masyarakat; Persatuan Pengakap Brunei Darussalam; Persatuan Siswazah Wanita; dan Persatuan Meraih Berkah.

HAWE Ke-31 diserikan dengan majlis keagamaan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai Majlis Tahlil dan Doa Kesyukuran bagi Memperingati Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) Ke-31 secara maya melalui aplikasi Zoom, dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat.

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Lebih 200 orang menyertai Majlis Tahlil dan Doa Kesyukuran bagi Memperingati Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) Ke-31 secara maya melalui aplikasi Zoom, dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Majlis yang dikendalikan dengan kerjasama Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE); Pertubuhan Wargamas; para sukarelawan dan rakan strategik KKBS berkenaan diadakan dengan tema 'Kesaksamaan Digital Untuk Semua Peringkat Umur' (Digital Equity for All Ages).

Hadir menyertai majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri

Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, dipimpin oleh Pengurus PKWE Tutong, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin.



Acara diteruskan lagi dengan bacaan Doa Kesyukuran, Doa Menghindari Penyakit Wabak COVID-19, dan Doa Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, dipimpin oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Bakar bin Haji Mohd. Don.

Sambutan majlis ini, antara lain bertujuan sebagai tanda kesyukuran bagi mengenang juga menghormati jasa bakti golongan

warga emas terhadap keluarga, komuniti dan negara juga mengambil berat dan mengutamakan tanggungjawab sosial dalam memastikan penjagaan kesihatan juga kebajikan, khususnya bagi golongan yang berisiko tinggi, termasuk warga emas, demi memastikan golongan ini akan sentiasa dipedulikan dan tidak ketinggalan.

Acara sambutan tahun ini adalah sejajar dengan tema sambutan tahun ini ke arah kesaksamaan digital untuk semua peringkat umur, dan membuktikan bahawa golongan warga emas di negara ini juga arif dengan transformasi digital.

Juga hadir bagi menyertai majlis tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung; juga rakan-rakan strategik KKBS, seperti Ahli-ahli PKWE; Pertubuhan WARGAMAS; Sukarelawan Projek Memeduli Warga Emas; Demensia Brunei; Heart Volunteer; Majlis Kesejahteraan Masyarakat; Persatuan Pengakap Brunei Darussalam; Persatuan Siswazah Wanita; dan Persatuan Meraih Berkah.



ANTARA yang menyertai majlis tersebut (kiri sekali dan kiri).

SUMBANGAN WARGA EMAS TERUS DIRAIKAN, DIHARGAI



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Alhamdulillah, kedatangan 1 Oktober tahun ini menandakan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (International Day of Older Persons) Yang Ke-31 di Negara Brunei Darussalam (NBD) juga negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tema 'Kesaksamaan Digital Untuk Semua Peringkat Umur' atau 'Digital Equity for All Ages'.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam Perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 2021.

Menurut Yang Berhormat, tema sambutan tahun ini amat relevan dengan realiti baharu yang lebih berasas pada teknologi digital, berikutan situasi pandemik COVID-19 di negara ini.

"Kita amat berbangga, golongan warga emas NBD, bukan sahaja berupaya untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi, seperti penggunaan aplikasi BruHealth dan QueUp untuk menguruskan keperluan harian, mereka juga telah mengambil inisiatif sendiri untuk

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

memaksimumkan penggunaan teknologi digital untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang amat bermanfaat.

"Inisiatif yang diambil, seperti membaca ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai, berniaga mahupun berkomunikasi bersama keluarga secara maya menunjukkan warga emas sebagai insan yang terus memberikan kesan positif kepada masyarakat, walaupun berhadapan dengan situasi yang sangat mencabar pada ketika ini," kata Yang Berhormat.

Kadar penuaan di NBD menurut Yang Berhormat semakin meningkat, apabila golongan berumur 60 tahun ke atas dianggarkan berjumlah 28.7 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2050. Oleh yang demikian, selaras dengan objektif Pelan Tindakan Warga Emas, kita amat bersyukur Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sokongan padu sektor swasta dan bukan kerajaan telah dan terus menitikberatkan jaminan kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas di seluruh negara. Ini juga akan mengembangkan golongan penuaan yang aktif dan mandiri dengan institusi keluarga mengambil peranan utama dalam penyediaan penjagaan yang terbaik.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa kita amat bersyukur dengan kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya, (Pindaan) 2021 dan Perintah Orang Kurang Upaya, 2021 untuk berkuat kuasa bermula 1 Oktober 2021.

Jelas Yang Berhormat, selain daripada mengemas kini syarat kelayakan menerima Pencen Umur Tua, pindaan Akta Pencen Umur

Tua dan Elaun Kurang Upaya turut memberikan tambahan faedah kepada golongan warga emas berkelainan upaya yang layak untuk menerima Pencen Umur Tua, di samping Elaun Kurang Upaya.

Pada masa yang sama, jelas Yang Berhormat, dalam menghadapi situasi terkini pandemik COVID-19, kesihatan golongan warga emas juga diberikan keutamaan khusus.

"Kita amat berbesar hati dan merakamkan setinggi penghargaan kepada lebih daripada 39,000 orang warga emas ataupun 87 peratus daripada keseluruhan penduduk warga emas di NBD yang telah menerima sekurang-kurangnya satu suntikan vaksin COVID-19. Kita berbangga bahawa golongan warga emas telah memberikan sokongan kepada usaha kerajaan untuk membendung wabak COVID-19 di negara ini dan kita amat mengalu-alukan bagi warga emas lain untuk mengambil vaksin tersebut," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, menurut Yang Berhormat, dengan usaha padu agensi-agensi kerajaan, para pemimpin akar umbi dan para sukarelawan secara Whole of Nation, usaha untuk membendung kesan wabak COVID-19 juga terus diketengahkan dengan pembaikan proses pengagihan Pencen Umur Tua melalui pandu lalu (*drive-thru*) dan pembayaran melalui akaun bank masing-masing yang memberikan impak yang sangat tinggi kepada golongan warga emas.

"Sehingga hari ini, seramai 11,773 orang atau 29 peratus daripada penerima Pencen Umur Tua memilih kaedah bank jika dibandingkan dengan seramai 9,775 penerima pada bulan Disember 2020. Di sinilah kebanggaan kita bahawa walaupun berhadapan cabaran situasi semasa, masyarakat Brunei telah dan terus menunjukkan keprihatinan yang semakin meningkat terhadap golongan warga emas, terutamanya kepada mereka yang memerlukan sokongan yang lebih lanjut.

"Tidak terkecuali adalah pelbagai inisiatif pemedulian dan kesedaran terhadap warga emas yang telah diteruskan dan diluaskan pada tahun ini hasil kerjasama antara Kementerian Kesihatan; Jabatan Pembangunan Masyarakat; agensi-agensi kerajaan; institusi pendidikan; pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan; dan para sukarelawan. Antara lain ini, termasuk Projek Memeduli Warga Emas; Qaseh Amanah Warga Emas; Program Kesedaran Penyakit Demensia; dan The Heart Volunteer Program," jelas Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, menurut Yang Berhormat, atas segala usaha yang dilaksanakan pada tahun 2021, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat menghargai dan sangat mengalu-alukan komitmen dan usaha sedemikian daripada rakan-rakan strategik kita, khususnya untuk menjaga kesejahteraan golongan warga emas, di samping meningkatkan kesedaran terhadap cabaran-cabaran terhadap kesihatan dan kesejahteraan golongan warga emas.

Tambah Yang Berhormat lagi, dengan berpandukan semangat kesatuan ini dan bersempena Hari

Antarabangsa Warga Emas (HAWE) tahun 2021, marilah kita bergerak sebagai satu jentera untuk terus meraikan dan menghargai sumbangan golongan warga emas, aset negara yang telah dan terus mencurahkan tenaga yang amat bernilai bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran negara.

"Sama-samalah kita membalas budi, menghormati dan mencurahkan kasih sayang kepada warga emas dengan memastikan kesempurnaan hidup mereka ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

"Akhirnya, kepada seluruh warga emas di NBD, Selamat Hari Antarabangsa Warga Emas. Dengan segala kerendahan hati, dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan demi raja, negara, agama dan bangsa untuk kebaikan generasi kini dan yang akan datang. Semoga usaha murni yang telah dicurahkan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal makruf yang dilimpahi ganjaran dunia dan akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin*," jelas Yang Berhormat mengakhiri Perutusan.





KUIZ KENALI ASEAN



Sempena Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN 2021 bertemakan *"We Care, We Prepare, We Prosper"* 4 September 2021 - 24 Oktober 2021

SOALAN 09 2 Oktober 2021 (Sabtu)

- Apakah tema Perhimpunan Agung antara Parlimen ASEAN ke-42 yang dihoskan oleh Negara Brunei Darussalam?
 - Forging Parliamentary Cooperation in Digital Inclusion towards ASEAN Community 2035
 - AIPA for ASEAN Integration
 - AIPA and ASEAN: Partnering for Inclusive Change
- Bilakah lagu Tema ASEAN, iaitu 'The ASEAN Way' mula diperkenalkan?
 - 20 Mei 2008
 - 20 Julai 2008
 - 20 November 2008
- Apakah nama ibu kota Republik Filipina?
 - Hanoi
 - Manila
 - Vientiane

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
Selasa, 5 Oktober 2021, jam 12 tengah hari

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Kuiz dibukakan kepada semua peringkat umur.
- Hanya dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja.
- Sila hantarkan jawapan berserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel hea@information.gov.bn

Nama: _____
Tarikh lahir: _____
No. surat beranak / Kad Pengenalan: _____
Alamat: _____
Nombor Telefon: _____

HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan untuk seorang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang menjawab dengan tepat.
- Pemenang akan menerima hadiah eksklusif sempena Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini.
- Pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

PEMENANG kuiz Kenali ASEAN Soalan 08
 Nama : Mohammad Shambri @Mohammad Shamri Haji Bujang
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 00-309621

Anjuran Unit Hal Ehwal Antarabangsa
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri

Muat turun aplikasi mudah alih:



 Pelita Brunei
  pelitabrunei
  pelitabrunei

PKA 2021 KONGSI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEHAKIMAN SYARIAH



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie menghadiri Persidangan Kehakiman Syariah Antarabangsa Tahun 2021 (PKA 2021), yang berlangsung selama dua hari, bermula 29 hingga 30 September 2021 secara dalam talian (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, hari ini, menyertai Persidangan Kehakiman Syariah Antarabangsa Tahun 2021 (PKA 2021), yang berlangsung selama dua hari, bermula 29 hingga 30 September 2021 secara dalam talian anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka; Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan; Majlis Agama Islam Melaka (Maim); dan Mahkamah Syariah Negeri Melaka dengan tema 'Ke Arah Keseragaman dan Keselarasan: Pendekatan Prinsip Dulu Mengikat Dalam Alasan Penghakiman'.

Persidangan secara dalam talian tersebut berlangsung di Tingkat 2, Bilik Persidangan Utama, Bangunan Mahkamah Besar dan

Mahkamah-Mahkamah Syariah dan dihadiri oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Haji Muhammad; Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Haji Hassan bin Haji Metali; Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias; dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Tuan Hakim Haji Ali-Bolkiah bin Haji Mohd. Diah.

Persidangan tersebut dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan ucapnama persidangan

disampaikan oleh President of the Supreme Judiciary Council, The State of Qatar, Dr. Hassan bin Lahdan Alhassan Almohannadi; dan Presiden Mahkamah Rayuan, Yang Amat Arif Tan Sri Rohana binti Yusuf.

Persidangan tersebut melibatkan pembentangan daripada wakil negara di peringkat antarabangsa, seperti Australia; Republik Maldives; Papua New Guinea; Palestin; Republik Yaman; dan Qatar.

Manakala jemputan peserta adalah terdiri daripada semua Pegawai Syariah di seluruh Malaysia juga jemputan dari negara-negara Nusantara, iaitu Negara Brunei Darussalam; Republik Indonesia; dan Republik Singapura yang mengikutinya secara dalam talian.

Antara objektif persidangan ini adalah bagi merapatkan hubungan kerjasama di antara negara-negara Nusantara dan antarabangsa; menambah baik sistem

PKA 2021 bertujuan bagi merapatkan hubungan kerjasama antara negara-negara Nusantara dan antarabangsa; menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah berdasarkan pengalaman terkini negara-negara di peringkat antarabangsa yang boleh dimanfaatkan secara kolektif, khususnya setelah pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

IA juga menjadi platform kepada perkembangan dalam bidang kehakiman dan perundangan Syariah yang bersifat fleksibel mengikut perkembangan dan keperluan semasa dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan isu kehakiman dan perundangan Syariah kepada Pegawai Syariah dan penekanan berkaitan dengan prinsip dulu mengikat (*binding precedent*), sama ada terpakai di Mahkamah Syariah atau sebaliknya.

penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah berdasarkan pengalaman terkini negara-negara di peringkat antarabangsa yang boleh dimanfaatkan secara kolektif, khususnya setelah pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Selain itu, menjadi platform pada perkembangan dalam bidang kehakiman dan perundangan

Syariah yang bersifat fleksibel mengikut perkembangan dan keperluan semasa juga mempertingkatkan ilmu pengetahuan isu kehakiman dan perundangan Syariah kepada Pegawai Syariah juga penekanan berkaitan dengan prinsip dulu mengikat (*binding precedent*), sama ada terpakai di Mahkamah Syariah atau sebaliknya.

Kerjasama masyarakat amat diperlukan

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Rabu, 29 September. - Kerjasama orang awam amat diperlukan pada ketika ini dalam sama-sama bertanggungjawab juga menyahut seruan kerajaan dalam mengawal dan menangani penularan wabak pandemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Ke arah itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan tegas tidak akan teragak-agak dalam melaksanakan perintah undang-undang yang diarahkan dan

sebarang pelanggaran perintah larangan akan dihadapi ke muka pengadilan bagi menerima hukuman yang setimpal.

Ketua Perhubungan Awam PPDB, Timbalan Penguasa Polis (DSP), Mohammad Amiruddin bin Haji Tunjang, dalam pendekatan bersama Pelita Brunei menjelaskan, setakat ini, pihak polis menjalankan operasi dan menerima laporan berhubung kesalahan yang melanggar Akta Penyakit Berjangkit, Penggal 204

bermula 14 Ogos 2021 hingga 23 September 2021.

Hasil daripada tindakan operasi dan laporan yang diterima katanya, mencatatkan sebanyak 47 kes kesalahan yang melibatkan pelanggaran Perintah Kuarantin, iaitu Kod Ungu dan Biru.

Sebanyak 712 kesalahan lagi menurutnya, melibatkan individu-individu yang didapati tidak memakai sungkup muka.

Tambahnya, manakala 10 kes pula yang melibatkan kesalahan aktiviti berkumpulan.

Justeru, PPDB melalui peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Penggal 204 memberikan bantuan sepenuhnya dalam menguatkuasakan akta tersebut, seperti menjalankan operasi pemeriksaan dan tindakan kepada individu-individu yang melanggar perintah berkenaan.

Beliau turut menyatakan bahawa operasi yang dijalankan, termasuklah sekatan-sekatan jalan raya; rondaan pemantauan dan tindakan; serta bantuan keanggotaan ke lokasi-lokasi sepertimana yang dikerahkan.


Usaha-usaha tersebut dijalankan agar orang awam peka dalam membantu pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dalam mengekang lagi penularan wabak COVID-19 berikutan jumlah kes dan kontak yang begitu banyak.

"Baru-baru ini, beberapa kes telah dihadapi di mahkamah yang melibatkan warga tempatan dan penduduk tetap yang didakwa melakukan kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204," ujarnya lagi.

Dalam hal ini, beliau sekali lagi

mengingatkan, sekali gus menyeru orang awam untuk mematuhi apa-apa juga larangan-larangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, orang awam juga dipohonkan untuk sentiasa memberikan kerjasama dengan PPDB dan Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani situasi COVID-19 di negara ini.



Jika awda menerima notifikasi ini melalui Aplikasi BruHealth:

"Data BruHealth awda menunjukkan awda mungkin telah terdedah kepada satu kes Covid-19. Sila hadir ke Pusat Ujian terdekat untuk melakukan ujian swab secepat mungkin."

Awda dikehendaki untuk segera pergi ke mana-mana Klinik Ujian Swab COVID-19 yang berdekatan untuk menjalankan ujian.

KETUA Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei, Timbalan Penguasa Polis (DSP), Mohammad Amiruddin bin Haji Tunjang.



31 PESERTA PROGRAM ANTARABANGSA UNIVERSITI OSAKA DIRAIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Tiga institusi tempatan, iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Konvokesyen pertama secara maya apabila 31 pelajar dari setiap institusi masing-masing menamatkan program khas selama 10 bulan, iaitu 'Program Antarabangsa Universiti Osaka: Sains, Teknologi dan Inovasi Halal (OUICP-HaSTI)', yang dihoskan oleh Universiti Osaka (OU) Jepun dan diselenggarakan dengan Majlis Kemasukan kumpulan kedua program bagi tahun 2021.


Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib Presiden Eksekutif Global Engagement, UO, Profesor Dr. Genta Kawahara; dan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji

Norfan bin Haji Zainal; juga wakil Naib Canselor dari UBD dan UTB.

Dr. Haji Azman dalam ucapannya menjelaskan, program tersebut mengukuhkan kerjasama antara OU dan Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD) (UBD; UNISSA; dan UTB) dalam kerjasama mereka melalui penggunaan kolaborasi digital.

Program ini, jelas Dr. Haji Azman, dimulakan pada 2018 ketika OU pertama kali menyatakan minatnya untuk bekerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi tempatan dan mewujudkan Universiti Osaka ASEAN Campus.

Dr. Haji Azman turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada OU atas sumbangan mereka dalam inisiatif ini yang sangat sejalan dengan rancangan strategik Kementerian Pendidikan, NBD, khususnya untuk



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan menghadiri Majlis Konvokesyen pertama secara maya bagi para pelajar yang menamatkan 'Program Antarabangsa Universiti Osaka: Sains, Teknologi dan Inovasi Halal (OUICP-HaSTI)', yang dihoskan oleh Universiti Osaka Jepun (kiri dan kanan).

meningkatkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran dengan memperkuatkan sokongan juga penglibatan pihak berkepentingan.

OUICP-HaSTI adalah program pendidikan yang dimulakan oleh Osaka University ASEAN Campus dengan kerjasama rakan sejawat mereka di negara-negara

ASEAN.

OU mengeluarkan sijil setelah berjaya menyelesaikan program dalam bidang tertentu dengan enam hingga lapan kredit. Secara amnya, OUICP-HaSTI ditawarkan kepada pelajar universiti rakan sejawat Kampus Bersama dan pekerja (bukan pelajar) yang mendapat sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda.

Program ini bertujuan untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah di rantau ASEAN sambil memusatkan perhatian pada keberibadian masyarakat dan budaya setiap negara juga mengembangkan infrastruktur untuk memberikan manfaat kepada masyarakat melalui pendekatan inovatif antarabangsa, seperti pembentukan bersama dengan industri, kerajaan, akademik dan masyarakat dengan memupuk sumber daya manusia global yang maju dalam bidang kejuruteraan


biologi; *applied physics*; penyakit berjangkit; kejuruteraan alam sekitar; sains halal; biodiversiti dan sumber biologi; juga bahasa dan budaya Jepun.

Seramai 31 pelajar mengikuti beberapa kursus di bawah program tersebut, seperti Sains Halal; Matlamat Pembangunan Lestari; Teknologi Lanjutan untuk Halalan Tayyiban; Inovasi Produk dan Perkhidmatan untuk Halalan Tayyiban.

Pada akhir program ini, semua pelajar dikehendaki mengikuti kajian praktikal di luar negara selama lapan minggu yang dilakukan secara maya.

Di bawah program ini, para pelajar diajar oleh ahli akademik daripada empat buah universiti (OU; UBD; UNISSA; dan UTB) dengan dua pensyarah jemputan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, NBD dan NPO Japan Halal Association.

IBTE - Politeknik Indonesia meterai MoU



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman tersebut ditandatangani oleh Pengarah Pendidikan Teknik, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli selaku wakil pihak IBTE.

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

GADONG, Khamis, 30 September. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Politeknik Ilmu Pelayaran Makassar & Politeknik Pelayaran Malahayati, Indonesia berjaya memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) secara maya, hari ini.

Menandatangani bagi pihak IBTE, Pengarah Pendidikan Teknik, IBTE, Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Dr. Suhaimi bin Haji Abdul Wahab.

Manakala menandatangani bagi pihak Politeknik Ilmu Pelayaran Makassar, Pengarah, Kapten Sukirno, dan Timbalan Pendidikan Politeknik Ilmu Pelayaran Makassar, Kapten Hadi Setiawan dan bagi pihak Politeknik Pelayaran Malahayati ditandatangani oleh Pengarah, Tuan Joni Turiska dan Timbalan

Pendidikan Politeknik Pelayaran Malahayati, Dr. Ahmad Fauzi.

Objektif penandatanganan MoU tersebut bertujuan bagi mewujudkan hasrat IBTE untuk mempromosikan dan mengembangkan kolaborasi juga kerjasama formal di antara IBTE BMA dan Politeknik Ilmu Pelayaran Makassar & Politeknik Pelayaran Malahayati, Indonesia.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Terhindar daripada Wabak COVID-19 oleh Awang Mohammad Azami bin Awang Mohammad Nor, diikuti dengan ucapan kata alu-aluan daripada Dr. Awang Haji Mohd. Zamri. Acara diteruskan dengan ucapan daripada Pengarah-pengarah daripada kedua-dua buah Politeknik masing-masing.

Dalam ucapan mereka, antara

lain berasa bersyukur kerana dengan adanya kolaborasi melalui penandatanganan MoU ini akan memberi peluang kepada semua pihak menjalinkan hubungan formal dalam pembelajaran dan latihan bagi melahirkan pelaut (*sea-fearers*) yang berkualiti.

MoU yang dimeterai akan menjadi satu *milestone* sebagai penanda permulaan satu usaha sama yang akan membuahkan hasil dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

IBTE sangat komited dan sentiasa proaktif dalam menyokong pelbagai inisiatif pihak kerajaan dengan berkolaborasi bersama pihak industri bagi menghasilkan tenaga mahir yang mempunyai sifat keusahawanan juga memiliki kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri yang dapat bersaing dalam pasaran kerja.

Suntikan VAKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn

ZIARAH DAKWAH DEKATI MUALAF



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

BELAIT, Khamis, 30 September. - Dalam usaha bersama bagi membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait berjaya mengunyah satu inisiatif mesyuarat yang julung kali

diadakan secara maya. Ziarah Dakwah secara maya tersebut diadakan bersama sebahagian Penghulu-penghulu Mukim, Ketua Kampung Mukim Bukit Sawat, Kampung Labi, Mukim Sukang Melilas dan Ketua-ketua Rumah Panjang juga mualaf di sekitar Daerah Belait, hari ini.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan ucapan alu-aluan, disampaikan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Pengarah PDI berhasrat dengan adanya Ziarah Dakwah secara maya ini akan dapat membolehkan dan memberikan motivasi juga

PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh pada Ziarah Dakwah secara maya yang diadakan bersama sebahagian Penghulu-penghulu Mukim, Ketua Kampung Mukim Bukit Sawat, Kampung Labi, Mukim Sukang Melilas dan Ketua-ketua Rumah Panjang juga mualaf di sekitar Daerah Belait.

Daerah Belait yang turut terjejas dalam keadaan pandemik.

Selain itu juga, turut dibincangkan mengenai aktiviti-aktiviti secara maya yang boleh dilaksanakan bersama pihak Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung juga Tuai / Ketua Rumah Panjang dengan PDI dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah mengenai program munajat bersama Mualaf Rumah Panjang Daerah Belait dan Majlis Memperingati Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bakal menjelang.

Di samping itu juga, dengan adanya Ziarah Dakwah ini dapat lagi menjalin dan mengukuhkan perhubungan silaturahim yang erat di antara satu sama yang lain. Acara diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr dan Tasbih Kifarrah beramai-ramai.

Dengan adanya acara seperti ini adalah menjadi matlamat PDI untuk menyebarkan dan mengembangkan Islam di Negara Brunei Darussalam dengan mengendalikan kegiatan dan aktiviti yang berunsurkan keilmuan, keagamaan dan kebajikan.

PDI melalui Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait akan sentiasa memberikan perhatian terhadap permasalahan saudara-saudara baharu terutama di Daerah Belait.

nasihat, mengikut kaedah yang sesuai. Ucapan, seterusnya disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Manakala ucapan daripada Penghulu Mukim dan Ketua Rumah Panjang disampaikan oleh Pemangku Penghulu Mukim Sukang / Melilas, Awang Mohammad bin Abdullah dan Tuai / Ketua Rumah Panjang Mandaram Besar, Awang Berandi anak Jamau.

Turut serta dalam Ziarah Dakwah ini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi 1 Zon 2.

Tujuan diadakan adalah untuk memberikan maklumat dan perkembangan mualaf di sekitar

Samima beri sokongan kepada barisan hadapan



PENGARAH Urusan Samima Sdn. Bhd., Haji Hidayatullah bin Haji Tajudeen ketika menyerahkan sumbangan tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Samima Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Di tengah berlakunya gelombang kedua wabak COVID-19 di negara ini, beberapa buah syarikat swasta terus memainkan peranan mereka berganding bahu dan turut sama tampil memberikan sumbangan kepada para barisan hadapan kita dalam usaha memerangi penularan wabak tersebut.

Dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka, Samima Sdn. Bhd. meneruskan inisiatif mereka dengan menaja barang-barang keperluan perubatan dan alat-alat tulis bagi organisasi-organisasi yang memerlukan.

Oleh itu, dengan keperluan-

keperluan yang ditaja daripada pihak Samima Sdn. Bhd. ini diharap akan dapat mempermudah lagi, di samping mempercepatkan lagi proses dalam menangani membendung wabak COVID-19.

Pengarah Urusan Samima Sdn. Bhd., Haji Hidayatullah bin Haji Tajudeen menjelaskan, ia merupakan projek sumbangan kali keempat juga kelima yang dilaksanakan, baru-baru ini, dan pada kali ini pihak mereka menyerahkan sebanyak 2,000 keping sungkup muka; 100 keping pelitup muka; 180 paket pelbagai jenis biskut; dan 480 cawan air minuman kepada Brunei Red Crescent (BRC).

Sumbangan tersebut diterima

oleh Naib Presiden BRC, yang diadakan di Pusat Penyebaran Risiko & Logistik BRC COVID-19.

Pada masa yang sama, Samima Sdn. Bhd. juga menghulurkan bantuan dengan menyumbangkan sebanyak 2,000 keping sungkup muka; 100 keping pelitup muka; 180 pek pelbagai jenis biskut; 480 cawan air minuman; dan 50 set Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) jenis Jupiter Suit Coverall ke Pusat Al-Islah, di bawah Biro Kawalan Narkotik.

Pusat ini muncul sebagai kluster yang mencatatkan lebih daripada 100 kes positif, baru-baru ini.

Haji Hidayatullah turut menyatakan, Samima Sdn. Bhd. juga secara tidak langsung turut merasakan impak dan kesan daripada gelombang kedua

Sertai Malam Munajat, pohon keampunan, perlindungan - 2 Oktober

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Dalam usaha bersama membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan, selain amalan kebiasaan yang lazim dengan menyertai Malam Munajat, pada setiap Sabtu (Malam Ahad) secara maya dari kediaman masing-masing.

Marilah kita beramai-ramai memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan sama-sama bermunajat, menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Taubat, Sembahyang Sunat Hajat, beristighfar, membaca Surah Yaa Siin, berzikir dan merafakkan doa secara serentak beramai-ramai dengan doa juga harapan agar Rakyat dan Negara Brunei Darussalam terhindar dan terselamat daripada segala bala bencana juga penyakit merbahaya, khususnya wabak COVID19 yang melanda Negara Brunei Darussalam.

Malam Munajat anjuran KHEU secara maya, seterusnya akan diadakan pada Sabtu (Malam Ahad), 26 Safar 1443H bersamaan 2 Oktober 2021M, bermula jam 6.45 malam.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai Malam Munajat, bolehlah menekan pautan <http://tiny.cc/munajatkhaskheu21> atau mengikuti secara langsung melalui Instagram @pdi_kheu.

Atur cara dan Buku Munajat boleh didapati dengan mengimbas Kod QR yang disediakan.

wabak COVID-19 ini kerana pada pertengahan Ogos lalu, mereka terpaksa menutup sementara operasinya, di kesemua cawangan dan kesemua kakitangan mereka diberikan arahan untuk menjalani kuarantin.

"Setelah pembukaan kembali kesemua cawangan kedai buku kami, Syarikat Samima Sdn. Bhd. mulai menjual pelbagai jenis peralatan perubatan dan pelindung diri bagi mempermudah pihak sektor-sektor kerajaan juga swasta; organisasi-organisasi; dan

orang awam untuk memperoleh barangan keperluan berkenaan dengan mudah dalam sama-sama berusaha membendung penularan wabak ini," tambahnya.

Beliau juga menyatakan, bahawa sumbangan tersebut adalah sebahagian daripada komitmen syarikat dalam menyokong inisiatif kerajaan bagi membasmi penyakit berjangkit dan berjanji, bahawa Samima Sdn. Bhd. akan terus menyokong dan bersedia untuk menghulurkan bantuan dan sumbangan jika diperlukan pada masa akan datang.

PERKUKUH INOVASI KERJASAMA, PENDIDIKAN VOKASIONAL CHINA-ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : SEAMEO VOCTECH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Rakyat Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China, baru-baru ini, mengadakan Sidang Kemuncak Forum Pendidikan Vokasional China-ASEAN 2021, berlangsung di Nanning, Guangxi, China secara maya.

Sidang Kemuncak Forum tersebut diadakan untuk menggalakkan inovasi kerjasama juga pertukaran kerjasama bagi pendidikan vokasional di antara China dan Negara-negara ASEAN juga pada masa yang sama, tahun 2021 menandakan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Dialog di antara China dan ASEAN.

Sebagai Pusat Serantau dalam Pendidikan Vokasional dan Teknikal di rantau ini, SEAMEO VOCTECH mengambil bahagian dalam minggu Kerjasama Pendidikan China-ASEAN sejak 2012.

Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH, Awang Alias Haji Abu Bakar, dalam ucapan beliau pada Forum Kemuncak tersebut mengongsikan, dalam ASEAN, baik di peringkat serantau dan kebangsaan, TVET meraih populariti, walaupun masih dipandang rendah di beberapa negara.

KEMENTERIAN Pendidikan dan Kerajaan Rakyat Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China mengadakan Sidang Kemuncak Forum Pendidikan Vokasional China-ASEAN 2021, berlangsung di Nanning, Guangxi, China secara maya.

Jelasnya, TVET memainkan peranan penting dan utama dalam mempersiapkan tenaga kerja mahir, di mana TVET menawarkan peluang untuk sesiapa sahaja yang ingin mengembangkan kemahiran mereka, untuk persediaan pada peluang pekerjaan yang lebih baik, ke arah kualiti hidup yang lebih baik.

Dengan tahap perkembangan teknologi pada masa ini, hampir semua pekerjaan memerlukan minda dan badan, gabungan kemahiran berfikir juga kemahiran langsung dan kemahiran insaniah atau sifat terbuka.

Untuk terus relevan, TVET harus dinamik juga responsif terhadap keperluan-keperluan industri semasa dan masa depan. Penglibatan sektor swasta juga merupakan kunci untuk menjadikan TVET tetap relevan



dalam banyak cara, seperti menyediakan sumber, kepakaran, dan persekitaran kerja yang sebenar.

Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH menyatakan, dalam era global, para pelajar perlu memiliki kefahaman silang budaya dan boleh bekerjasama dengan pelajar dari berbilang bangsa.

Sidang Kemuncak Forum Pendidikan Vokasional China-

ASEAN seperti ini, ujarnya, adalah jalan yang terbaik untuk memperkukuhkan kerjasama Pusat dengan Pendidikan Vokasional China-ASEAN dan membuka peluang kepada kakitangan juga pelajar untuk belajar di luar negara untuk memperoleh pengalaman bekerja dan belajar dengan mereka yang dari pelbagai latar belakang. Turut hadir pada Sidang

Kemuncak Forum, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Vokasional dan Pendidikan Dewasa, Kementerian Pendidikan, Li Chun, Naib Gabenor Kerajaan Rakyat Wilayah Guangxi Zhuang Autonomous, Dr. Huang Junhua dan Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China, Liu Youyi.

Minuman keras berjaya dirampas



MINUMAN keras yang berjaya dirampas hasil daripada rondaan Operasi Sepadu Task Force COVID-19, yang dijalankan di kawasan hutan Kampung Lumapas, Daerah Brunei dan Muara.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

LIMAU MANIS, Rabu, 29 September. - Sebanyak 56 botol dan 288 tin minuman keras berjaya dirampas hasil daripada rondaan Operasi Sepadu Task Force COVID-19, yang dijalankan pada 29 September 2021, kira-kira jam 12.58 tengah hari, di kawasan hutan Kampung Lumapas, Daerah Brunei dan Muara.


Operasi Sepadu berkenaan adalah gabungan keanggotaan melibatkan Pasukan Simpanan Polis 'C' Kompeni, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Semasa rondaan dijalankan, pihak berkuasa berjaya menemukan kotak-kotak berwarna hitam yang mencurigakan, yang disorok dan ditutupi oleh rumput-rumput kering, dipercayai taktik penyeludup untuk membawa masuk barang tegahan ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kesemua barang tegahan dirampas juga dibawa ke Balai Polis Kampung Ayer bagi siasatan awal, kemudiannya diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi siasatan lanjut.

PPDB sentiasa mengingatkan orang awam agar sentiasa akur dengan mematuhi peraturan-peraturan yang diperuntukkan di NBD.

Global Shapers Community BSB anjur 2 bengkel dalam talian



GLOBAL Shapers Community Bandar Seri Begawan semasa mengadakan Bengkel Jumpstart Your Hustle From Your Bedroom dan Bengkel Designing Visuals On Canva secara dalam talian.

Siaran Akhbar dan Foto : Global Shapers Community Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Global Shapers Community Bandar Seri Begawan (BSB) mengadakan Bengkel Jumpstart Your Hustle From Your Bedroom dan ia adalah sebahagian daripada siri Homebound Workshop selama tiga minggu. Bengkel tersebut diketuai oleh Pengasas Bersama PaperBackpackers, Imran Tahir.

Kira-kira 20 orang peserta mengikuti bengkel yang berlangsung pada 25 September 2021 melalui aplikasi Zoom. Bengkel mempamerkan model yang memberi inspirasi kepada

individu dan organisasi berjaya sambil berkongsi cabaran yang mereka hadapi ketika melakukannya.

Para peserta juga menyertai aktiviti interaktif dan sesi perkongsian untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka, seperti menyenaraikan apa yang mereka gemari; bagaimana mereka mampu menolong orang lain; dan cabaran peribadi yang mereka hadapi.

Sementara itu, Bengkel 'Designing Visuals On Canva' juga diadakan pada 26 September lalu anjuran Global Shapers Community BSB sebagai

sebahagian daripada siri Homebound Workshop selama tiga minggu. Bengkel tersebut diketuai oleh Pereka Grafik dan Kurator Global Shapers Community BSB, Mims Sidi.

Seramai 33 orang peserta menghadiri bengkel yang diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom. Bengkel mengajar para peserta mengenai asas-asas reka bentuk, seperti kontras; keseimbangan; dan pengulangan juga membolehkan para peserta mempraktikkan kemahiran ini di Canva dengan membuat reka bentuk dan mempamerkannya kepada anggota kumpulan yang lain. Reka bentuk itu kemudian dinilai dan diberi maklum balas kepada para peserta.

DARI MAHKAMAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Seorang bekas pembantu pejabat, di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dijatuhkan hukuman penjara selepas didapati bersalah atas pertuduhan menerima dan menyalahgunakan wang tunai, berjumlah BND36,130.82 dan dua keping cek, berjumlah BND400 di antara 23 Januari 2019 hingga 9 Mac 2019.

Hakim Mohammed Faisal bin PDJLD KOL (B) DSP Haji Kefli memerintahkan Bakri bin Mat Idris, 47 tahun menjalani hukuman penjara selama tiga tahun dan empat bulan.

Mengikuti pertuduhan tertuduh

SALAH GUNA WANG HOSPITAL : DIPENJARA

ditugaskan sebagai pembantu pejabat, di hospital tersebut, sejak tahun 1997 dan tanggungjawabnya merangkumi menerima pendapatan hospital daripada pegawai yang mengumpulkannya daripada pesakit dan lain-lain; menyiapkan buku tunai dan penyata pemungut; menyimpan semua pendapatan ke dalam akaun Bank Baiduri Bank dua kali sehari; dan mengemukakan penyata kutipan hospital ke Jabatan Perbendaharaan, di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Tutong.

Prosedur yang digunakan untuk mendepositkan pendapatan hasil ke bank adalah untuk menyediakan penyata pemungut bersama halaman asal buku resit tunai untuk memasukkan pendapatan ke dalam akaun bank secepat mungkin juga untuk menyerahkan dokumen di atas dengan slip deposit bank ke

Jabatan Perbendaharaan.

Audit dalaman dilakukan oleh Unit Hasil, di bawah Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan mengenai pendapatan hospital. Berdasarkan buku tunai, penerimaan dan penyata pemungut, audit mendapati sejumlah BND36,530.82 belum dimasukkan ke dalam akaun Bank Baiduri.

Wang tersebut adalah hasil yang dijana oleh hospital di antara 23 Januari 2019 dan 9 Mac 2019. Penemuan audit disampaikan kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital, yang kemudiannya mengarahkan agar perkara itu diperiksa secara dalaman.

Hasil siasatan dalaman, seterusnya mendapati, bahawa tertuduh gagal memasukkan pendapatan hospital ke dalam akaun Bank Baiduri di antara 23 Januari 2019 hingga 9 Mac 2019. Ini adalah wang yang diterima oleh

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

tertuduh daripada seorang kerani Gred III, untuk pembayaran perkhidmatan X-ray, pendaftaran, pembayaran farmasi, pembayaran konsultasi, pembayaran wad untuk pesakit asing, perkhidmatan ujian dan semua pendapatan lain dari perkhidmatan hospital.

Tertuduh bertanggungjawab untuk menyiapkan halaman buku resit tunai untuk dilampirkan pada penyata pemungut dan resit yang sesuai. Defendan menyiapkan dokumen-dokumen itu, tetapi kemudiannya tidak memasukkan wang tersebut ke dalam akaun Bank Baiduri.

Perkara itu, kemudian dilaporkan kepada Polis, pada 11 Mac 2019 dan pada hari yang sama, tertuduh mengembalikan kedua-dua cek di atas dan wang tunai berjumlah BND30.

Selain pengesahan dari

penyata bank, disahkan bahawa sejumlah BND36,530.82 tidak dimasukkan ke dalam akaun bank hospital kerana tidak ada slip deposit bank yang dilampirkan.

Penyiasatan menunjukkan, bahawa sebahagian wang digunakan oleh tertuduh untuk membayar pinjaman peribadinya kepada pemberi pinjaman, membayar pembaikan keretanya dan perbelanjaan hariannya.

Dari Oktober 2019, potongan bulanan sebanyak BND69.28 dibuat dari gaji tertuduh sebagai pembayaran balik. Secara keseluruhan, BND1,454.88 telah ditolak.

Sehingga kini, hospital masih mengalami kerugian selebihnya sebanyak BND34,645.94 yang disalahgunakan oleh tertuduh.

Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff.

Padah 3 wanita guna dadah di CiC

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Tiga wanita, warga tempatan, dijatuhkan hukuman denda dan penjara oleh Mahkamah Majistret, hari ini, setelah terlibat memakan dadah terkawal kelas 'A' Methamphetamine.

Tertuduh, Noorhadahyat binti Aji (D1); Siti Kamillah binti Haji Mohammad (D2); dan Fatin @ Masyitah binti Haji Amzah (D3) didakwa melakukan kesalahan itu, di tandas Pusat Pengasingan Komuniti (CiC), Kem Latihan Pusat Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), di Batu Apoi, Temburong, pada 12 September 2021, kira-kira jam 8.30 malam.

Mahkamah Majistret

menjatuhkan hukuman penjara enam bulan, masing-masing terhadap D1; dan D2, juga D1 mengaku bersalah atas dua tuduhan penggunaan dadah yang lain, pada November 2019 dan Ogos 2020. Dia dikenakan denda BND3,000, jika tidak akan dikenakan hukuman penjara selama enam bulan dan diberi tempoh satu bulan untuk membayar denda.

Manakala D3 dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang untuk pesalah kedua.

Tertuduh-tertuduh mengaku bersalah selepas pertuduhan dibaca oleh seorang jurubahasa,

di hadapan Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman.

Timbalan Pendakwa Raya Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Abdul Latiff menekankan, bahawa kesalahan yang dilakukan oleh defendan tidak seperti kes penyalahgunaan dadah lain yang pernah didengar di mahkamah, di mana hukuman denda dikenakan untuk pesalah pertama. Kesalahan itu, dilakukan oleh pesakit yang positif COVID-19 dan menjalani kuarantin, di sebuah Pusat Pengasingan yang disediakan oleh kerajaan.

Kira-kira 700 pesakit dan lebih 100 petugas barisan hadapan,

terdiri daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, Pasukan Polis Diraja Brunei, PKBN dan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam, ditempatkan di CiC.

Timbalan Pendakwa Raya juga menyatakan, bahawa dalam menangani tingkah laku terdakwa, fokus dan tenaga kerja daripada barisan hadapan terpaksa beralih dari tanggungjawab utama mereka untuk menjaga kesihatan dan keperluan pesakit.

Majistret Kanan mendapati, bahawa tingkah laku defendan yang tidak tahu malu dan tidak bertimbang rasa, bukan hanya membahayakan kesihatan pihak berkuasa dan pekerja kesihatan,

tetapi juga pesakit di sana.

Tidak ada keraguan, bahawa hukuman tahanan dikenakan kepada tertuduh dan ia adalah mesej yang tegas juga jelas kepada orang-orang yang berfikir serupa mengenai kecaman mahkamah terhadap tindakan yang memalukan, di sebuah Pusat Pengasingan. Ini, terutama berlaku berikutan insiden yang dilaporkan, di Pusat Pengasingan diri, pada minggu lalu.

Kes ini disiasat oleh Biro Kawalan Narkotik setelah Defendan habis menjalani kuarantin dan merupakan kes pertama yang didakwa berkaitan dengan kejadian yang berlaku, di CiC.

Ingkar arahan kerajaan : 7 individu didakwa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Lima lelaki dan dua wanita didakwa di Mahkamah Majistret, hari ini, kerana melakukan kesalahan, di bawah Seksyen 62A (2) Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204 kerana telah melanggar arahan Kementerian Kesihatan, bertarikh 9 Ogos 2021, mengenai larangan terhadap perkumpulan ramai, yang dikeluarkan, mengikut Seksyen 62A (1) yang sama.

Pada 18 September 2021, sekitar jam 10.35 malam, Pasukan Polis Diraja Brunei menerima aduan menerusi Talian Hotline 993, bahawa terdapat perkumpulan ramai, diadakan di sebuah rumah, terletak di Jalan Ban 3A, Kampung Mulaut.

Pihak Polis kemudiannya turun ke lokasi berkenaan juga melakukan penyiasatan dan didapati ada perkumpulan ramai di rumah Wong Siong Hieng (D1), yang melibatkan individu-individu yang bukan tinggal di kediaman yang sama, bagi meraikan Ulang Tahun Ke-50 D1.

D1; Lam Kaw Chay (D2); Lim Yong Hang (D3); dan Lim Su Na (D4), masing-masing mengaku bersalah atas pertuduhan, di bawah Seksyen 62A (2) Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204, di hadapan Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abd Rahman, manakala Liew Yun Kun (D5); Phyllis Phang Pei Phin (D6); dan Tang Chion Siong (D7) menuntut untuk dibicarakan.

Menurut fakta kes yang dikemukakan di mahkamah, mereka mengakui, bahawa pada malam 18 September 2021, sekitar jam 8.00 hingga 10.55 malam, mereka berada di rumah D1. D2 dan D3 pergi ke rumah D1

untuk memberikan kejutan sempena Ulang Tahunnya Ke-50.

Mereka berada di rumah D1 untuk meraikan Ulang Tahun D1 bersama beliau dan keluarganya. D1 mengakui, bahawa dia menyediakan makanan dan minuman juga memainkan muzik untuk menghiburkan tetamunya.

Di samping itu, D4 tidak mengetahui mengenai Majlis Ulang Tahun D1, tetapi pergi ke rumah D1, pada petang itu, untuk mengubah sepasang seluar yang dipesan daripada isteri D1.

Setelah ditawarkan oleh isteri D1, D4 bersetuju menyertai Sambutan Ulang Tahun D1. Dalam proses penyiasatan, foto-foto perkumpulan ramai juga diperoleh dari telefon bimbit D1, yang menggambarkan individu-individu yang berada di rumah itu tidak memakai sungkup muka dan tidak mematuhi syarat penjarakan sosial.

Timbalan Pendakwa Raya Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman mengemukakan, bahawa perhimpunan itu merupakan pelanggaran secara terang-terangan terhadap arahan Kementerian Kesihatan mengenai larangan berkumpul kerana tujuan perkumpulan ramai tersebut tidak termasuk dalam pengecualian yang dinyatakan dalam arahan Menteri Kesihatan.

Timbalan Pendakwa Raya juga menekankan, faktor-faktor yang memburukkan dalam kes tersebut, khususnya, defendan melanggar secara terang-terangan terhadap arahan Kementerian Kesihatan dengan mengadakan perkumpulan di dalam rumah D1 bagi tujuan yang sama sekali tidak perlu, ketika

seluruh negara sedang berjuang melawan pandemik COVID-19.

Dengan tidak menghiraukan kesihatan dan keselamatan mereka sendiri, seperti halnya orang lain, mereka berisiko untuk menyebarkan COVID-19 di antara mereka dengan keadaan terkurung di tempat tertutup bersama individu-individu yang bukan tinggal dalam satu rumah, untuk jangka waktu yang lama, tanpa memakai sungkup muka dan tanpa mematuhi syarat penjarakan sosial. Telah dikemukakan, bahawa hukuman pencegahan diperlukan memadai bagi mencerminkan kesalahan serius yang dilakukan oleh Defendan.

Dalam hukumannya, Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abd. Rahman menyatakan, bahawa memerangi COVID-19 adalah usaha kolektif dan setiap pelanggaran arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan secara terang-terangan tidak akan dipandang ringan oleh Mahkamah.

Majistret Kanan bersetuju dengan Timbalan Pendakwa Raya, bahawa pelanggaran Defendan memerlukan hukuman pencegahan, untuk mengelakkan individu yang tidak bertanggungjawab daripada mengadakan perkumpulan ramai di masa depan.

Majistret Kanan menjatuhkan hukuman denda BND6,500 kepada D1, jika gagal membuat pembayaran, dipenjara satu bulan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,500 kepada D2, D3 dan D4, jika gagal membuat pembayaran dijatuhkan hukuman penjara satu bulan.

Dalam hukumannya, Majistret

Didakwa lakukan kerosakan, kekerasan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Seorang lelaki tempatan, Mohd. Amin bin Haji Suhaili, 46 tahun, didakwa hari ini, di Mahkamah Majistret kerana menyebabkan kerosakan dengan menumbuk tembok dinding, di COVID-19 Holding Area Mahad (CHAM), di Ma'had Islam Brunei, Tutong dan menggunakan kekerasan terhadap anggota tentera yang bertugas, di Pusat Pengasingan tersebut, setelah kejadian itu menjadi tular, di media sosial minggu lalu.

Timbalan Pendakwa Raya Pengiran Norsuzanawati binti Pengiran Haji Abas mendakwa Defendan, Mohd. Amin bin Haji Suhaili, di bawah Seksyen 427 dan 352 Kanun Jenayah, Bab 22, dan jika didapati bersalah, akan menghadapi hukuman penjara maksimum lima tahun dan sebatan dengan tidak kurang daripada dua sebatan, dan hukuman maksimum penjara masing-masing satu tahun juga denda.

Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya untuk Defendan direman bagi memudahkan siasatan polis selanjutnya. Kes akan didengar lagi, pada 6 Oktober 2021.

Jabatan Peguam Negara menggesa orang ramai untuk terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam usahanya menangani gelombang kedua wabak COVID-19, di Negara Brunei Darussalam; dan mengingatkan orang ramai, bahawa segala ancaman atau penggunaan kekerasan dilakukan terhadap Kakitangan Kementerian Kesihatan dan petugas barisan hadapan, dan melakukan kerosakan terhadap harta benda kerajaan tidak akan diberikan toleransi juga akan dikenakan pendakwaan, di bawah Kanun Keseksaan, Bab 22.

Kanan membezakan di antara Defendan dalam kes ini, dengan pemilik rumah tersebut yang mengadakan perkumpulan ramai berhak mendapat hukuman yang lebih tinggi daripada mereka yang menghadiri perhimpunan sebagai tetamu. Defendan diberikan hingga 30 Oktober 2021 untuk menyelesaikan denda mereka sepenuhnya.

Sementara itu, D5, D6 dan D7 dibebaskan dengan jaminan mahkamah dan diperintahkan oleh Majistret Kanan untuk kembali ke mahkamah, pada 13 Oktober 2021 untuk menetapkan tarikh perbicaraan.

Jabatan Peguam Negara ingin

mengingatkan orang ramai, bahawa mereka yang terlibat dalam perkumpulan ramai walaupun di tempat awam atau swasta, juga tindakan lain yang bertentangan dengan arahan dan langkah-langkah pengawalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan akan dikenakan pendakwaan, di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204, yang membawa hukuman maksimum denda BND10,000 dan penjara selama enam bulan bagi pesalah pertama; dan hukuman maksimum denda BND20,000 dan penjara selama satu tahun bagi pelaku kesalahan berulang.

LAZIMKAN DIRI DENGAN ZIKIR, SELAWAT : KUPU SB SEMARAKKAN PROGRAM MUNAJAT

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan


BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Lebih 600 orang menghadiri Program Munajat, dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU SB), di bawah pengendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar, yang diadakan secara maya dari kediaman masing-masing. Acara keagamaan ini adalah salah satu usaha dalam sama-sama menyemarakkan

aktiviti keagamaan, terutama sekali semasa pandemik ini, agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada wabak yang sedang melanda dan semoga wabak ini terhapus dari muka bumi. Program ini juga diharap agar warga KUPU SB melazimkan diri untuk sentiasa berzikir dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji

Adanan bin Haji Basar. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Kahfi, selawat Munjiyat, Zikir Istighfar dan Zikir Taubat, dipimpin oleh Pegawai unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Awang Ali Omar Saifuddin bin Haji Ali Amat. Bacaan Doa Memohon agar Terhindar daripada Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan, dipimpin oleh Ra'es KUPU SB. Dr. Haji Adanan dalam

ucapannya, berharap agar warga KUPU SB akan sentiasa melazimkan diri dengan berzikir dan berselawat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga beserta sahabat Baginda, selain untuk selalu bersyukur juga bersabar agar mendapat taufik daripada Allah. Beliau juga mengingatkan agar warga KUPU SB khususnya, menjalankan tanggungjawab dalam menyebarkan ajaran agama Islam dan sunah-sunahnya. Tambah beliau lagi, ilmu yang

didapati semuanya adalah daripada Allah dan hendaklah diamalkan semasa hidup. Pada masa yang sama, memastikan harta digunakan dengan cara dan pada jalan yang baik. Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr beramai-ramai, dipimpin oleh Pegawai Kegiatan Luar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Ampuan Muhammad Fuad bin Ampuan Babba. Majlis khas ini dihadiri oleh Pegawai-pegawai Utama; juga para Pensyarah, Kakitangan dan Mahasiswa KUPU SB.



PROGRAM Munajat yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama di bawah pengendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar, yang diadakan secara maya dari kediaman masing-masing.

Warga tempatan terlibat kegiatan sindiket sewa akaun

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Khamis, 30 September. - Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan dan Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang menjalankan siasatan mengenai kes yang melibatkan penyewaan akaun bank persendirian bagi tujuan kegiatan-kegiatan yang melibatkan perjudian dalam talian.

Terkini, satu penahanan dijalankan ke atas seorang lelaki, warga tempatan, berumur 26 tahun, yang dipercayai terlibat menyewakan akaun bank dan penyewaan talian telefon untuk kegunaan kegiatan berkenaan.

Siasatan awal juga mendapati, taktik ataupun Modus Operandi yang digunakan oleh sindiket berkenaan adalah dengan menghantar pesanan ringkas (SMS) menggunakan nombor talian negara asing ke nombor-nombor talian tempatan secara rambang dengan menawarkan penyewaan bank akaun persendirian dengan bayaran sejumlah wang sekitar BND200 ke BND250 sebulan dan sebanyak BND50 ke BND60 bagi penyewaan talian telefon. Jika ada yang berminat, perjumpaan akan dibuat bagi menyerahkan kad ATM atau kad sim telefon kepada sindiket berkenaan.

Oleh yang demikian, PPDB ingin menegaskan dan menasihatkan kepada orang ramai agar tidak menjadi mangsa pada tawaran dan rayuan kegiatan sindiket tersebut dengan tidak menyewakan nombor talian persendirian untuk kegiatan perjudian atau berunsur jenayah; jangan menyalahgunakan internet atau mana-mana platform media sosial bagi kegiatan jenayah; dan jangan menyewakan atau memberikan akses akaun bank peribadi untuk kegiatan jenayah.

Kegiatan perjudian secara dalam talian ini sentiasa mendapat perhatian umum dan jika tidak dibanteras akan mendatangkan kesan buruk kepada negara.

PPDB akan sentiasa membuat pemantauan, menjejak dan mengesan penjenayah-penjenayah yang hendak bertapak dan menjalankan aktiviti-aktiviti haram di negara ini.

Bank Baiduri adakan bengkel media sosial untuk PMKS

Why Do You Need a Social Media Content Calendar?

- Plan ahead to prevent content block
- Include all social media posts in a single place
- Allocate responsibilities
- Monitor and track outcomes
- Ensure right content mix (75/25 rule)



BENGKEL dihadiri oleh 30 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan.

mewujudkan peluang dalam talian untuk mengatasi cabaran yang disebabkan oleh wabak tersebut.

Bengkel ini mengkaji asas-asas pemasaran media sosial dan amalan terbaik juga mengukur prestasi kempen media sosial masing-masing.

Ketua Pengurusan Saluran di Bank Baiduri, Aariz Patrick Ng mengatakan, "Dengan sejumlah perniagaan masuk dalam talian sebagai cara untuk mengatasi cabaran yang ditimbulkan oleh wabak itu, kami berhasrat untuk menyediakan PMKS ini dengan kemahiran yang diperlukan dan alat untuk memasarkan perniagaan mereka di platform media sosial melalui bengkel ini sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan kami untuk bersama dengan komuniti kami. Kami juga berharap perkongsian kisah kejayaan serantau melalui Cooler Insights akan memperluaskan perspektif peserta kami dan memberi inspirasi kepada mereka untuk mencuba idea baharu untuk terus meningkatkan daya saing".

Pada akhir bengkel, para peserta

mengongsikan, bagaimana bengkel tersebut menjadi pengalaman belajar yang hebat bagi mereka. Seorang peserta menyatakan semasa sesi rangkuman dan penutup, bahawa semasa mereka menjalankan perniagaan mereka selama tujuh tahun di media sosial, mereka dapat meningkatkan pengetahuan mereka dan memperoleh pandangan melalui bengkel ini yang mengetengahkan elemen perniagaan dalam talian yang sentiasa berkembang.

Kerjasama di antara Bank Baiduri dan DARE bertujuan untuk melaksanakan perancangan rangkaian bengkel pengembangan kemahiran untuk melengkapkan program latihan yang ada yang ditawarkan oleh DARE's Industrial Business Academy (IBA).

Dengan itu, ia memberikan kurikulum pembelajaran yang lebih komprehensif dan lengkap kepada pengusaha tempatan dan memperkasakan mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam perniagaan mereka.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Bank Baiduri, kunjungi www.baiduri.com atau ikuti media sosial Bank Baiduri atau hubungi Talian Bantuan Pelanggan 24 jam menerusi +673 2449666.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Sebagai sebahagian daripada Siri Pemerkasaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Baiduri dengan kerjasama khas bersama Darussalam Enterprise (DARE), bengkel media sosial diadakan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi memanfaatkan peluang dalam ruang digital semasa pandemik COVID-19

dan seterusnya. Bengkel dalam talian tersebut bertajuk 'Baiduri SME Empowerment Series : Rising above the pandemic with social media marketing' dihadiri oleh 30 PMKS tempatan. Bengkel tersebut dikendalikan oleh Walter Lim, salah seorang jurulatih yang diperakui ACTA yang kini menjadi Pengarah dan Ketua Strategi Kandungan untuk Cooler Insights, sebuah agensi Singapura

yang khusus dalam pemasaran kandungan, SEO, pemasaran media sosial dan penceritaan jenama. Beliau memiliki pengalaman lebih daripada 27 tahun dalam pemasaran, hubungan masyarakat, pemasaran kempen dan acara juga perancangan strategik. Bengkel selama satu hari itu mendedahkan kepada para peserta mengenai bagaimana COVID-19 mempengaruhi keseluruhan landskap perniagaan dan bagaimana mereka dapat

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Iklan Jawatan Kosong



Talian Whatsapp
Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam

PSC.BN



+673 7377961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. AHLI KAJI BUMI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2021/009/04	JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	11 OKTOBER 2021
2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 (BAHAGIAN III) 2021/009/01	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	38(A)	11 OKTOBER 2021
3. PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN II) 2021/009/03	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	38(A)	11 OKTOBER 2021
4. PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2021/009/17	KEMENTERIAN TENAGA	01	38(A)	11 OKTOBER 2021
5. PEGAWAI PENDIDIKAN TINGKAT KHAS PG.4 (BAHAGIAN II) 2021/009/16	POLITEKNIK BRUNEI KEMENTERIAN PENDIDIKAN	29	38(B)	11 OKTOBER 2021

PERINGATAN:

- BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
- PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
- PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bil. Tawaran :

UBD / E8 / 012 / 2021 - (T)

Keterangan :

TAWARAN BAGI PENYEWAAN UNIT-UNIT RUANG 'FOOD COURT' (KAUNTER NO. 2) DI BANGUNAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM [BAGI TEMPOH 3 TAHUN]

Bayaran dokumen &



Pentadbiran :

BND10.00

[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa, 26 Oktober 2021, Tidak lewat jam 2.00 Petang



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

TAWARAN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Tajuk Tawaran :

TERM CONTRACT (12 MONTHS) FOR GRASS CUTTING AND LANDSCAPING MAINTENANCE WORKS AT KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN



Bilangan Tawaran :

KUPU SB / JKS (26) / 01-09 / 2021 - 2022

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu, 27 Oktober 2021, jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**SEBUT HARGA
PROGRAM HARAPAN**

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 93 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI : SEKOLAH RENDAH SEMABAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAERAH TEMBURONG KOD BLOK : PH/S7 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 94 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PEMAKANAN (MAKAN TENGAH HARI) BAGI : SEKOLAH RENDAH NAKHODA ABDUL RASHID MENUNGGOL KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/T2 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 95 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

IKLAN

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN TAPAK-TAPAK BAGI

PERUSAHAAN PERTANIAN KOMERSIAL DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)

Bilangan : 05 / 2021

TAPAK PERTANIAN :

1) Lot K1, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limpaki, Daerah Brunei-Muara (Bagi menjalankan perusahaan pertanian khususnya pengeluaran tanaman padi menggunakan teknologi tinggi / moden secara komersial)

Borang boleh dimuat turun di laman sesawang :



www.agriculture.gov.bn

Waktu Penjualan Borang Permohonan Tapak :

Isnin & Rabu : 8.30 Pagi - 10.30 Pagi



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. Tawaran :

KHEU / BDP / 164 / 151 / 2021

Tajuk :

BREAKDOWN, INTERIM MAINTENANCE AND REPAIR WORKS OF AIR CONDITIONING EQUIPMENT FOR MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS OLD AND NEW BUILDING FOR A PERIOD OF SIX (6) MONTHS.

Tarikh Tutup :
Rabu,



27 Oktober 2021, 12.00 Tengah Hari

DAN MENGHANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PEMAKANAN (MAKAN TENGAH HARI) BAGI : SEKOLAH RENDAH MERANGKING KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/T3 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 96 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI : 1. SEKOLAH RENDAH ABDUL RASHID TANJONG MAYA 2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/ST6 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 97 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI : SEKOLAH RENDAH SERASA, MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI MUARA KOD BLOK : PH/ST11 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 98 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL



DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI : SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA ALI WANIKA SETIA DIRAJA, KUPANG KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG KOD BLOK : PH/ST12 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 99 / 2021 / 2022
[BPPA-SEPT-2021]

Keterangan :

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI : SEKOLAH RENDAH LABU ESTATE KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TEMBURONG KOD BLOK : PH/ST13 BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran yuran / dokumen sebut harga :
BND5.00

[Bayaran sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :

Sabtu, 16 Oktober 2021, tidak lewat jam 9.00 Pagi.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Lembaga Tawaran Kecil,
Pengerusi,
Kementerian Pendidikan,
Blok 'A' Tingkat 1,
Bahagian Perkhidmatan
Kewangan 'A'
Lapangan Terbang Lama,
Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN PROGRAM HARAPAN

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 40 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
AWANG SEMAUN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/S1
BAGI TEMPOH ENAM (6)
BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 41 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
SULTAN HASSAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TEMBURONG
KOD BLOK : PH/S2
BAGI TEMPOH ENAM
(6) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 42 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
MAKTAB ANTHONY ABELL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BELAIT
KOD BLOK : PH/S3
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 43 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
PEHIN DATO SERI
MAHARAJA MENTIRI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/S4
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen

Tawaran :
BND35.00
[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 44 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
TANJONG MAYA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TUTONG
KOD BLOK : PH/S5
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 45 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
PANCHONG
2. SEKOLAH RENDAH
BENUTAN
3. SEKOLAH RENDAH
KAMPONG BUKIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TUTONG
KOD BLOK : PH/S6
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND15.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 46 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN MAKAN TENGAH HARI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH MENENGAH
AWANG SEMAUN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/T1
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 47 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN MAKAN TENGAH HARI
SECARA TAPAU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
BEBULOH
2. SEKOLAH RENDAH
BATANG MITUS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
KOD BLOK : PH/T4
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 48 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN

MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN MAKAN TENGAH HARI
SECARA TAPAU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
LAMUNIN
2. SEKOLAH RENDAH RAMBAI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TUTONG
KOD BLOK : PH/T5
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 49 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN MAKAN TENGAH HARI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN
KESUMA NEGARA BUKIT
BERUANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TUTONG
KOD BLOK : PH/T6
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND55.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 50 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN MAKAN TENGAH HARI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH RENDAH
PERPINDAHAN BUKIT
BERUANG II
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TUTONG
KOD BLOK : PH/T7
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND55.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 51 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KEPERLUAN-
KEPERLUAN PERMAKAMAN
(MAKAN TENGAH HARI) BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH SUNGAI
TERABAN
2. SEKOLAH RENDAH LABI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BELAIT
KOD BLOK : PH/T8
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND15.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 52 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH PG
ANAK PUTERI BESAR, SUNGAI
KEBUN
2. SEKOLAH RENDAH
SUNGAI SIAMAS
3. SEKOLAH RENDAH
BENDAHARA LAMA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/ST1
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen

Tawaran :
BND35.00
[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 53 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
SABA DARAT B
2. SEKOLAH RENDAH
HAJI TARIF
3. SEKOLAH RENDAH
PEHIN DATO JAMIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/ST2
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 54 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
PINTU MALIM
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN
ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR
3. SEKOLAH RENDAH BATU
MARANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/ST3
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND15.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 55 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH MENTIRI
2. SEKOLAH RENDAH
TANJONG KINDANA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/ST4
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND35.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 56 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
SEKOLAH RENDAH DATO HJ
MOHD YASSIN, KAMPONG
PERPINDAHAN MENTIRI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/ST5
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND10.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 57 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :

TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
MUHAMMAD ALAM
2. SEKOLAH RENDAH PG
SETIA NEGARA PG HJ MOHD
YUSOF,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BELAIT
KOD BLOK : PH/ST7
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND15.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 58 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
SEKOLAH RENDAH PANAGA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BELAIT
KOD BLOK : PH/ST8
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND15.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 59 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH PUNI
2. SEKOLAH RENDAH
SULTAN HASHIM, BATU APOI
3. SEKOLAH RENDAH RATAIE
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TEMBURONG
KOD BLOK : PH/ST9
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND15.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 60 / 2021 / 2022
[DA(BPPA-SEPT-2021)]

Keterangan :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR MINUMAN
KOTAK TENSU BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH
PANCHOR MURAI
2. SEKOLAH RENDAH
PANGLIMA BERUDIN,
LIMAU MANIS
3. SEKOLAH RENDAH PUTAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KOD BLOK : PH/ST10
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran :
BND10.00

[Bayaran yuran / dokumen
tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Selasa, 19 Oktober 2021,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



18 PRODUK PENSANITASI TANGAN KANDUNGI BAHAN KIMIA TIDAK DIISYTIHARKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan 18 produk kebersihan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), berikutan maklumat yang diterima melalui sistem Post Market Alert System

(PMAS) daripada Pihak Berkuasa Negara Singapura, di mana mendapati, bahawa produk-produk tersebut mengandungi bahan kimia yang tidak diisytiharkan dan melebihi had keselamatan. Produk kebersihan pensanitasi tangan berkenaan boleh dirujuk seperti yang tertera di dalam

rajab 1. Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan menjelaskan, bahan kimia yang tidak diisytiharkan dalam produk berkenaan, iaitu Acetaldehyde dan Metanol boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan sekiranya tidak dipantau dan digunakan dengan betul. Acetaldehyde adalah sejenis bahan kimia yang digunakan dalam pelbagai jenis industri. Pendedahan pada Acetaldehyde boleh berlaku apabila ia dimakan / diminum, dihidu dan melalui penyerapan kulit. Acetaldehyde dikategorikan sebagai bahan karsinogenik juga mutagenik. Methanol adalah sejenis bahan kimia yang digunakan dalam industri farmaseutikal sebagai cecair, sebagai agen *denaturant* Etanol, pembuatan Formaldehide dan sebagai pelarut dalam industri pembinaan, seperti cat, varnis dan sebagainya. Pendedahan pada Metanol boleh berlaku apabila ia dimakan / diminum, dihidu, dan melalui penyerapan kulit. Apabila seseorang terdedah pada metanol, kebanyakannya akan bertukar pada Formaldehide, seterusnya bertukar pada asid formik di organ hati manusia. Asid formik boleh menyebabkan kerosakan pada otak dan saraf optik juga memudaratkan penglihatan. Tanda-tanda keracunan Metanol ialah kesesakan nafas, mual-mual dan muntah, gangguan penglihatan atau kehilangan penglihatan. Berikutan hasil dapatan ini, produk-produk seperti yang tertera di dalam rajah 1 adalah dilarang untuk diimport dan dijual, di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan melalui siaran akhbar ini juga menasihati

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

kan orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk-produk tersebut untuk memberhentikan penggunaannya serta merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera. Orang ramai dinasihatkan untuk mengamalkan mencuci tangan secara kerap menggunakan air dan sabun sekurang-kurangnya selama 20 saat. Apabila menggunakan produk kebersihan pensanitasi tangan, orang ramai adalah disaran untuk mencuci tangan sebaik sahaja mendapat akses pada air dan sabun. Jauhkan produk kebersihan pensanitasi tangan dan disinfektan daripada kanak-kanak juga elakkan penggunaan tanpa pengawasan bagi kanak-kanak. Sentiasa mematuhi arahan yang tertera pada label produk tersebut. Adalah diingatkan, bahawa penjualan produk-produk tersebut (termasuklah secara *online*, seperti Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan, di bawah Peraturan Ubat, 2007 dan / atau Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan / atau Akta Racun, 1956 untuk mengimport dan

memasarkan produk kebersihan pensanitasi tangan juga disinfektan tanpa kebenaran dari Kementerian Kesihatan, jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini. Kementerian Kesihatan akan terus membuat pemantauan atas produk kebersihan pensanitasi tangan dan disinfektan yang berada di pasaran untuk memastikan keselamatan produk-produk tersebut. Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan menerusi talian +673 2393298 sambungan 208 atau menghantar e-mel ke pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan, di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.

Bil.	Nama produk	Pengilang	Nombor bac.
1.	Asepto™ Professional Hand Sanitiser (60ml)	Tidak terpapar di atas label	B42M
2.	Cuticura Hand Sanitizer (50ml)	Dikilang untuk Pro Anchor Sdn Bhd Malaysia	Semua bac
3.	Epi KleenGel Hand Sanitizer Gel (500ml)	Dan Mor Natural Products & Chemicals Ltd 29 Ha'lan st. PO. Box 267, Or-Akiva, Industrial Zone, 2060000, Israel	Semua bac
4.	Guardian Lavender & Passion Flower Antibacterial Hand Sanitiser (250ml)	Malaysia	982KDF
5.	Guardian Aloe & Korean - Mint Antibacterial Hand Sanitiser (50ml)	Malaysia	0D32DF
6.	Kundal Fresh Water Hand Sanitizers+ (500ml)	Tidak terpapar di atas label	BN227
7.	Sanitelle® Instant Hand Sanitizer Antiseptic Gel Kids (60ml)	Tidak terpapar di atas label	Semua bac
8.	Cath Kidston® Moisturising Hand Sanitiser (15ml)	Republik Cina	Semua bac
9.	红月亮® Redmoon 抑菌免水净手凝胶 Bacteriostat Wash Free Hand Wash Gel (60ml)	广州洁宜日化用品有限公司, 广东广州, China	Semua bac
10.	We ¹¹ Daily Instant Hand Sanitiser (60ml)	Malaysia	Semua bac
11.	Cool Day's Peppermint Instant Hand Sanitiser (70ml)	Republik Cina	Semua bac
12.	Walch® Instant Hand Sanitizer (250ml)	Tidak terpapar di atas label	TG01
13.	TP 706 Hand Sanitiser (500 ml)	Malaysia	Semua bac
14.	Lifebuoy Instant Hand Sanitizer (50ml)	Dikilang untuk Unilever (Malaysia) Holdings Sdn. Bhd	OD13UL
15.	FairPrice Hand Sanitiser Lavender (60ml)	Malaysia	01251-001
16.	Germ-X® Advanced Hand Sanitizer Original Scent (354ml)	Amerika Syarikat	Semua bac
17.	Sanigen Gel Hand Refreshing Gel (600ml)	Worldchem Korea	Semua bac
18.	Yuri® Hand Gel Green Tea Extract (175ml)	PT. Joenoos Ikamulya, Jakarta, Indonesia	Semua bac

RAJAH 1

Proses pengimportan produk kosmetik kegunaan peribadi dikemas kini

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian proses pengimportan produk kosmetik untuk kegunaan peribadi yang dikawal, di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan. Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, bermula pada 1 Oktober 2021, pengimportan produk kosmetik untuk kegunaan peribadi dengan jumlah pernyataan bernilai di bawah BND200 melalui Pusat Memproses Bungkus, Lapangan Terbang Lama Berakas, melalui *express air courier services* atau *Express Mail Services (EMS)*, di bawah Skim De Minimis juga yang dibawa sendiri oleh penumpang melalui pos-pos kawalan tidak lagi memerlukan kebenaran import dari

Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan tidak memerlukan Borang Deklarasi Kastam, yang diisytiharkan melalui Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW). Manakala produk-produk kosmetik bagi kegunaan peribadi yang dibawa masuk melalui ejen kastam / *runner* yang berdaftar melalui mana-mana cawangan / pos kawalan kastam, masih memerlukan pengisytiharan Borang Deklarasi Kastam melalui BDNSW. Produk kosmetik yang diimport perlulah juga produk yang tidak tersenarai dalam produk yang dilarang di Negara Brunei Darussalam atau produk yang dikawal penggunaannya. Produk-produk kosmetik untuk kegunaan peribadi dengan jumlah pernyataan bernilai BND200 ke atas yang diimport melalui BIACC, ejen kastam / *runner* yang berdaftar

adalah dikehendaki untuk membuat pengisytiharan Borang Deklarasi Kastam melalui BDNSW. Manakala bagi mana-mana produk kosmetik bagi kegunaan perniagaan dari mana-mana pos kawalan dan BIACC, perlulah diisytiharkan melalui BDNSW. Bagi kelancaran proses pengimportan, pengimport perlulah mematuhi peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini, termasuklah melantik ejen kastam / *runner* yang berdaftar; maklumat lengkap, termasuk dokumen pengenalan produk, label produk dan bahan ramuan juga borang BDNSW yang telah diluluskan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang dilengkapi dengan dokumen penyokong, perlulah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Farmasi, di alamat Bahagian Komplians dan Perlesenan (CLS), Jabatan

akan diX-Ray bagi tujuan keselamatan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Bagi keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui e-mel, pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau talian telefon +673 2393298 sambungan 208.

Pengurangan kaunter perkhidmatan farmasi

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter-kaunter perkhidmatan di Farmasi Pesakit Luar Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan dikurangkan bermula hari ini hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan nanti. Masa operasi adalah mulai jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang. Ini adalah bagi membendung penularan pandemik COVID-19 dan dalam masa yang sama, memastikan pihak farmasi dapat memberikan perkhidmatan pembekalan ubat-ubatan secara berterusan selaras dengan Business Continuity Plan (BCP) Farmasi Pesakit Luar. Sehubungan itu, adalah dijangkakan bahawa masa menunggu bagi pengambilan ubat akan meningkat. Oleh yang demikian, orang ramai adalah digalakkan untuk menggunakan penghantaran ubat ke rumah melalui ejen yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan bagi mengelakkan masa menunggu yang lama di Farmasi Pesakit Luar, Hospital RIPAS. Maklumat lanjut mengenai perkhidmatan-perkhidmatan ini boleh dirujuk dan dimuat turun di laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn. Kementerian Kesihatan memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidakselesaan yang timbul. Kerjasama dan kesabaran orang ramai ke arah ini adalah sangat-sangat dihargai.

Perkhidmatan Farmasi, Tingkat 1, Simpang 433, Lebuhraya Rimba, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'. Jabatan Perkhidmatan Farmasi boleh meminta maklumat tambahan, pada bila-bila masa jika perlu, sekiranya maklumat yang dihadapkan didapati tidak lengkap. Semua barang yang diimport

akan diX-Ray bagi tujuan keselamatan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Bagi keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui e-mel, pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau talian telefon +673 2393298 sambungan 208.

Raikan Hari Maritim dengan lampu biru

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) untuk pertama kalinya menyalakan lima buah bangunannya dengan lampu berwarna biru sempena Hari Maritim Sedunia, pada malam 30 September 2021.

Tema Hari Maritim Sedunia tahun ini adalah, 'Seafarers : at the core of shipping's future', bertujuan untuk meneguhkan peranan penting

yang dimainkan oleh para pelaut, bukan sahaja pada masa terdekat ini, tetapi berterusan pada masa hadapan.

Setiausaha Agung Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), Tuan Yang Terutama Kitack Lim mengumumkan satu inisiatif baharu sebagai tanda memperingati Hari Maritim Sedunia, dengan menyalakan bangunan IMO, bertempat di London, United Kingdom, dengan lampu berwarna biru bermula

tahun ini.

Sehubungan itu, TYT Kitack Lim mengalu-alukan negara-negara Ahli IMO dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk ikut serta menyalakan lampu berwarna biru di bangunan-bangunan, jambatan-jambatan, pelabuhan-pelabuhan, kapal-kapal, tugu-tugu negara, muzium- muzium dan mercu-mercu tanda paling ikonik pada Hari Maritim Sedunia dan untuk diteruskan pada setiap Hari

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

Maritim Sedunia pada tahun-tahun berikutnya.

Inisiatif ini adalah salah satu usaha untuk menyatukan komuniti maritim juga meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan dan sumbangan industri perkapalan.

Ibu Pejabat MPABD, MPABD Muara Coastal Signal Station,

MPABD Marine and Port Department Building, MPABD Lumut Lighthouse dan MPABD Kuala Belait dinyalakan dengan lampu berwarna biru sebagai tanda perpaduan dan sokongan kepada komuniti maritim dan perkapalan. Negara Brunei Darussalam merupakan Ahli kepada IMO sejak tahun 1984.

Penutupan sementara Bangunan Pasar Gadong, Operasi Perniagaan bermula 30 September

Siaran Akhbar : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Berikutan terdapatnya beberapa orang peniaga, termasuk pengawas Pasar Gadong yang disahkan positif COVID-19, di antara 26 September 2021 hingga 28 September 2021, maka atas nasihat Kementerian Kesihatan juga bagi membendung jangkitan wabak COVID-19, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa penutupan sementara Bangunan Pasar Gadong dan Operasi Perniagaan akan bermula pada Khamis, 23 Safar 1443 bersamaan 30 September 2021 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi melalui Talian Hotline Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, menerusi +6737 179900 atau e-mel, Info@bandaran-bsb.gov.bn.

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi.



PIHAK Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) pertama kalinya menyalakan lima buah bangunannya dengan lampu berwarna biru sempena Hari Maritim Sedunia, pada malam 30 September 2021 sebagai tanda perpaduan juga sokongan kepada komuniti maritim dan perkapalan.

PENGALAMAN PESAKIT COVID-19 SEPANJANG KUARANTIN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Masyarakat di negara ini masih lagi berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19.

Oleh itu, orang ramai sentiasa ditekankan untuk *teranah* di rumah bagi membendung penularan virus berkenaan.

Bagi Dayang Nur 'Aliyah binti Abdullah Chia, 34 tahun, beliau disahkan positif COVID-19 selepas seorang kontak rapat mengunjungi rumahnya, pada 7 September lalu.

Bercerita kepada pihak media dalam sesi temu bual secara maya menerusi aplikasi WhatsApp, beliau tidak menyedari kontak rapat berkenaan positif COVID-19 kerana tidak mempunyai gejala (Asymptomatic).

"Beliau datang ke rumah saya untuk menyampaikan ucapan takziah kerana salah seorang ahli keluarga saya baru meninggal dunia," katanya.

Tambahnya, beliau mula mengalami simptom, seperti batuk dan flu, pada 11 September.

"Selepas mengetahui kontak rapat tersebut dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan kerana mengalami sakit dada dan sesak nafas, saya pergi menjalani Uji Swab, di Dewan BRIDEX pada 14 September," ujarnya.

Selepas disahkan positif COVID-19, beliau kemudian dimasukkan ke Pusat Pengasingan

di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Temburong pada 16 September.

"Cuma saya sahaja yang dimasukkan di Pusat Pengasingan ini kerana ahli keluarga saya yang lain telah disahkan negatif COVID-19," katanya.

Menceritakan pengalaman beliau di Pusat Pengasingan berkenaan, beliau melahirkan rasa syukur kerana banyak kemudahan asas disediakan di tempat tersebut, termasuk dapur; pantri; dan mesin cuci pakaian. Selain itu, makanan kering juga diberikan setiap dua atau tiga hari.

"Setiap hari, saya akan bangun dan Solat Subuh sebelum tidur semula. Kemudian, saya akan bangun pada pukul 7.00 pagi dan mandi juga bersarapan. Selalunya saya akan mengisi masa dengan membaca. Memandangkan kerja saya hanya memerlukan sambungan internet yang baik dan komputer riba, saya tetap bertugas (secara dalam talian) semasa berada di sini," jelasnya.

Sepanjang berada di Pusat Pengasingan itu, beliau menerima layanan yang baik daripada para jururawat yang bertugas.

"Sebagai manusia biasa, ada kalanya saya mengalami stres. Namun para jururawat di sini sangat prihatin dan bercakap secara sopan kepada pesakit,"

DAYANG Nur 'Aliyah binti Abdullah Chia semasa bertugas secara dalam talian walaupun sedang menjalani pengasingan diri.

katanya.

Beliau juga mengakui tidak pernah mengalami gangguan daripada para pesakit lain.

"Saya juga bergaul dan berbual-bual dengan para pesakit lain," tambahnya lagi.

Bagi membantu proses pemulihan, beliau turut mengambil inisiatif lain, antaranya dengan mengambil perubatan tradisional Cina (TCM) dan mengamalkan latihan pernafasan bagi menguatkan sistem imun.

"Walaupun tidak dijangkiti COVID-19, amalan ini dapat diterapkan dalam kehidupan seharian," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, beliau turut memberi penekanan mengenai pentingnya bagi orang ramai berada di rumah bagi mengelakkan penyebaran COVID-19.

"Kalau kita tidak memikirkan diri sendiri, fikirkan ahli-ahli keluarga dan orang-orang tersayang," katanya.

Beliau menambah, sebilangan individu menganggap jangkitan ini



**Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ihsan Dayang Nur 'Aliyah Abdullah Chia**

cuma bermusim dan akan berakhir tidak lama lagi.

"Namun kita boleh menjangka perkara paling buruk berlaku apabila ia beralih ke fasa endemik. Apa yang paling penting adalah kita telah mengambil langkah-langkah pencegahan sebaik mungkin," terangnya.

Menurutnya, beliau telah

melengkapi dua dos vaksin dan mendapatkan suntikan dos kedua, pada 9 September lalu.

"Walau bagaimanapun, dua hari selepas itu, saya mengalami gejala jangkitan. Mungkin disebabkan tubuh kita memerlukan masa sekurang-kurangnya dua minggu selepas suntikan untuk membina imuniti," jelasnya.

DOA KESYUKURAN RAIKAN ULANG TAHUN KE-4 PENUBUHAN MPABD, HARI MARITIM SEDUNIA

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran secara maya bersempena Hari Ulang Tahun Ke-4 Penubuhan MPABD dan Hari Maritim Sedunia baru-baru ini.

Hadir pada majlis tersebut, Pemangku Ketua Eksekutif MPABD, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin bersama warga kerja MPABD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, diikuti dengan Doa Kesyukuran, dipimpin oleh Muhd. Sharifuddin bin Haji Murah.

Majlis merupakan acara tahunan Memperingati Ulang Tahun Penubuhan MPABD sejak 28 September 2017, diteruskan dengan Sambutan Hari Maritim Sedunia yang akan disambut pada 30 September 2021.

MPABD ditubuhkan sebagai pihak berkuasa perlesenan dan pengawalseliaan perkapalan

pedagang, terutamanya hal ehwal keselamatan di laut, pelaut juga pencegahan pencemaran dan pemeliharaan persekitaran laut di kawasan pelabuhan juga perairan Negara Brunei Darussalam, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan kemudahan laut dan pelabuhan.

MPABD juga merupakan wakil Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa, seperti ASEAN juga Pertubuhan Maritim Antarabangsa


PEMANGKU Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin bersama warga kerja MPABD pada Majlis Doa Kesyukuran secara maya bersempena Hari Ulang Tahun Ke-4 Penubuhan MPABD dan Hari Maritim Sedunia.

(IMO) dalam perkara-perkara berkaitan dengan pengangkutan laut dan pelabuhan sejak Negara Brunei Darussalam menjadi Negara Ahli pertubuhan-

pertubuhan berkenaan, pada tahun 1984.

Tema Hari Maritim Sedunia tahun ini adalah, 'Seafarers : at the core of shipping's future', bertujuan untuk

mengetengahkan peranan penting yang dimainkan oleh para pelaut, bukan sahaja di masa terdekat ini, tetapi berterusan di masa hadapan.



2 pertandingan dianjurkan sempena Hari Maritim Sedunia

Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) melancarkan dua pertandingan, iaitu Pertandingan Logo dan Pertandingan Melukis sempena Hari Maritim Sedunia, yang disambut pada 30 September 2021.

Tema Hari Maritim Sedunia pada tahun ini ialah 'Seafarers : at the core of shipping's future' bertujuan untuk mengetengahkan peranan penting yang dimainkan oleh para pelaut, bukan sahaja di masa terdekat ini, tetapi berterusan pada masa hadapan.

Pertandingan Logo tersebut bertujuan untuk meraikan ulang tahun ke-4 penubuhan MPABD. Logo hendaklah mengandungi elemen, seperti 28 September 2021; 4th Anniversary; dan Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam.

Penyertaan mestilah di dalam format PNG dan JPEG. Para pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan sijil sebanyak BND500; BND300; dan BND200.

Bagi Pertandingan Melukis, ia bertujuan untuk menghargai sumbangan pelaut yang bertugas untuk memudahkan perkembangan dan kesinambungan perdagangan antarabangsa.

Pertandingan ini dibukakan kepada peserta berumur 8 hingga 18 tahun sahaja. Tiga pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan sijil sebanyak BND250 untuk tempat pertama; BND150 untuk naib juara; dan BND100 untuk pemenang tempat ketiga.

Syarat-syarat penuh pertandingan boleh didapati di Laman Sesawang MPABD, iaitu www.mpabd.gov.bn atau dengan melayari Instagram rasmi MPABD, iaitu [@mpa.brunei](https://www.instagram.com/mpa.brunei).

Tarikh akhir penyertaan adalah pada 31 Oktober 2021, jam 11.59 malam.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi urus setia pertandingan dengan menghantar e-mel ke info@mpabd.gov.bn atau melalui WhatsApp menerusi talian +673 8312809.

Beribadah ikhlas kerana Allah

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 28 September. - Sesi ceramah dalam talian bertajuk '4 Penghalang dalam beribadah' menyenaraikan empat perkara disebut oleh Imam Al-Ghazali dalam kitab Minhaj Al-'Abidin yang menjadi penghalang dalam beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Empat perkara tersebut adalah dunia, makhluk, syaitan dan nafsu, di mana jika keempat-empat perkara ini dapat diatasi, maka kebahagiaan dunia dan akhirat akan dapat dikecapi.

Pengisian ceramah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath (PPPJKT), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri dalam siaran secara Instagram Live di [@pppjkt_kupusb](https://www.instagram.com/pppjkt_kupusb), hari ini.

Dalam perincian bagi halangan pertama, iaitu 'dunia', Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ar Rum, ayat 7, tafsirnya, "Mereka hanya mengetahui yang zahir sahaja daripada kehidupan dunia, sedangkan untuk kehidupan akhirat mereka lalai".

Ayat ini menunjukkan betapa besarnya godaan dunia yang dialami setiap manusia hingga lupa pada kehidupan lain, iaitu kehidupan akhirat. Dalam kita mencari balasan dan kebaikan di akhirat, kita hendaklah memperbetulkan niat kita dalam melakukan apa pun perkara di dunia.

Cabaran kedua, iaitu makhluk, adalah yang diertikan sebagai selain Allah, mulai daripada malaikat, para nabi, jin, manusia, pepohon, binatang dan sebagainya, yang mana tujuan makhluk diciptakan ialah

sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Zariyah, Ayat 56, tafsirnya, "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku".

Makhluk diertikan sebagai ciptaan Allah (Maa Siwallah), namun dalam hal pertemanan atau persahabatan, jika seorang sahabat menyebabkan kita jauh dari Allah, maka menjauhlah daripada sahabat tersebut, dengan kata lain, bersahabatlah bersama orang yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah.

Syaitan merupakan musuh yang nyata bagi manusia, terutama bagi orang-orang yang beriman, maka perangilah ia sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fatir, Ayat 6 tafsirnya, "Sesungguhnya Syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh (yang mesti di jauhi tipu dayanya); sebenarnya dia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi dari penduduk neraka".

Oleh itu, sentiasalah ingat kepada Allah dengan membasahi lidah dengan memperbanyakkan zikir, menguatkan iman daripada syaitan, kerana sebagai orang yang beriman, kita mahu mati dalam keadaan mukmin dan dijauhi daripada seksa neraka di alam akhirat.

Selain itu, walaupun nafsu dapat membantu hidup dijalankan dengan baik, akan tetapi sebahagian nafsu menjadi hambatan kerana ia menjadi 'tentera' syaitan dalam menggoda manusia.

Nafsu-nafsu yang ada pada diri



PENGARAH Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath (PPPJKT), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri dalam siaran secara Instagram Live di [@pppjkt_kupusb](https://www.instagram.com/pppjkt_kupusb).

manusia dapat dibahagikan kepada Nafsu al-Ammarah, iaitu peringkat nafsu yang dikaitkan dengan perasaan sentiasa berbuat kejahatan, tiada berasa duka saat melakukan kejahatan, terlalu suka cita dengan nikmat yang didapatinya dan timbul sifat-sifat mazmumah; Nafsu Lawwamah; Nafsu Mulhimah dan Nafsu Muthmainnah, diertikan sebagai murah hati dan suka bersedekah, bertawakal kepada Allah, kuat beribadah, sentiasa bersyukur dan bersabar.

Kesimpulannya, jika kita inginkan ibadah yang khusus, maka berusaha untuk melawan empat halangan ini, di samping menguatkan diri agar tidak sampai terpedaya dengan tipu daya dunia, dan sentiasa beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



Jika tempahan awda tidak ada kod QR, ini bermakna tempahan awda adalah belum disahkan.

PENDAFTARAN NGAJI ONLINE BERSAMA AL-HUFFAZ DIBUKAKAN



AL-HUFFAZ Management secara serta-merta merubah kaedah pembelajaran Al-Quran ke rumah-rumah dengan pembelajaran secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi Zoom.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Al-Huffaz Management

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Al-Huffaz Management merupakan platform pembelajaran Al-Quran dan wadah bagi aktiviti majlis keagamaan, berpusat di Negara Brunei Darussalam, di mana atas penglibatannya yang cemerlang itu, Al-Huffaz Management diiktiraf sebagai pemenang 'ASEAN Business Award 2020' dan 'Country Star of The Year'.

Atas pencapaian itu juga, Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pemimpin Muda Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, yang dianugerahkan sendiri

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 7 Ogos lalu.

Pihak pengurusan juga merancang pelbagai inisiatif, namun disebabkan negara dilanda gelombang kedua pandemik COVID-19, Al-Huffaz Management secara serta-merta merubah kaedah pembelajaran Al-Quran ke rumah-rumah dengan pembelajaran secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi Zoom.

Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim semasa ditemu bual, baru-baru ini, menyatakan, sejak 17 Ogos 2021,

Al-Huffaz Management tidak putus-putus mengadakan Kempen Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Tolak Bala hingga kini, sebagai menyahut titah Kebawah DYMM, iaitu Vaksin Ketuhanan (perisai diri) kepada *kitani* rakyat Brunei bagi usaha mengekang wabak COVID-19 dengan penuh yakin dan jiwa yang sabar.

Pada musim pandemik ini, katanya, Al-Huffaz Management melancarkan pakej terbaharu, iaitu Ngaji Online bersama Al-Huffaz Management, Pakej Mausul Alif dan Mausul Ba.

Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim seterusnya menjelaskan, Mausul Alif adalah pembelajaran dalam talian secara eksklusif, di mana #HuffazEducators (Tenaga Pengajar) memberikan sepenuh perhatian kepada murid dan jauh lebih fokus. Waktu dan jam bagi pakej ini sangat fleksibel, tergantung pada masa yang ditetapkan oleh bakal murid.

Manakala Pakej Mausul Ba, tambahnya, adalah pembelajaran dalam talian secara berkumpulan, mengikut masa yang ditetapkan. Sesuai bagi mereka yang suka belajar secara berjemaah (beramai-ramai).

"InsyaaAllah pada masa akan datang, Al-Huffaz Management akan menawarkan lebih banyak program keagamaan. Nantikan di laman sosial Al-Huffaz Management, di Instagram, Facebook dan Tiktok, iaitu @alhuffazbn.

"Dengan adanya program dan pakej yang ditawarkan, diharap akan dapat memberikan manfaat kepada orang ramai, terutamanya dengan situasi *kitani* pada masa ini, iaitu #TeranahTahDiRumah," tambahnya lagi.

Beliau juga berharap dan mengalu-alukan orang ramai untuk

sama-sama membuat pahala amal kebajikan dengan berinfak bagi pembelajaran Al-Quran bagi orang-orang yang kurang

pendapatan dan awda boleh memberikan sumbangan awda melalui aplikasi BIBD menerusi akaun Payees, 'Baiti Baitul Quran'.

Sumbangan berterusan kepada Kementerian Kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



PARA penderma menyalurkan sumbangan dalam sama-sama memainkan peranan dan memberikan sokongan dalam membantu pihak kerajaan bagi membendung dan menangani penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Pelbagai sumbangan terus disalurkan kepada orang ramai dalam sama-sama memainkan peranan dan memberikan sokongan dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya Kementerian Kesihatan bagi membendung dan menangani penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan menerima sumbangan-sumbangan, di mana adalah sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) juga sumbangan peribadi, pada 28 September 2021 lalu.

Penderma-penderma adalah terdiri daripada Fleur De Lys Bakeshop; Aewon; FOC Management; Nurul Khairunnisa Jupry (Persendirian) dan Belia Masjid Prihatin.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan, bolehlah berhubung terus bersama MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) menerusi talian +673 7295712, pada waktu bekerja sahaja.



Kejadian tanah susur di Kampung Lakiun



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

TEMBURONG, Rabu, 29 September. - Seramai empat orang anggota dari Pasukan 'A', Balai Bomba Bangar, diketuai oleh ABKS 136 Asri bin Bakri dikerahkan ke panggilan mengenai

tanah susur yang berlaku, di kawasan Kampung Lakiun.

Setiba di lokasi kejadian, pihak bomba mendapati tanah susur melibatkan kawasan belakang rumah kepunyaan warga

ANGGOTA bomba bertindak memasang satu keping kanvas di kawasan yang terjejas, iaitu kawasan belakang rumah kepunyaan warga tempatan, di Kampung Lakiun.

tempatan, berikutan hujan lebat malam sebelumnya.

Bagi langkah-langkah keselamatan, anggota bomba bertindak dan memasang satu keping kanvas di kawasan yang terjejas, seterusnya diserahkan ke Jabatan Kerja Raya untuk tindakan selanjutnya.

Juga hadir, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G', SSFR Haji Afiq bin Haji Julah dan Stesen Komander Balai Bomba Bangar, SO Jamaludin bin Ahmad.

Oleh itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai supaya sentiasa memantau keadaan kawasan atau tanah sekeliling rumah juga tanah bukit yang

berdekatan; sentiasa bersedia untuk sebarang tindakan jika mendapati terdapat hakisan tanah yang mula menampakkan keruntuhan; dan untuk keselamatan, tinggalkan / kosongkan rumah jika sudah ternyata membahayakan nyawa.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti kursus Fire Marshal; Life

Saver 995; dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

INFO Teknologi



iPhone generasi terbaharu dilancarkan

APPLE melancarkan empat produk iPhone baharu, di samping melancarkan Apple Watch dan iPad baharu, pada 14 September lepas melalui acara pelancaran secara maya yang diadakan dari California.

Telefon pintar baharu tersebut adalah iPhone 13 mini, iPhone 13, iPhone 13 Pro dan iPhone 13 Pro Max. Pelancaran iPhone tersebut tidak menunjukkan banyak perubahan luaran atau ciri reka bentuk yang inovatif, apabila dibandingkan dengan pengumuman 5G pada tahun lepas. Walau bagaimanapun, melihat dari segi fungsi iPhone baharu tersebut, terdapat pembaharuan yang pastinya akan menarik minat pencinta iPhone dan telefon pintar berteknologi tinggi.

iPhone 13 Pro dan iPhone 13 Pro Max

Pengenalan mengenai iPhone 13 Pro dan iPhone 13 Pro Max boleh dikatakan sebagai kemuncak acara pelancaran produk Apple. iPhone 13 Pro baharu ini berukuran 6.1 inci dan iPhone 13 Pro Max pula mempunyai ukuran 6.7 inci dan mempunyai cip A15 Bionic baharu yang kuat dan canggih, dikatakan sebagai CPU terpanas di mana-mana telefon pintar. Ini akan memberi iPhone peningkatan kemampuan pembelajaran mesin, seperti analisis video masa nyata dan kemampuan untuk menganalisis teks dalam foto.

iPhone bagi kelas Pro ini membekalkan CPU five-core dengan grafik 50 peratus lebih pantas, iaitu peningkatan yang akan menarik perhatian banyak pemain game juga paparan Super Retina XDR yang terang dan kapasiti hayat bateri yang lebih tinggi dari keluaran sebelumnya. Di samping itu, Apple juga menyediakan pilihan simpanan yang sangat besar hingga 1 terabyte sebagai langkah bagi menggandakan kapasiti penyimpanan maksimum.

iPhone 13 dan iPhone 13 Mini

iPhone 13 dan iPhone 13 mini yang merupakan pengganti pada iPhone 12 dan

iPhone 12 mini, kini mempunyai saiz yang mungkin lebih besar dari iPhone sebelumnya. iPhone 13 mempunyai saiz 6.1 inci, manakala iPhone 13 mini pula mempunyai saiz 5.4 inci. Kedua kelas iPhone ini juga dilengkapi dengan cip A15 Bionic yang sama dengan kelas Pro. Ia juga memiliki sistem kamera berganda, yang disusun secara menyerong dan dilengkapi dengan bateri tahan lama. Apple mendedahkan bahawa iPhone 13 akan bertahan 2.5 jam lebih lama daripada iPhone 12 dan iPhone 13 mini pula akan bertahan 1.5 jam lebih lama dengan sekali caj dibanding dengan model sebelum ini.

Kemaskini lain termasuk paparan skrin yang lebih cekap, cip 5G baru dan kamera yang dilengkapi dengan *cinematic mode* setanding dengan kualiti penggambaran dan pengambilan video menggunakan kamera profesional.

Adakah awda perlu menaik taraf iPhone awda?

iPhone 13 adalah peranti yang kuat dan berkebolehan tinggi. Walau bagaimanapun,

Oleh : Pg. Haji Ahmad Fadillah Akhbar Pg. Haji Sellahuddin
Foto : Sumber website www.apple.com

jika awda menitikberatkan kepada reka bentuk dan fungsi teras iPhone, awda mungkin tidak perlu menaik taraf telefon pintar awda setiap kali keluaran iPhone terbaharu.

Walaupun peminat Apple mungkin berpendapat bahawa setiap iPhone baharu adalah yang terbaharu dan terhebat, tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, setiap peningkatannya iPhone baharu telah terbukti hanya kesinambungan pada model sebelumnya dan bukan satu perubahan yang sangat signifikan dan *breakthrough*. Sekiranya awda mempunyai salah satu model terbaharu, seperti iPhone 12 atau bahkan iPhone 11, mungkin awda tidak mempunyai keperluan untuk membeli iPhone terbaharu. Tetapi jika awda menitikberatkan

kuasa dan kemampuan teknologi 5G mungkin iPhone terbaharu ini dapat menarik minat awda.

5G sememangnya merupakan teknologi transformasi yang berpotensi untuk membolehkan banyak inovasi yang hebat, pelancaran teknologi ini juga masih perlahan dan ia, bahkan belum tersedia di kebanyakan pasaran.

"Pengumuman iPhone 13 hampir penting secara intuitif," kata penganalisis Apple, Rene Ritchie. "Tumpuannya adalah pada pemrosesan, kemaskini kamera, sistem dan bukannya perubahan reka bentuk yang besar. Ia tidak begitu menyerlah seperti telefon yang direka semula, tetapi kekuatan tambahan dan ciri 5G sangat penting bagi ramai orang".





Lakukan aktiviti semasa *teranah* di rumah

Rencana dan Foto :
Aida Hidayati Aidin

PELBAGAI aktiviti boleh dilakukan ketika berada di rumah memandangkan ketika ini Negara Brunei Darussalam sedang dilanda gelombang kedua wabak pandemik COVID-19. Sekatan dalam pergerakan menyebabkan rakyat tidak dapat melakukan aktiviti-aktiviti harian seperti biasa.

Jadi, kita perlulah mencari alternatif aktiviti yang boleh dilakukan sepanjang berada rumah. Aktiviti yang dilakukan bergantung kepada setiap individu, berdasarkan minat mereka, contohnya memasak, menjahit, membersihkan rumah, bercucuk tanam dan lain-lain.

Dengan melakukan aktiviti di rumah juga dapat mengurangkan dan mengawal penularan COVID-19, menghilangkan kegelisahan juga kebimbangan yang dirasakan ketika berada di rumah dan dapat mengalihkan fokus juga perhatian ketika berada di rumah. Oleh yang demikian, ada baiknya waktu yang terluang diisi dengan aktiviti yang berfaedah dan membawa kebaikan.

Selain daripada aktiviti fizikal yang boleh dilakukan untuk menjaga kesihatan fizikal, kita juga boleh melakukan aktiviti rohani, dari segi keagamaan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan ibadah, membaca Al-Quran, berzikir juga berdoa agar sentiasa terlindung daripada wabak COVID-19. Selain daripada itu, inilah masanya untuk mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan ibadah dan meninggalkan kesibukan dunia disebabkan oleh kelalaian juga kealpaan kita sebagai manusia.

Penghilang stres

Memandangkan duduk di rumah dalam jangka masa yang sangat lama boleh membuatkan seseorang menjadi bosan dan tidak tahu apa yang harus dilakukan hingga menyebabkan stres dan lebih membimbangkan lagi menyebabkan masalah kesihatan mental. Jadi, aktiviti masa

lapang dapat membantu menghilangkan stres dan penat setelah sibuk bekerja juga belajar di rumah kerana ia dapat membantu untuk menenangkan fikiran, misalnya aktiviti memasak. Resipi-resipi yang diinginkan sekarang dari pelbagai negara boleh didapati secara mudah melalui perkongsian media sosial, seperti TikTok, YouTube, Instagram dan lain-lain. Dalam erti kata lain, ia bagaikan terapi minda dan *mood booster* bagi sesetengah individu kerana ia dapat merangsang lima deria rasa.

Merapatkan hubungan kekeluargaan

Teknologi telah sehati dan tidak asing lagi di dalam kehidupan seharian. Walaupun berada di dalam satu rumah, ramai yang masih sibuk dengan aktiviti dan komitmen masing-masing. Ibu bapa sibuk dengan urusan kerja melalui Work From Home, manakala anak-anak mereka pula sibuk dengan *online learning*.

Oleh yang demikian, dengan melakukan aktiviti bersama keluarga dapat membantu merapatkan lagi hubungan kekeluargaan dengan meluangkan masa bersama keluarga dengan berkomunikasi dan berinteraksi, seperti menonton televisyen, memasak, membersihkan rumah juga bermacam-macam lagi. Dengan melakukan aktiviti bersama keluarga akan memeriahkan lagi suasana rumah yang sebelum ini sepi kerana sebelum pandemik, masing-masing sibuk dengan aktiviti masing-masing.

Selain daripada itu, kita juga boleh berhubung semula bersama kawan-kawan yang sudah lama tidak dijumpai dan saudara mara melalui panggilan telefon, WhatsApp, Zoom, Instagram juga sebagainya. Jadi, inilah masa yang sesuai untuk memperbaiki dan merapatkan semula hubungan kekeluargaan.

Sumber rezeki

Tambahan pula, inilah masanya untuk mencuba aktiviti yang belum pernah kita lakukan sepanjang berada di rumah. Selagi belum mencuba, kita tidak akan tahu sejauh mana potensi yang mungkin terdapat pada diri kita sendiri. Aktiviti yang dilakukan di rumah boleh dijadikan hobi yang berpanjangan hingga negara pulih dari COVID-19. Malahan, ia juga boleh dijadikan

kerjaya sebagai sumber pendapatan bagi menjana pendapatan sampingan, terutama pada masa yang sukar ini, contohnya memasak, menjahit baju dan menanam bunga, buah atau sayur-sayuran. Hasil daripada kraf tangan jahitan, masakan dan bercucuk tanam boleh diusahakan untuk dijual.

Memandangkan segelintir individu yang kehilangan pekerjaan dan keperluan daripada kewangan juga tambahan, dari segi pendapatan, terutama sekali dalam kalangan belia sementara mencari pekerjaan. Ilmu dan bahan untuk memulakan perniagaan juga boleh dipelajari melalui internet sepanjang berada di rumah untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan secara dalam talian.

Dari sini, rakyat tempatan boleh menyokong dan menikmati produk hasil jualan orang tempatan *kitani* juga dapat menyumbang pada ekonomi negara. Jadi, ada baiknya jika mengambil inisiatif untuk merangsang lagi kemahiran, bakat dan daya kreativiti seseorang.

Jaga kesihatan walaupun berada di rumah

Walau hanya melakukan aktiviti di rumah, namun kita perlu menjaga kesihatan, dari segi fizikal dan mental, terutama dari segi pemakanan. Kadar pengambilan makanan yang melimpahi had yang sepatutnya atau berlebihan jika tidak dikawal dengan baik akan menyumbang pada masalah kesihatan, terutama sekali masalah obesiti yang membahayakan.

Terutama sekali jika tidak melakukan aktiviti senaman di rumah akan menyebabkan berat badan menjadi berlebihan juga turut menjejaskan kesihatan lain lebih-lebih lagi golongan yang menghadapi penyakit kronik, seperti kencing manis, darah tinggi dan kadar kolesterol yang berlebihan dinasihatkan supaya mengamalkan pengambilan makanan yang sihat dan berkhasiat sewaktu pandemik.

Manakala, jika melakukan sesuatu aktiviti, pastikan dalam keadaan selamat dan mengikut kemampuan masing-masing. Janganlah sampai menjejaskan dan mencederakan anggota badan diri sendiri dan ahli keluarga. Selain daripada itu,

amalkan kebersihan dan pastikan rumah dalam keadaan bersih juga sentiasa mencuci tangan menggunakan sabun dan cecair pembasmi kuman.

Kepentingan duduk di rumah

Walaupun tidak dapat keluar seperti biasa, jika dilihat dari sudut positif, dengan melakukan aktiviti di rumah dapat menjimatkan wang, tenaga dan masa dari kesibukan sehari-hari jika dibandingkan dengan biasanya.

Rakyat berperanan untuk mematuhi segala arahan dan peraturan yang telah ditetapkan untuk *teranah* di rumah dan jangan keluar rumah jika tiada keperluan atau tujuan yang penting untuk mengurangkan jangkitan dan penularan COVID-19.

Janganlah sesekali melanggar peraturan yang telah ditetapkan dan jika berasa kurang sihat, pergilah mendapatkan Uji Swab dengan segera, di Pusat Kesihatan yang berdekatan juga jalani dan patuhilah tempoh kuarantin hingga selesai.

Tanggungjawab setiap individu mestilah dijalankan agar tidak menyumbang pada masalah kesihatan memandangkan negara sekarang sibuk dan bertungkus-lumus dalam membanteras juga memberikan rawatan khusus dan rapi bagi para pesakit COVID-19. Jagalah kesihatan dan jalankan peranan masing-masing.

Penutup

Walaupun hanya melakukan aktiviti di rumah, namun berpada-pada dalam membuat sesuatu aktiviti jangan sampai lalai dan mendatangkan keburukan hingga menjejaskan diri sendiri. Bertindaklah dengan bijak juga bahagikan masa untuk menjaga kesihatan dan jangan lupa tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Marilah kita *teranah* di rumah demi menyokong hasrat kerajaan untuk membebaskan Negara Brunei Darussalam daripada pandemik COVID-19 dengan melakukan aktiviti di rumah. Negara kita boleh mengatasinya jika semua pihak mahu bekerjasama dalam mematuhi peraturan juga menjalankan tanggungjawab masing-masing. Ini merupakan salah satu inisiatif dan tanggungjawab sebagai rakyat untuk memulihkan semula agar dapat melakukan aktiviti di luar seperti sedia kala.



JIS HULUR BARANGAN KEPERLUAN ASASI



PENGARAH Operasi dan Enrichment, Justin Harris menyampaikan keperluan barangan makanan asasi kepada bagi Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC), diterima oleh Presiden BRC, Awang Haji Mohd. Suhaimi bin Haji Ibrahim, yang berlangsung di BRC Risk Deployment dan Logistik Hub, Ibu Pejabat Kebangsaan BRC, Pejabat Pos Bunut, Jalan Haji Halus.

BANDAR SERI BEGAWAN, International School - JIS) dengan keperluan barangan makanan asasi kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Khamis, 30 September. - Sekolah keprihatinan pihaknya, hari ini berkesudian menyumbangkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam

Darussalam (BRC). Sumbangan berlangsung di BRC Risk Deployment dan Logistik Hub, Ibu Pejabat Kebangsaan BRC, Pejabat Pos Bunut, Jalan Haji Halus, di sini, disampaikan oleh Pengarah Operasi dan Enrichment, Justin Harris kepada Presiden BRC, Awang Haji Mohd. Suhaimi bin Haji Ibrahim. BRC dalam inisiatifnya, antaranya sama-sama membantu Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain dalam menangani pandemik wabak COVID-19, yang melanda negara sejak 7 Ogos 2021 lalu dengan penyediaan Bakul Makanan Kecemasan COVID-19, yang disumbangkan kepada masyarakat yang terkesan oleh penularan wabak COVID-19. Adapun golongan disasarkan ialah masyarakat yang tidak berkemampuan, asnaf fakir miskin, keluarga daif yang berdaftar, di dalam Program BRC Food AID dan warga asing juga pekerja migran, di negara ini.

Sejak dari 10 Ogos lalu, sebanyak 500 Bakul Makanan Kecemasan COVID-19 diedarkan kepada mereka yang memerlukan, di seluruh negara. Dengan sumbangan JIS ini diharap akan dapat membantu kelestarian kecukupan catuan makanan asasi yang sedia ada dalam simpanan Program BRC Food AID Bank, yang ditubuhkan hampir lima tahun lalu. Program BRC Food AID Bank diwujudkan bersesuaian dengan objektif dan sasaran BRC bagi menyediakan bantuan kecemasan berupa catuan keperluan makanan asasi semasa bencana, musibah atau pandemik berlaku, di negara ini. Selain itu, BRC menzahirkan penghargaan dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak JIS dan rakan-rakan korporat Friends of BRC, yang berkesudian menyumbang ke arah kelestarian bagi jangka panjang yang berterusan untuk program tersebut.

Manfaatkan masa dengan baik

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Al-Minhaaj Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Selaku bangsa berakidah sepertimana yang pernah ditahankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai gelombang kedua COVID-19 yang dihadapi ketika ini, ia membawa maksud kekuatan kita selaku umat Islam.

Kita Ahli Sunnah Waljamaah percaya Allah bersifat Wahdaniyyah, iaitu Esa pada zat-Nya, sifat-Nya, dan perbuatan-Nya.

Esa pada perbuatan-Nya bermaksud segala perkara yang terjadi hakikatnya adalah perbuatan Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak ada perbuatan makhluk kerana perbuatannya tiada memberi kesan.

Pengarah Pengurusan dan Pentadbiran Al-Minhaaj Centre juga Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak mengongsikan perkara tersebut bersama Pelita Brunei melalui WhatsApp baru-baru ini.

Bila pegangan ini wujud dalam jiwa kita, katanya, maka inilah yang meningkatkan keimanan dan kerohanian kita kepada Tuhan.

"Dia akan lebih takutkan Tuhan, berbanding COVID-19 kerana dia tahu yang memberi dia sakit ialah Tuhan, bukan COVID-19.

"Tuhan yang memberikan dia segala manfaat dan darurat, bukan makhluk. Tuhanlah yang mematikan dan menghidupkan, andainya seribu kali dia positif

COVID-19 sekalipun, sekiranya belum takdirnya datang ajalnya, maka dia akan terus hidup," tegasnya.

Menurutnya, kembalilah mengingati tujuan kita di muka bumi ini seperti yang dihabiskan Allah, seperti mana firman-Nya, "Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku," dan gunakanlah kesempatan *teranah* di rumah ini untuk mendekatkan diri kita kepada Allah.

Awang Abdul Rahman, seterusnya menyatakan, jika sebelum ini kita asyik beralasan tiada masa untuk membaca Al-Quran kerana sibuk, tiada masa berzikir kerana menghantar anak sekolah, tidak mampu memperbanyakkan sembahyang sunat kerana letih selepas bekerja, sibuk aktiviti sukan, maka manfaatkanlah waktu lapang *teranah* di rumah ini dengan menunaikan ibadah, apa lagi perkara-perkara yang wajib dilaksanakan, seperti sembahyang qada yang pernah ditinggalkan secara sengaja atau tidak sengaja; mengqada puasa wajib (Ramadan); belajar ilmu fardu ain yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim yang Mukalaf; dan mengqada zakat harta atau zakat fitrah yang belum

terbayar.

Sekiranya kewajiban di atas belum tertunai terangnya, apakah alasan mereka mengatakan, "Bosan atau boring duduk tahan-tahan di rumah *inda* adakan dibuat?" melainkan hati mereka yang telah tertutup hingga tidak rasakan takut atas dosa-dosa yang mereka lakukan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, "Taatlah kepada Allah, dan Rasul dan Ulil Amri (pemerintah atau ketua)".


Menjadi suatu kewajiban kepada kita untuk mentaati Allah, Rasul dan ketua-ketua, termasuk Menteri Kesihatan yang dianggap sebagai Ulil Amri mengikut konteks ayat tersebut.

Dengan berlapang dada atas segala arahan dan larangannya, perkara ini adalah termasuk dari



PENGARAH Pengurusan dan Pentadbiran Al-Minhaaj Centre juga Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

DUA LAPIS SUNGKUP MUKA YANG DAPAT MENGHALANG COVID-19



Memakai dua lapis sungkup muka boleh menyebabkan sukar bernafas tetapi tidak akan mengurangkan bekalan oksigen

DUA LAPIS SUNGKUP MUKA DIGUNAKAN BILA:



KERJA PEMBAIKAN, MELAPIS SEMULA ASPAL

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan, di Jalan Raja Isteri Pengiran Hajah Saleha, menghala ke Bandar Seri Begawan (di bawah Jejambatan Jalan Pengiran Babu Raja), bermula Sabtu, 2 Oktober 2021, mulai jam 8.00 malam

hingga 6.00 pagi pada hari berikutnya hingga kerja-kerja selesai.

Penutupan sementara separuh jalan tersebut adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan dan melapis semula aspal di jalan berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya akan mengambil langkah

untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Bagi sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan menerusi Talian Darussalam, 123 atau Live Chat 123 menerusi +673 8333123 atau Facebook, *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel ke *pro@pwd.gov.bn*.



PENUTUPAN sementara separuh jalan adalah bagi membolehkan kerja pembaikan dan melapis semula aspal dapat dilaksanakan.

Pemakluman penutupan sementara



SEBAHAGIAN JALAN DITUTUP BAGI KERJA MENAIKTARAF LONGKANG

JALAN LENCONGAN



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menghargai Nikmat Air'. Tarikh Tutup : 6 Oktober 2021
2. 'Menjaga Diri Daripada Melakukan Perkara Sia-sia'. Tarikh Tutup : 13 Oktober 2021
3. 'Menghargai sumbangan warga emas'. Tarikh Tutup : 20 Oktober 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 September. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada pengguna-pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian jalan, di Simpang 455-11, Jalan Kecil Lumut, Kampung Lumut, bermula Sabtu, 2 Oktober 2021, mulai jam 8.00 pagi, selama sebulan.


Penutupan sementara separuh jalan tersebut adalah bagi membolehkan kerja-kerja menaik taraf longkang di jalan berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin

mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Bagi sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan menerusi Talian Darussalam, 123 atau Live Chat 123 menerusi +673 8333123 atau Facebook, *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel ke *pro@pwd.gov.bn*.

Beberapa tempat Lebuhraya Muara - Tutong, Jalan Penghubung Berakas ditutup sementara mulai 2 Oktober



PENUTUPAN sementara sepenuh jalan, di beberapa tempat jalan susur keluar dari / masuk menuju ke Lebuhraya Muara - Tutong; dan Jalan Penghubung Berakas, mulai 2 Oktober hingga 5 Oktober 2021.

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Oktober. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutamanya para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sepenuh jalan, di beberapa tempat jalan susur keluar dari / masuk menuju ke Lebuhraya Muara - Tutong; dan Jalan Penghubung Berakas (sila rujuk peta), mulai Sabtu, 2 Oktober 2021 hingga Selasa, 5 Oktober 2021, bermula jam 8.00 pagi hingga jam 2.00 petang.

Penutupan sementara sepenuh jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja melapis semula aspal, di kawasan-kawasan berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin menasihatkan kepada para pengguna jalan raya tersebut untuk menggunakan jalan alternatif yang terdapat di kawasan berkenaan (sila rujuk peta).

Selain itu, para pengguna jalan raya juga adalah diingatkan untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam 123 atau Livechat Talian Darussalam 123 menerusi +673 8333123 atau e-mel ke *pro@pwd.gov.bn*.

WARGA EMAS WAKILI 22 PERATUS POPULASI DUNIA MENJELANG 2050



ANKARA, 1 Okt. - Peratusan populasi warga emas di dunia dijangka meningkat dua kali ganda sehingga 1.5 bilion adalah terdiri mereka berusia lebih 65 tahun menjelang 2050, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Orang berusia 60 tahun dan ke atas merangkumi 12.3 peratus daripada populasi dunia dan pada 2050 jumlah itu dijangka meningkat hampir 22 peratus.

"Peningkatan mendadak diramalkan di negara-negara

paling kurang maju, jumlah orang berusia 65 tahun ke atas meningkat daripada 37 juta pada 2019 menjadi 120 juta pada 2050 (225 peratus).

"Semua wilayah akan melihat peningkatan penduduk warga emas antara 2019 dan 2050. Peningkatan terbesar (312 juta) diunjur di Asia Timur dan Tenggara, meningkat daripada 261 juta pada 2019 menjadi 573 juta pada 2050," lapor Agensi Anadolu memetik UN Population Fund.

Sementara peningkatan

terpantas di utara Afrika dan Asia Barat, kenaikan dijangka lebih rendah di Australia, New Zealand, Eropah dan Amerika Utara.

Pada 1990, PBB menetapkan 1 Okt sebagai Hari Warga Emas Antarabangsa untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dan taraf hidup sosial golongan itu.

Tema tahun ini, 'Digital Equity for All Ages' bertujuan menyedarkan dunia mengenai perlunya akses dan penyertaan warga emas dalam dunia digital.

"Warga emas sering dibiarkan terasing semasa pandemik. Mereka juga berisiko besar menjadi mangsa ancaman jenayah siber.

"Kita perlu berusaha untuk

meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan warga emas untuk kesejahteraan mereka," kata Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres.

Justeru beliau menyeru "dasar, strategi dan tindakan lebih inklusif diperlukan untuk mencapai persamaan digital untuk semua peringkat umur." - ©BERNAMA

Kes COVID-19 menurun, Jepun tarik balik darurat

TOKYO, 1 Okt. - Perintah darurat COVID-19 di Jepun ditarik balik sepenuhnya pada Jumaat pertama kali sejak April, lapor Agensi Berita Kyodo.

Sehubungan itu darurat yang dikenakan di bandar raya Tokyo dan 18 wilayah lain turut ditarik balik, berikutan penurunan berterusan kes baharu di seluruh negara.

Perniagaan seperti restoran dan taman tema sudah siap sedia berdepan peningkatan jumlah pengunjung, sekali gus mengembalikan semula aktiviti sosial dan merencanakan ekonomi di samping mencegah gelombang jangkitan baharu.

Sektor pelancongan dijangka mengalami peningkatan tempahan untuk lawatan domestik dan penginapan. Nippon Airways Co menerima kira-kira 50,000 tempahan, 10 kali lebih banyak berbanding sebulan lalu.

Taman tema Tokyo Disney dan Universal Studios Jepun akan meningkatkan jumlah maksimum pengunjung hariannya kepada 10,000 berbanding 5,000 sebelum ini.

Kes COVID-19 di seluruh Jepun menyaksikan trend penurunan sejak 25,867 kes dilaporkan pada 20 Ogos lalu dan pada Khamis sebanyak 1,576 kes dilaporkan.

Tokyo dikenakan perintah darurat pada 12 Julai, kira-kira 11 hari sebelum pembukaan Olimpik, diikuti Okinawa. Pada Ogos pula darurat dikuatkuasakan di wilayah Osaka dan Fukuoka. - ©BERNAMA

Panggung Negara Somalia kembali dibuka selepas 30 tahun

MOGADISHU, 30 Sept. - Bashir Mohamed tidak berganjak dari tempat duduknya ketika menonton sebuah filem di Panggung Negara di Mogadishu, yang dibuka semula selepas tiga dekad.

"Saya tidak pernah percaya perkara seperti ini berlaku di kampung halaman saya di Somalia," kata Mohamed, 28, kepada Anadolu Agency (AA).

Selepas perang saudara meletus pada awal 1990-an, Panggung Negara itu tidak lagi beroperasi. Panggung itu dibuka pada 1967, hadiah dari pemimpin China Mao Zedong kepada rakyat Somalia.

Selama bertahun-tahun, acara muzikal, drama dan festival telah diadakan di panggung itu.

Akhirnya, bermula minggu lalu, dua filem 'Hoos' dan 'Date From Hell' ditayangkan di panggung itu dan penduduk tidak melepaskan peluang untuk menyaksikannya walaupun harga tiket mahal.

"Saya sering bertanya bagaimana rasanya berada di dalam pawagam. Kini saya berusia 28 tahun, hakikatnya filem tidak ditayangkan di sini selama lebih 30 tahun," kata Mohamed, yang belum pernah ke merasai pengalaman seperti itu.

Katanya, kawalan dan pemeriksaan keselamatan amat ketat di pintu masuk panggung, kali ini kerajaan serius mengenai aspek keselamatan.

Panggung itu digunakan sebagai pangkalan tentera oleh warlords of Somalia semasa perjuangan mereka untuk menguasai ibu negara Mogadishu.

Pada 2012, seorang pengebom bunuh diri menyasarkan panggung itu, menyebabkan empat orang terbunuh dan mencederakan puluhan lagi yang lain, termasuk tiga wartawan dan Ahli Parlimen Somalia yang menghadiri majlis memperingati ulang tahun ke-28 Televisyen Negara Somalia.

Penerbit filem Kaif Jama, 24, yang terbabit dalam penghasilan filem Hoos, mengajak rakyat Somalia bersama-sama merasai kemeriahan di panggung berkenaan, yang disifatkan umpama "tempat ajaib".

"Kami mahu filem Somalia ditayangkan kepada rakyat supaya kami dapat membesarkan anak-anak dan semua yang lain dengan budaya kami," katanya. - ©BERNAMA

223 kes baharu demam denggi dilaporkan di Punjab, Pakistan

ISLAMABAD, 1 Okt. - Punjab di timur Pakistan melaporkan 223 lagi kes demam denggi sejak 24 jam lalu, mencetuskan kebimbangan berlakunya penularan baharu wabak di wilayah itu, lapor Agensi Berita Xinhua.

Setiausaha Jabatan Kesihatan Punjab Imran Sikandar berkata daripada 223 kes demam denggi

sebanyak 167 jangkitan dilaporkan di Lahore.

Sekurang-kurangnya 35 lagi kes dilaporkan di Rawalpindi.

Punjab, wilayah yang dihuni lebih daripada separuh jumlah penduduk negara ini, telah melaporkan sebanyak 1,659 kes demam denggi tahun ini.

Pegawai itu berkata jabatan

kesihatan telah melakukan operasi membasmi larva nyamuk denggi di seluruh wilayah.

Islamabad juga telah menghadapi peningkatan jumlah jangkitan dan sekurang-kurangnya tiga pesakit meninggal dunia dalam tempoh dua minggu, lapor media tempatan pada Khamis. - ©BERNAMA

Biden tandatangani RUU dana jangka pendek elak penutupan kerajaan

WASHINGTON, 1 Okt. - Presiden Amerika Syarikat Joe Biden pada Khamis menandatangani rang undang-undang (RUU) dana jangka pendek selepas mendapat kelulusan Kongres, bagi mengelak penutupan kerajaan yang dijangka bermula pada tengah malam, lapor Xinhua.

Terdahulu, Senat dan Dewan Perwakilan meluluskan RUU itu, yang membolehkan kerajaan mendapat pembiayaan sehingga 3 Dis. Kelulusan itu mendapat undian 65-35 di Senat dan

undian sebanyak 254-175 di Dewan, dengan beberapa Ahli Parlimen Republikan menyokong Demokrat.

RUU itu antara lain akan menyediakan dana kecemasan untuk membantu rakyat Amerika yang terjejas akibat bencana alam seperti Taufan Ida dan membantu penempatan semula pelarian Afghanistan.

Kelulusan oleh Kongres itu selepas sehari-hari RUU dibahaskan kerana Demokrat berniat untuk memasukkan

penungguan had hutang namun dibantah Republikan.

Ahli Parlimen Republikan berpendapat Demokrat harus menyelesaikan krisis hutangnya sendiri, kerana Kongres dan Rumah Putih di bawah kawalan mereka.

Sementara itu, Demokrat turut berdepan rintangan daripada Republikan dan ahli parti mereka sendiri dalam usaha untuk meluluskan pakej perbelanjaan bernilai US\$3.5 trilion. - ©BERNAMA

China, Malaysia bincang hubungan kerjasama

BEIJING, 30 Sept. - Menteri Luar Wang Yi berharap China dan Malaysia dapat mengekalkan pertukaran bertaraf tinggi dan mengoptimalkan peranan mekanisme baharu jawatankuasa kerjasama selain memperkukuh pembangunan berkualiti Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI).

Beliau berkata kedua-dua negara juga diharap dapat memperkukuh dan memperhebat "dua taman di dua negara" serta mempergiat kerjasama dalam bidang baharu.

"Kedua-dua negara adalah jiran baik serta mempunyai hubungan akrab, dan China juga merupakan rakan dagang terbesar Malaysia untuk 12 tahun berturut-turut, selain pelabur terbesar bagi sektor perkilangan Malaysia selama lima tahun berturut-turut.

"la sekali gus menonjolkan keadaan ekonomi yang saling melengkapi dan potensi kerjasama antara satu sama lain," kata Wang Yi semasa mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah menerusi panggilan

telefon pada Rabu.

Menyentuh mengenai wabak COVID-19, Wang berkata China akan terus menyokong usaha Malaysia membendung wabak itu dan mendorong kerjasama vaksin.

"China bersedia untuk bersama Malaysia meningkatkan perpaduan dalam perjuangan melawan wabak, di samping menentang amalan menuding jari terhadap negara lain dan mempolitikkan usaha merungkai asal usul wabak," katanya.

Mengenai Inisiatif Pembangunan Global yang dikemukakan Presiden Xi Jinping dalam sesi ke-76 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), Wang berharap Malaysia terlibat secara aktif dalam inisiatif itu selain mendorong pembangunan global lebih kukuh, hijau dan sihat, sekali gus mempercepat pencapaian matlamat Agenda Pembangunan Mampun PBB 2030.

Sementara itu, rakan sejawatannya Saifuddin merakamkan ucapan tahniah sempena sambutan ulang tahun

ke-72 Republik Rakyat China dan menyatakan penghargaan terhadap peranan China dalam menyatupadukan dunia membendung wabak dan mewujudkan pembangunan bersama.

"Malaysia menghargai bekalan vaksin dan kerjasama penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran vaksin, selain turut menantikan kerjasama dalam perubahan tradisional," katanya.

Saifuddin berkata Malaysia tidak berganjak daripada usaha memperluas hubungan dengan China, dan berharap mencari potensi kerjasama dalam BRI.

Kedua-dua pihak turut sepakat untuk mendorong perkongsian kerjasama strategik China-ASEAN ke tahap baharu dengan mengambil momentum ulang tahun terjalinnya hubungan dialog.

Dalam perbualan telefon itu, kedua-dua menteri luar turut membincangkan isu antarabangsa dan serantau yang menjadi perhatian bersama termasuk kawalan senjata nuklear dan isu Afghanistan. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

KINI kira-kira 32 jenis sukan mempunyai Persatuan Sukan Kebangsaan dan lebih daripada 150 pertubuhan / kelab sukan dan belia menjalankan aktiviti sukan di Negara Brunei Darussalam. Aktiviti sukan di sekolah dan institusi pelajaran tinggi dirancang dan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan, termasuk persediaan dan penyertaan di kejohanan peringkat ASEAN.



ePaper Pelita Brunei

SINGAPURA TUAN RUMAH PIALA SUZUKI AFF 2020

Siaran Akhbar dan Infografik :
Persekutuan Bola Sepak ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 September. - Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) telah mengumumkan bahawa Singapura telah dilantik sebagai negara tuan rumah bagi Piala Suzuki AFF yang dijadualkan berlangsung pada 5 Disember 2021 sehingga 1 Januari 2022.

Sebagaimana yang diumumkan sebelum ini, AFF telah mengambil keputusan untuk menjadi tuan rumah keseluruhan kejohanan tahun ini berlangsung di satu *venue* berpusat tanpa menerapkan *format home and away* semata-mata untuk menjaga kesihatan dan keselamatan semua pasukan-pasukan; pemain-pemain; para jurulatih, kakitangan serta peminat.

Setelah perbincangan dibuat secara meluas, Singapura secara rasmi disahkan sebagai tempat pertandingan tahun ini oleh Perbadanan AFF yang bersidang secara maya hari ini.

Walaupun bagaimanapun, format pertandingan tidak akan mengalami perubahan, setiap pasukan akan mempunyai empat perlawanan di peringkat kumpulan. Seterusnya, perlawanan separuh akhir dan akhir masih akan dimainkan dengan format *two leg*.

Selepas sesi cabutan undian yang berlangsung minggu lalu, juara bertahan Viet Nam akan bertemu finalis AFF Suzuki Cup 2018 Malaysia serta Indonesia, Kemboja dan Lao dalam Kumpulan 'B' sekali gus mempertahankan gelaran juaranya pada tahun 2018.

Dalam Kumpulan 'A', empat kali juara Piala Suzuki AFF, Singapura akan mempunyai tugas berat untuk menghadapi lima kali pemenang Thailand, Filipina, Myanmar dan pemenang pusingan kelayakan antara Negara Brunei Darussalam dan Timor Leste untuk mara ke separuh akhir kejohanan.

Presiden AFF, Mejar Jeneral Khiev Sameth, berkata, "Kami dengan senang hati mengumumkan Singapura sebagai negara tuan rumah Piala Suzuki AFF 2020 yang akan datang. Kami menerima banyak tawaran menarik dari Persatuan AFF dan Perbadanan AFF sukar untuk membuat keputusan.

"Dengan memberikan keutamaan mengenai kesihatan dan keselamatan semua orang yang terlibat, akhirnya

FINAL ROUND DRAW - RESULTS



GROUP A		GROUP B	
A1	THAILAND	B1	VIETNAM
A2	MYANMAR	B2	MALAYSIA
A3	PHILIPPINES	B3	INDONESIA
A4	SINGAPORE	B4	CAMBODIA
A5	QR WINNER	B5	LAOS

ini adalah jalan utama menentukan tawaran berkenaan. Kami sangat berterima kasih kepada semua Persatuan Anggota yang tampil ke hadapan untuk menjadi tuan rumah kejohanan pada masa-masa yang mencabar ini.

"Ini benar-benar memperlihatkan semangat kekuatan dan tekad ASEAN dalam menghadapi kesukaran. Sekarang, dengan keputusan ini dibuat, kita dapat memfokuskan usaha kita untuk bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Singapura untuk memastikan acara itu diadakan dengan aman dan selamat.

"Dan juga yang menghidupkan kegembiraan bola sepak dan semangat para peminat ASEAN. Kami berharap dapat membawa permata mahkota bola sepak ASEAN kepada semua peminat kami di rantau ini," jelasnya lagi.

Pengarah Urusan, Asia Tenggara di SPORTFIVE, Malcolm Thorpe berkata, "Kami menyokong penuh Keputusan AFF bagi Singapura menjadi negara tuan rumah

untuk Piala Suzuki AFF 2020 yang akan datang. Saya pasti semua orang, termasuk FAs, pasukan, pemain dan tentunya peminat teruja untuk menerima pengesahan lokasi kejohanan tersebut. Kami tahu bahawa ini hanya permulaan, dan masih ada banyak kerja keras yang perlu dilakukan untuk memastikan pertandingan berjalan dengan lancar untuk semua pihak yang berkepentingan".

Presiden Persatuan Bola Sepak Singapura, Lim Kia Tong, mengatakan, "Kami merasa rendah hati dipilih oleh AFF sebagai tuan rumah pusat untuk Piala Suzuki AFF berprestij bermula pada bulan Disember ini. Terdapat beberapa cadangan tuan rumah yang lain dari rakan ahli AFF iaitu, Thailand.

"Mereka memberi kita kekuatan memperjuangkan tawaran. Kami berterima kasih atas peluang keemasan ini dan kepercayaan yang diberikan oleh AFF kepada kami. Kerja keras bermula dari sekarang dan kami akan melakukan semua yang kami mahukan, bekerjasama dengan AFF dengan kerajaan Singapura, yang terus berusaha menyokong tawaran tersebut, dan pihak berkuasa lain memastikannya acara akan berjalan dengan lancar juga terjamin untuk semua peserta dan peminat bola sepak ASEAN. Kami akan menangani perlawanan ini dengan baik semasa musim yang mencabar ini di negara kami".

Peminat boleh menyaksikan perlawanan AFF Suzuki Cup 2020 melalui siaran-siaran berikut, iaitu Negara Brunei Darussalam melalui Radio Televisyen Brunei; Indonesia melalui RCTI Indonesia; Champion TV melalui Vidio; Malaysia melalui Astro; Republik Korea melalui SBS; Thailand melalui Saluran BBTB 7HD; Viet Nam, Lao, Kemboja dan Myanmar melalui Next Media.

Disiplin tinggi pemain faktor kemenangan TFC - Nafuzi Zain

KUALA NERUS, 30 Sept. - Disiplin tinggi ditunjukkan pemain dari awal hingga akhir permainan menjadi faktor kemenangan pasukan Terengganu FC (TFC) ke atas Selangor FC malam tadi.

Pengendali TFC Nafuzi Zain berkata Selangor bukanlah pasukan mudah untuk ditewaskan namun kejayaan anak buahnya menyempurnakan perancangan awal yang dibuat ternyata membuahkan hasil.

"Saya ucap tahniah kepada pemain yang telah menunjukkan persembahan terbaik dan mengikut apa yang kita rancang dari awal hingga akhir permainan.

"Kami akui Selangor juga mempunyai peluang menang yang sama dan berjaya mencemaskan kubu pertahanan pada saat-saat akhir permainan, namun Alhamdulillah tekanan dapat diserap dengan baik oleh pemain," katanya selepas perlawanan kedua Kumpulan B saingan Piala Malaysia di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, malam tadi.

Terengganu beraksi cemerlang dalam pertemuan penuh dramatik menundukkan Selangor 2-0 hasil jaringan Dechi Marcel dan Lee Tuck pada minit ke-22 dan 51.

Kemenangan itu sekali gus meletakkan Terengganu sebagai pendahulu dalam Kumpulan B dengan kutipan enam mata manakala Selangor di tempat kedua dengan tiga mata.

Menurut Nafuzi, penerancangannya dengan membina kekuatan jentera di bahagian tengah juga ternyata menjadi dan membuahkan hasil untuk skuad Penyuh.

Sementara itu, pengendali skuad The Red Giants, Karsten Neitzel mengakui sedikit terkilau kerana gagal mengutip sebarang mata meskipun banyak peluang terhidang depan mata.

Bagaimanapun, beliau enggan menyalahkan anak buahnya 100 peratus kerana diakui telah memberikan persembahan terbaik serta tentangan sengit kepada skuad Penyuh. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PENUBUHAN Belia Masjid adalah disempenakan dengan kedatangan alaf baharu abad 21. Setelah mendapat persetujuan dari pihak atasan, Belia Masjid telah ditubuhkan di seluruh masjid-masjid, surau dan balai ibadat di negara ini dan surat perintah penubuhan Belia Masjid ini telah diedarkan di setiap masjid, surau dan balai ibadat, bermula pada 19 Januari 2000. Bahagian Imarah, JHEM dipertanggungjawabkan sepenuhnya dalam mengawal Belia Masjid.

SUMBER : Suara Wanita Brunei, Siri 4.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SAYANGI KELUARGA, HORMATI SESAMA, LINDUNGI BERSAMA, DEKATKAN DIRI KEPADA-NYA